

Jilid IV
Bil. 66



Hari Rabu
21hb Disember, 1994

M A L A Y S I A

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGAN

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan (Vang Simpanan Pekerja (Pindaan) 1994
[Ruangan 10689]

Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan)
(Pindaan) 1994 [Ruangan 10690]

Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1994 [Ruangan 10737]

Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994
[Ruangan 10776]

Rang Undang-undang Penculikan (Pindaan) 1994 [Ruangan 10863]

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No. 2) 1994
[Ruangan 10881]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 10787]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P.,
D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

Menieri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY YELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S,S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Pelra Jaya).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M.,
D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

Menieri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S.
(Kuala Selangor).

Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

Menieri Perlahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.U., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

„ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

„ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Balas).

Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.J.M.P. (Mentakab).

Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHD. FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).

Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAK, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taipmg).

Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).

Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO' MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

Seliausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Seliausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.J.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P. K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Meriajam).

TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

DR V. DAVID (Puchong).

Yang Berhormat TUAN FONG KUI LUN (Klang).

TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

„ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Petani).

„; LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin),

TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).

TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).

TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

TUAN KERK KJM HOCK (Pasir Pinji).

DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).

TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

„ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

Yang Berhormat TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

TUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut),

TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bemas).

DATUK MAIDOM P. PANSAL (Kota Belud).

TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N.
(Kuala Kedah).

DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P.
(Larut).

DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).

DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N.,
B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

TUAN RADIN MALLEH (Padas).

Yang Berhormat DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

„ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

„ CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanang).

TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

DR TAN SENG GIAW (Kepong).

TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).

TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

TUAN WONG WING ON (Kampar).

TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

- Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
- Pemangku Kelua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.
- Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

- Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

- Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kelsom bini Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Ll. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Rabu, 21hb. Disember, 1994***Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA**

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULAN WANG SIMPANAN
PEKERJA (PINDAAN) 1994***Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (20hb. Disember, 1994)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita akan menyelesaikan lapan urusan lagi pada hari ini dan besok. Jadi, sebagaimana yang telah pun diminta saya mengumumkan iaitu kalau sekiranya hendak memanjangkan mesyuarat hendaklah diberitahu awal-awal lagi. Jadi, hari ini kila terpaksa melanjutkan mesyuarat kiia sehingga jam 10.15 malam ini. Satu Usul akan dikemukakan nanti dan tempoh seiiap ahli yang hendak berucap seperti yang ditetapkan semalam ialah 15 minit seorang.

Pasal 3 hingga 34 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan tanpa pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBADANAN PRODUKTIVITI
NEGARA (PEMERBADANAN)
(PINDAAN) 1994***Bacaan Kali Yang Kedua dan Keiiga**2.38 ptg.*

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan mencadangkan beberapa pindaan kepada Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 ini adalah untuk melicinkan urusan pentadbiran Perbadanan dan untuk mcmmbcri kuasa melaksanakan keputusan Jemaah Menteri bagi menguruskan penswastaaan Hotel NPC dan Institui Pengurusan Perhotelan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menghuraikan ciri-ciri utama Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Seksyen baru 5C yang merupakan peruntukan baru berhubung dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana orang yang sedang atau pernah bekerja dengan Perbadanan. Pindaan ini adalah selaras dengan syor Pejabat Ketua Audit Negara supaya satu peruntukan khusus mengenai surcaj diwujudkan dalam Akta. Pada masa ini Perbadanan tidak diperuntukkan kuasa untuk memindahkan atau melupuskan apa-apa aktiviti, kuasa, tugas atau fungsinya kepada mana-mana organisasi atau badan lain.

Dengan memasukkan Seksyen 7C Perbadanan ini diberi kuasa untuk memindahkan aktiviti perhotelan dan Institut Pengurusan Perhotelan NPC kepada syarikat KUB Holdings Berhad, yang demikian akan melicinkan urusan per-swastaaan seperti yang diputuskan oleh Jemaah Menteri pada 11 hb. Mei, 1994 tersebut.

Pindaan seterusnya adalah bertujuan mengemaskinikan lagi Akta bagi memudahkan urusan pentadbiran Perbadanan, terutama perkara-perkara yang berhubung dengan Lembaga Pengarah seperti kuorum, mesyuarat, penggunaan meteri Lembaga, kelayakan keahlian Lembaga dan sebagainya.

Seksyen baru 19 ini memberikan kuasa kepada menteri untuk meminda Jadual Akta melalui perintah yang disiarkan dalam warta. Pada masa ini, pindaan kepada jadual ini perlu dibubarkan oleh Parlimen. Yang demikian, dengan kuasa yang diberikan kepada menteri untuk membuat pindaan kepada jadual ini akan melicinkan lagi urusan pentadbiran Perbadanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bayan Baru.

2.43 ptg.

Tuan Ahmad bin Nor (Bayan Baru): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya mengambil bahagian dalam membincang soal pindaan Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan untuk meminda Akta Perbadanan ini adalah untuk memberi kuasa kepada Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) menswastakan hotel dan juga untuk menswastakan insilusi pengurusan hotel. Perkara ini telah dibincang dengan hangat pada masa yang lalu pada masa NPC hendak diperbadankan dan kita telah membangkit perkara penglibatan NPC dalam perhotelan yang mana itu bukanlah bidang, fungsi, objektif sebenar NPC. Tetapi pada masa itu pihak menteri ataupun timbalan menteri telah mempertahankan bahawa NPC berkemampuan untuk menjalankan aktiviti perhotelan.

Saya hendak tahu, kerana dulu kita bantah dan telah pun diberi sokongan yang kuat oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa NPC mampu dan boleh mengendalikan hotel. Kita hendak tahu mengapa sekarang hotel ini hendak diswastakan? Apakah kerugian hotel ini dalam tempoh semasa ia dikendalikan ataupun diuruskan oleh pihak NPC? Kalau

rugi, kita hendak tahu banyak mana rugi kerana dulu awal-awal kita sudah bantah tetapi hendak diteruskan juga? Kiia hendak tahu berapa banyak kerugian yang dialami oleh pihak NPC kerana menguruskan hotel ini?

Kita juga ingin tahu, jika sekiranya hotel ini hendak diswastakan ataupun pengurusannya hendak diswasiakan, adakah faedah jika dibandingkan dengan secara alternatif lain jika sekiranya pihak kerajaan ataupun kementerian mengambil keputusan untuk menjualkan hotel ini? Menjual langsung hotet ini, kerana ini bukan bidang tugas dan objektif NPC seperti mana yang saya nyatakan.

Saya ingin melihat NPC memberi tumpuan yang penuh kepada soal produktiviti negara. Ini satu perkara yang cukup penting kepada negara—soal produktiviti. Kerana saya lihat badan-badan, institusi-institusi lain terutamanya badan-badan swasta mengambil bahagian yang cergas dalam soal meningkatkan produktiviti sama ada dari segi pengurusan mahupun kerja-kerja yang lain. Adalah lebih baik NPC mengambil bahagian yang lebih cergas daripada pihak swasta dalam soal meninggalkan pengurusan syarikat ataupun perkhidmatan kerajaan daripada menumpu dalam bidang pemiagaan seperti perhotelan. Saya cadangkanlah perkara ini tidak payah diswastakan, kalau boleh jual langsunglah hotel itu, kerana ia tidak memberi manfaat kepada NPC mahupun Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Jadi,.....

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. Penjelasan.

Tuan Ahmad bin Nor: Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: "Malam Mesra" kita kena bermesralah. Apa beza swasta dengan jual? Swasta dengan jual sama, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Ia boleh diswastakan, kemudian ada masa ia boleh ambil balik. Kalau diswastakan ini walaupun ia serahkan soal pengurusan seratus peratus kepada pihak swasta yang mengendalikan hotel ini nanti, tetapi mungkin dalam tempoh-tempoh tertentu ia boleh ambil balik.

Jadi, adalah lebih baik jika sekiranya hotel ini dijualkan langsung dan ia akan memberi manfaat dan keuntungan kepada NPC dan alaupun kepada kerajaan.

Jadi, itulah Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian yang serius dalam hal perkara ini. Selain daripada itu, kita juga mengetahui bahawa pekerja-pekerja yang terlibat di dalam pengurusan hotel ataupun hotel ini, antaranya adalah mereka yang juga menjadi kakitangan kepada NPC dan kita hendak tahu bagaimanakah perkara ini dibentuk, disusun semula (restructure) supaya tidak ada siapa yang akan menjadi mangsa kepada tindakan NPC untuk menswastakan hotel dan pengurusan hotel ini? Itulah sahaja pandangan ringkas saya lentang pindaan yang pendek ini.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Klang.

2.48 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin nrtengambil bahagian untuk membahaskan Akla Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 dan saya ingin

mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan perkara yang bersangkutan dengan produktiviti negara dan usaha-usaha untuk meningkatkan tagi produktiviti dalam bidang-bidang yang di anggap lemah.

Tuan Yang di-Pertua, kescluruhannya arah aliran produktiviti negara dalam tahun 1992 mencatat perkembangan 4.7% dan saya memahami sektor utama yang memberi sumbangan ke arah peningkatan produktiviti ialah sektor pembuatan. Dalam tahun 1991 ialah 19,7% dan tahun 1992, 28.3%. Sektor pertanian ialah 16%. Perdagangan, 11% dan sektor kewangan ialah 10.3%.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Perbadanan Produktiviti Negara sudah pun meningkatkan program latihan berterusan untuk meningkatkan produktiviti sesuai dengan arah aliran pertumbuhan ekonomi negara, tetapi peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Produktiviti Negara sebagai institusi pembangunan sumber manusia khususnya dalam pengurusan peningkatan produktiviti masih belum boleh dibanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1992 Perbadanan Produktiviti Negara sedadar berjaya mengendalikan 317 kursus yang melibatkan 6,837 peserta berbanding dengan kursus-kursus seperti Program Pengurusan Kualiti adalah 29 kursus melibatkan 1,379 peserta.

<i>Kursus</i>	<i>Bil. Kursus</i>	<i>Peserta</i>
Pengurusan Produktiviti	30	496 orang
Pengurusan Sumber Manusia	107	1,783 orang
Pengurusan Pengeluaran	19	276 orang
Program IKS Usahawan	78	1,737 orang
Program Jualan dan Pemasaran	9	120 orang

Tuan Yang di-Pertua, aspek kejurualan dan pemasaran adalah bidang yang masih lemah dalam sektor perdagangan di negara ini. Tanpa memberi penekanan kepada aspek ini, sesebuah perniagaan perdagangan dan industri tidak akan bergerak dan berkembang. Apabila barang-barang dan perkhidmatan tidak dapat dipasarkan dan dilangani menurut matlamat-matlamat tertentu sektor lain dalam industri akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Produktiviti Negara tidak boleh berbangga dengan hanya mengadakan 9 kursus melibatkan 120 peserta dalam setahun, sedangkan kita mengharap sekor jualan dan pemasaran memainkan peranan penting membangunkan sesebuah industri. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Perbadanan Produktiviti Negara menubuhkan sekolah latihan jurujual dan pemasaran sendiri bagi membantu syarikat kecil IKS dalam membangunkan sumber manusia dan menambah bilangan tenaga kerja yang terlatih, produktif dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana negara sibuk membangunkan ekonomi dan setiap rakyat merebut peluang-peluang perdagangan dan industri dalam semangat yang tinggi, tetapi jika mcrcka tidak dibekalkan kemahiran dan kepakaran dalam bidang tersebut, perniagaan tidak akan melangkah jauh.

Tuan Yang di-Pertua, IKS dan syarikat-syarikat kecil milik rakyat tempatan sekarang tumbuh macam cendawan, di samping para-pengusahanya mempunyai sedikit pengetahuan tentang perniagaan secara am, mereka kurang berpengetahuan untuk memasarkan sesuatu barangan dan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, jika Perbadanan Produktiviti Negara mengambil daya-usaha untuk menubuhkan sekolah latihan

sendiri, maka ramai pengusaha dan pasukan pemasaran mereka dapat dilatih secara profesional.

Pada masa ini kursus latihan jurujual dan pemasaran yang dikendalikan oleh industri pengajian swasta sangat mahal dan terhad. Selain dari masalah bahasa, kekurangan tempat belajar menyebabkan syarikat-syarikat kecil tidak dapat meiatih pasukan pemasaran mereka. Perbadanan Produktiviti Negara hendaklah mengenakan caj yang berpatutan bagi kursus-kursus yang dianjurkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kepong.

2.53 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya setelah Malam Mesra — itu,.....

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, penyokong-penyokong kerajaan tidak semangat! (*Ketawa*)

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Hey! Mahu gaduhkah? Baru kawan semalam, hari ini mahu gaduh!

Dr. Tan Seng Giaw: Pengeluaran atau produktiviti sangat rendah (*Ketawa*).....

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Cakap dahulu!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Speaker, tidak ada disiplin sekarang. Saya cakap, orang bising

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jikalau cakap elok-elok, orang tidak bisingslah. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini yang dibentangkan hari ini adalah sedikit sebanyak membayangkan keadaan produktiviti di negara ini adalah masih kurang.

Saya mempunyai banyak bukti yang menunjukkan produktiviti masih boleh diperbaiki, kerana kita tinggal kalau banding dengan Korea Selatan, produktiviti kita 30% lebih rendah daripada Korea Selatan. Begitu juga kalau kita bandingkan dengan Singapura, Taiwan mungkin 40%-50% lebih rendah dan ini menunjukkan peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) adalah tidak cukup untuk objektifnya bagi membangunkan tenaga manusia dan enterprise ke arah kecemerlangan melalui perundingan, penyelidikan dan latihan di bidang produktiviti, kualiti usahawan dan pengurusan. Contoh yang jelas menunjukkan bahawa objektif ini belum lagi dicapai ialah dengan hotel yang disebutkan.

Saya pun tidak tahu kalau dengan melatih kakitangan untuk meningkatkan produktiviti, pengeluaran di dalam hotel sendiri — hotel bukan besar. Misalnya Hotel Dayang — bukan besar

Seorang Ahli: Besar!

Dr. Tan Seng Giaw: Hotel NPC sekarang.....

Beberapa Ahli: Besar!

Dr. Tan Seng Giaw: Empat star! Kalau 'empat star' teruklah macam itu — teruk 'empat star', tidak ada 'star', tidak ada 'kota star' pun lidak ada. Ini adalah satu contoh yang menunjukkan pihak NPC sendiri sangat lemah, tidak dapat menguruskan hotel sendiri dengan baik. Kalau

itulah teladan yang ditunjukkan oleh pihak NPC, bagaimana NPC dapat menggalak, memupuk dan mengharap-kan negara ini dapat meningkatkan produktiviti? Ia sendiri tidak dapat meningkatkan produktiviti sehingga terpaksa membentangkan satu Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) (Pindaan) 1994 untuk menswastakan hotel itu. Sebenarnya hotel itu ada di tangan sektor swasta, tetapi diambil alih oleh pihak NPC, kemudian produktiviti turun. Dengan penurunan produktiviti NPC ini dia hendak swasta semula. Jadi 'dong ding dong', ulang-alik macam itu. Ini satu produktiviti ulang-alik.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: *(Menyampuk)*

Dr. Tan Seng Giaw: Jerai ini bising sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat penjelasan daripada Kepong. Dia kata "ding dong, ding dong", tetapi kalau kita cadang hendak swaslakan dekal dia, dia mahukah?

Dr. Tan Seng Giaw: 'Demo, kome' pun begitu jugalah. Itu bahasa daerah Jerai. Baik kita panggil 'Jerai International Hotel' *(Ketawa)*. 'Jerai International Hotel' kerana pengeluaran yang kurang *(Ketawa)*

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, menurut laporan produktiviti 1994, baik juga dia ada keluarkan laporan

buat kali yang pertama oleh NPC, baik jugalah, ada standard juga kerana sekurang-kurangnya dia mengakui produktiviti tidak cukup, laporan dibentangkan, tetapi tidak nampak laporan di sini. Itu adalah satu kelemahan juga, yang menunjukkan penambahan gaji 6.7% walhal produktiviti hanya bertambah 5.3%, 6.7% kenaikan gaji dan produktiviti 5.3%. Ini menunjukkan satu kelemahan lagi — kenaikan gaji tetapi produktiviti kurang. Saya menekankan di sini bahawa gaji hendaklah sesuai dengan sumbangan pekerja-pekerja. Itu memang kita mesti jaga dan Ahli Yang Berhormat Bayan Baru pun mesti sentiasa menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun. Ahli Yang Berhormat Padang Terap bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Padang Terap, pula! Saya ingat "Jerai Internasional", cukup dah!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, hari ini Ahli Yang Berhormat Kepong pun meng'contradict himself, dengan izin. Tadi dia kata produktiviti kurang dan di dalam nada yang sama, dia kata gaji mestilah mengikut sumbangan para pekerja. Dan dalam nada yang sama juga dia kata, gaji lebih daripada produktiviti. Awal-awal ladi dia kata produktiviti negara rendah, rendah daripada Korea tetapi kawannya yang di sebelah kanannya dari Bayan Baru selalu melaungkan tentang gaji yang rendah. Jadi, apakah ini membayangkan satu 'muddle thinking'? dengan izin.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana ada 'muddle thinking' pula? Saya hanya memetik laporan daripada Laporan

Produktiviti yang dikeluarkan oleh NPC, Itulah hakikat fakta yang ditunjukkan. Kalau Yang Berhormat dari Padang Terap tidak percaya kepada angka-angka ini, matilah. Ini bermakna dia tidak percaya kepada kerajaan sendiri! Macam mana boleh buat macam itu? Sekarang dia sudah menjadi Setiausaha Parlimen. (*Ketawa*) Kalau tidak percaya kepada kerajaan, jangan kita menyertai kerajaan! Baik kita jadi penyokong kerajaan. Cukupkanlah! Kalau penyokong kerajaan tidak cukup, mari ke sebelah sini, lebih baik lagi! (*Ketawa*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat Kepong, adakah Yang Berhormat berseluju atau tidak bahawa kenaikan gaji 6% berbanding dengan kenaikan produktiviti 5.3% itu adalah satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku dan segala perjuangan yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Bayan Baru itu adalah perjuangan yang berasaskan kepada premis yang palsu!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, premis yang dipegang oleh Ahli Yang Berhormat Padang Terap itu tidak baiklah. Dia tidak sokong kerajaan tetapi dia hendak menyertai kerajaan. Prinsip seperti ini adalah prinsip songsang! (*Ketawa*)

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat bersetuju atau tidak, walau apa pun dia kata, Padang Terap memanglah kawasan yang tidak pernah 'tip'. Padang Terap memang teruk, dekat-dekat sempadan Siam sana. Tetapi dia tidak sedar yang kita sedang bincang

ini ialah soal gaji naik, memang perlu naik sebab kos sara hidup dan taraf hidup yang meningkat. Tetapi soal produktiviti ini adalah soal yang penting. Apabila produktiviti tidak meningkat, kita tidak boleh salahkan pekerja. Soal produktiviti bukan soal sekadar memperbaiki soal pengurusan tetapi ia menyentuh soal pengeluaran. Bila bercakap mengenai pengeluaran ia mesti ada teknologi yang baik, yang tinggi, yang canggih. Kalau itu tidak diusahakan oleh pihak yang bertanggungjawab, pihak yang berkuasa untuk menentukan produktiviti meningkat, kita tidak boleh salahkan pekerja. Kerja rajin pun, kalau kerja 10 jam, 16 jam sehari pun sukar hendak meningkat produktiviti kalau tidak ada usaha-usaha oleh pihak berkuasa NPC berusaha untuk meningkatkan produktiviti. Bukan rajin boleh meningkatkan produktiviti. Gaji mesti naik! Barang makan naik, gaji mesti naik! Kalau tak naik, saya perang habis-habis. Ini mesti mahu faham. Betul atau tidak? (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat Bayan Baru kerana dia percaya kepada — kita mesti adakan teknik-teknik pembuatan (manufacturing technics) yang baru seperti sistem pembuatan flexible dan produksi optimum teknologi (optimum production technology) untuk menghapuskan segala pembaziran, segala kelewatan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Ahli Yang Berhormat Kepong, adakah dia bersetuju dengan saya bahawa Ahli Yang Berhormat Bayan Baru tadi lelah contradict himself, dengan izin, lagi. Dia kaia gaji mesti naik sebab kos tinggi. Adakah dia tahu bahawa kos tinggi disebabkan produktiviti yang rendah, Produktiviti rendah, maka kos tinggi. Kalau produktiviti naik maka kos akan

turun, sebab produktiviti itu adalah component of the cost. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, dua-dua orang itu dok contradict, bercelaru, 'muddle thinking'!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Padang Terap memang banyak teori. Pada satu ketika dia ada teori cakrawala, iaitu teori relativity digunakan untuk ekonomi, Dan ada pula diikuti dengan teori 'cakrawati'! (*Ketawa*) Dia kata "main goir boleh meningkat produktiviti. (*Ketawa*) Kedua-dua teori ini memeningkan kepala kita. (*Disampuk*) Dengan itu, Ahli Yang Berhormat Padang Terap dengar baik-baik, saya akan menjualkan satu pantun kepadanya. (*Ketawa*)

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak kepada Jerai, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tunggu sekejap. Saya mahu Ahli Yang Berhormat Padang Terap dengar baik-baik:

Seorang Ph.D berteori di Padang Terap,

Sabung lembu di sempadan Thailand,

Teori Cakrawala dalam ekonomi tidak boleh harap,

Alah sabung menang sorak di England. (*Disampuk.*)

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Jerai bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tujukan kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap bukannya Ahli Yang Berhormat Jerai. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia pun berasa (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tuju kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap!

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjimatkan masa saya mintalah Ahli Berhormat Kepong berhenti sebab bahasanya tidak ada dalam kamus, kemudian bercelaru pula! Jadi, 'wati' itu 'wati' apa? Sarawatikah, apa watikah? Ini sudah bercelaru, Shima atau apakah? (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Cakrawati itu memang bahasa Malaysia. Itu bermakna pemerintah ataupun kerajaan. Itu sastera lama!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Padang Terap tidak mahu berbalas, saya tujukan kepada Ahli Yang Berhormat Jerai pula. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, dia hendak balas.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balas apa? Itu bukan pantun. Pembayang maksud pun tidak beil. (*Ketawa*) Maksudnya pun tidak kena hendak suruh saya balas.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak 'rhyme' pun di belakang itu. Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat Padang Terap tidak mahu balas, jangan kita hendak salahkan orang. Itu tidak baik. Ia dipanggil 'alah sabung menang sorak'. Itulah coraknya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Parit Sulong bangun. Parit yang sulong, ya! (*Ketawa*)

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:

Budak-budak main pelampung,

Sambil makan buah pala,

Dengar cakap Ahli Kepong,

Kita semua pening kepala. (*Ketawa*)
Itulah jawabnya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,

Padang Terap, krisis Bosnia di Parit Sulong,

Titik lidah di *Utusan Melayu*,

Isu Bosnia menjadi sulong,

Air titik ke batu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Ia tidak "rhyme" di belakang tu!

Dr. Tan Seng Giaw: Rhyme juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kenaikan gaji 6.7% dan produktiviti 5.3%, ini bermakna kita masih mempunyai kelemahan yang tertentu kalau dibandingkan negara-negara yang telah saya sebutkan tadi; Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Taiwan. Ini saya pun tak tahulah apakah NPC sedang mengatur rancangan-rancangan untuk memperbaiki keadaan yang tidak baik ini. Kalau kita hendak menjadi negara yang maju pada tahun 2020 ini bermakna keadaan sedemikian

tidak boleh wujud lagi. Kita mesti dapat sekurang-kurangnya satu keseimbangan antara pertumbuhan produktiviti dan kenaikan gaji. Itu yang perlu dibuat untuk mengubah keadaan yang ada di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mengenai nilai-nilai untuk kecemerlangan di negara ini. Saya nampak Yang Berhormat "Madam Rapid Fire" telah membangkitkan satu masalah mengenai nilai-nilai yang diharapkan diwujudkan di negara ini ialah bukan nilai mirip kepada Timur ataupun nilai mirip kepada Barat, tetapi nilai Malaysia sendiri, itu baik juga. Pada satu dekad yang lepas kita hendak pandang ke Timur, kemudian kita hendak pandang ke Barat dan sekarang kita balik ke Malaysia. Dalam satu dekad hendak balik ke Malaysia, itu baik juga. Saya hendak Yang Berhormat menerangkan apakah etika kerja yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri untuk negara ini.

Seorang Ahli: Terima kasih! (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa Menieri sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Ada orang kata 'terima kasih' tak apalah. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu. Menteri rana, Menteri Perdagangankah, saya tak tahu. Menteri di sini sahaja biasanya tetapi di situ pun ada! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bakal Menteri!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada sedikit masa lagi sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Sedikit masa lagi, ya. Tuan Yang di-Pertua, apakah kemudahan-kemudahan yang dimaksudkan oleh pihak kerajaan, yang digalakkan oleh pihak kerajaan seperti pembangunan kemahiran dan kerjaya, peluang untuk pekerja-pekerja dan peluang untuk program-program latihan dan sebagainya untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja di negara ini. Itu satu perkara yang penling untuk kita sama-sama memperjuangkan bagi meningkatkan produktiviti di negara ini. Setakat itulah, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Arau.

3.16 *ptg.*

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Saya ingat kot Pasir Mas cakap dahulu, pasal saya bangun beri kawan lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Saya rasa cukup tepat sekali usaha-usaha kerajaan pada masa sekarang iaitu untuk menswastakan sebanyak yang mungkin badan-badan yang kita rasa boleh meningkatkan produktiviti. Persoalan saya, apabila National Productivity Centre ataupun Perbadanan Produktiviti Negara membuat penilaian mengenai produktiviti, adakah diambil kira produktiviti yang sepatutnya dikeluarkan oleh pegawai-pegawai kerajaan. Sebab angka yang diberikan ini ialah berdasarkan angka keseluruhan. Tetapi saya ingin bertanya sejauh manakah kita boleh mendapatkan angka dari pihak kerajaan sendiri, walaupun ini susah hendak dikira. Setengah jabatan mungkin amat sukar untuk kita kira, setengahnya boleh dikira. Tetapi walau bagaimanapun, saya ingat perlu diambil kira untuk membolehkan mana-mana badan ataupun

agensi kerajaan yang kita rasa boleh kita swasta, sebab tujuan penswastaaan diantara sebabnya ialah kita hendak pastikan supaya prestasinya meningkat, dan bila prestasinya meningkat, keuntungannya meningkat, dan bila keuntungannya meningkat sekaligus produktivitinya meningkat. Jadi, dengan secara tersebut, saya rasa kerajaan boleh menyelamatkan wang dan dalam masa yang sama memberi peluang kepada mereka yang lebih pakar untuk memastikan supaya keuntungan dan juga produktivitinya meningkat.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita sedar bahawa Perbadanan Produktiviti Negara ada had seminar ataupun kursus yang mereka boleh buat. Jadi, dalam hal ini penumpuan harus diberikan kepada sektor-sektor yang kita rasa boleh membantu negara secara tepat. Dalam hal ini, kita tidak dapat nafikan bahawa produktiviti kita yang paling besar ialah dalam bidang pembuatan. Saya percaya pembuatan yang ditumpukan yang pertamanya kepada teknologi tinggi, yang keduanya kepada teknologi biasa. Saya hendak cadangkan supaya kalau boleh kedua-dua ini diberi perhatian. Sebab tiap-tiap teknologi tinggi selalunya bermula daripada yang biasa ataupun yang rendah, kemudian dia meningkat sehingga dapat sampai ke tahap yang kita kehendaki.

Dalam kedudukan negara sekarang untuk pasaran tempatan, saya lihat perkembangan bahagian pembuatan ini masih lagi di peringkat teknologi rendah. Tetapi saya ingat kita tak boleh kaiakan bahawa ini teknologi yang rendah dan kita tak patut beri perhatian. Saya rasa ini kita patut beri perhatian untuk membolehkan mereka meningkat sehingga ke tahap teknologi tinggi. Pasaran tempatan kita melihat bahawa di bidang pembuatan di peringkat Industri Kecil dan Sederhana (IKS) ini banyak memberi pertolongan

kepada pasaran tempatan. Dengan itu saya percaya kalau sekiranya kita beri perhatian yang lebih kepada perkara ini, kita dapat menolong perkembangan pasaran tempatan. Saya hendak menyebut perkara ini sebab dalam masa yang sama kita mengambil pekerja asing yang mana walau apa pun persoalan yang kita timbulkan pekerja asing itu berada di sini, sama ada secara sah ataupun tak sah mereka berada di sini. Di peringkat yang pertama dahulu, mereka merupakan pekerja yang tidak ada langsung kepakaran. Mereka hanya ada tenaga dan kudrat sahaja, cuma mungkin apabila kerajaan memastikan supaya mereka yang masuk secara sah, kita boleh pastikan mereka ini ada kepakaran sedikit untuk masuk bekerja di sini. Tetapi di peringkat awal dahulu dan setengahnya telah pun menjadi warganegara. Peringkat awal dahulu mereka bukan ada kepakaran apa, tetapi kepakaran didapatkan melalui proses pengalaman yang mereka dapat semasa mereka bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil satu contoh di mana oleh kerana kesungguhan dan juga kuat bekerjanya pekerja asing ini sehingga sekarang ini mereka telah menjadi tuan punya, lelah menjadi entrepreneur, sudah menjadi taukeh dalam bahasa yang paling mudah. Dan sekarang orang tempatan pula terpaksa bekerja dengan mereka. Jadi, bidang ini saya rasa banyak kita tak memberi perhatian oleh kerana sekarang ini bukan Perbadanan ini sahaja yang memben lumpuan kepada produktiviti — semua banyak badan — INTAN pun beri kursus, macam-macam badan memberi kursus, kalau ikut budget ini hampir semua kementerian terlibat memberi kursus untuk lujuan produktiviti. Jadi, untuk Perbadanan ini dia memberi tumpuan yang khusus terutamanya kepada industri pembuatan.

Jadi, apabila bidang ini telah tertinggal ianya akan diambil oleh orang-orang yang tidak mempunyai kepakaran tetapi sekarang-kurangnya mereka menguasai pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah melihat dua tiga kes di mana pendatang luar yang datang secara tidak sah tetapi sekarang dia sah ataupun setengahnya telah dapat kad biru dan sekarang dia menjadi taukeh besar. Macam di Tasek Kenyir orang Terengganu scdia maklum, di antara operator besar mengendalikan bot-bot pelancong itu orang asing. Dan dia mengambil orang tempatan bekerja dengan dia. Maksud saya di sini di bidang pertengahan yang mana apakah mungkin kita memberi perhatian di bidang tersebut uniuik membanyakkan kursus dan juga seminar untuk membolehkan bidang ini dapat diberi perhatian yang khusus oleh pihak kerajaan.

Saya tak tahu hendak explain lebih daripada itu, tetapi inilah bidang yang sekarang ini yang menguasai pasaran tempatan. Pasaran-pasaran luar mungkin dikendalikan oleh industri-industri yang berteknologi tinggi ataupun yang bermodal besar tetapi pasaran tempatan masih dikuasai. Contohnya macam katakan bengkel-bengkel besi — mereka ini menguasai pasaran tempatan dan juga menguasai industri-industri besar yang ada di dalam negara ini kerana untuk mendapatkan hasil yang murah, mereka akan dapat khidmat daripada bengkel-bengkel besi, tetapi mereka ini tak tersusun. Apabila ianya tak tersusun, maka ianya mudah untuk dimasuki oleh siapa sahaja. Saya bukan hendak kata pendatang asing ini tak boleh terlibat dalam bidang ini, tetapi saya ingat kalau sekiranya bidang ini orang tempatan boleh buat, saya ingat kita patut beri perhatian. Makna kata saya hendak cadangkan supaya Perbadanan

ini memberi perhatian lebih kepada bidang ini kerana ianya memberi sumbangan kepada produktiviti negara.

Kepada Bayan Baru saya hendak tegur sedikit, hendak tegur sedikit trade union. Itu sebab saya kata masalah kesatuan sekerja kita sekarang ini mereka hanya memikirkan soal pekerja, itu sebab dahulu saya kata penswastaan ini kalau boleh cuba beri melibatkan trade union sama. Beri dia rasa macam mana dia rasa teruk hendak jadi entrepreneur. Macam mana teruknya hendak bayar gaji. Saya ada perusahaan saya kecil sahaja, saya rugi pun Tuan Yang di-Pertua, saya kena bayar gaji, sebab pekerjaanya tak peduli, company untung atau rugi sebab sikap ini bukan — hendak salahkan mereka tak boleh, pekerja di Malaysia ini hendak salahkan mereka tak boleh, sebab apa pemikirannya telah dikusutkan oleh kesatuan sekerja yang mengatakan hidup mereka ialah gaji, bukan hidup mereka beri kerja sumbangan kepada syarikat yang berkenaan, supaya syarikat itu terus boleh memberi kerja kepada mereka.

Walaupun mungkin "look East" ini satu benda yang kadang-kadang dimainkan dan sebagainya tetapi kita tak dapat nafikan hakikal bahawa pekerja-pekerja Jepun terutamanya kita lihat bahawa hidup dan matinyabersama dengan syarikat yang mereka bekerja. Dan mereka menganggap itu bapa mereka dan dalam keadaan banyak hal, dia lebih hormat kepada syarikat itu daripada negara Jepun sendiri. Malah pada pandangan saya yang menguasai negara Jepun bukan negara Jepun tetapi syarikat-syarikat besar. Walaupun itu tak betul dari segi pandangan sebagai sebuah negara, tetapi hendak tunjukkan betapa hubungan di antara pekerja dan juga majikan itu begitu kuat tanpa campur tangan trade union. Kalau orang tanya saya secara peribadi, saya kata tak perlukan trade union. Trade union ini cuma

untuk kepentingan dua tiga orang tertentu, untuk boleh pergi ke luar negara berseminar, bersidang dan sebagainya tetapi dia tidak mendatangkan apa-apa kesan sebaliknya dia boleh mendatangkan kesan buruk.

Macam Kepong dalam klinik dia, dia ada berapa pekerja sekarang, katakanlah 10 pekerja. Saya percaya pekerjaanya hanya memikirkan tiap-tiap bulan ada gaji ataupun tidak. Kalau orang Malaysia semua tidak ada penyakit kulit, semuanya kulitnya bersih macam penyanyi semalam, jadi klinik dia tak laku! Apabila klinik dia lak laku, makna kata pekerja dia tak peduli, sebab dia terpaksa beri ubat dan sebagainya untuk dapat untung untuk dia bayar gaji tetapi pekerjaanya tidak...

Itu sebab saya lebih menekankan dahulu, saya sampai sekarang pun saya kata kita perlu cuma 'in-house union' tak perlu trade union. Itu semua mengganggu pemikiran negara, keharmonian pekerja telah digawatkan oleh sekumpulan trade union yang mencari kesempatan lebih mementingkan diri mereka bukan ada apa! Kita tahu sangatlah, kita pun masuk persatuan, masuk trade union dan sebagainya, dia lebih dalam bentuk untuk apa? Tak ada! Dia lebih dalam bentuk untuk penonjolan diri dan kononnya sedikit-sedikit perjuangan, tak perlu itu.

Sebab kalau sekiranya kita rasa pemikiran ataupun idea irade union ini baik, ini bukan pemikiran dan budaya tempatan. Malah bukan budaya orang Melayu bukan budaya orang Malaysia pun, bukan budaya orang Cina pun, bukan budaya orang India pun — ini satu budaya ciptaan baru untuk membolehkan mereka melawan 'establishment'. Depa hendak wujudkan negara sendiri, pemikiran sendiri. Dia kalah lawan dengan kerajaan,

dia tubuhkan trade union, lebih kurang macam itu. Tetapi saya percaya kalau sekiranya dia keluarkan arahan supaya semua pkerja ikut trade union pergi buat demonstration — tak ada, berapa orang yang datang? Saya ingat semua orang tak mahu hilang kerja.

Jadi, dengan itu saya tak bersetuju kalau sekiranya katakan produktiviti kalau kata gaji kalau produktiviti rendah kita tak peduli, tiap-tiap bulan kita mesti mahu gaji. Jadi, untuk membolehkan supaya benda ini jadi elok saya kata cuba beri peluang, baru dia rasa teruk, Macam Bayan Baru katalah kita beri chance beri dia ambil alih penswastaaan satu itu — hotel! Baru dia tahu 'Rabu dengan Khamis' — betapa teruknya hendak jaga hotel, kita hendak bercakap boleh. Kita kata rugi dan sebagainya ataupun beri kepada DAP malah beri PAS pergi manage hotel — kelam-kabut saya rasa. Ini di antara alternatif yang paling baik dan terbaik yang dibuat untuk memastikan supaya hotel itu diselamatkan — kita swasalkan. Kalau orang tanya saya, saya tak hendak beli hotel dekat situ — buat apa? Kalau orang suruh beli Hilton atau Shangri La — okaylah ataupun di mana-mana tempat yang di kawasan tiga segi emas ini. Tetapi hendak suruh beli di sana, tetapi ada orang sanggup untuk memastikan supaya hotel ini baik dan sebagainya — kita sokong.

Jadi, untuk tujuan tersebut saya ingat walaupun ini satu benda yang kita nampak dan segi angka, tetapi sepatuinya ia menjadi 'concern' bagi semua pihak supaya gaji dan juga produktiviti dia mesti dalam peringkat seimbang pada bila-bila masa, kita tak boleh beri peluang gaji naik terus tetapi produktiviti kita tidak ambil kira. Termasuk juga jabatan kerajaan, kita minta supaya benda ini diberi perhatian untuk membolehkan kerajaan mengurangkan saiz perkhidmatan awam

dan lebih dilibatkan dengan pihak swasta supaya pemikiran mereka adalah pemikiran dalam bentuk yang bukan Bayan Baru kata. Kalau dia kata, kalau kerja sepuluh jam pun lak guna. Sebenarnya itu adalah perkataan yang patut orang-orang kampung dia bercakap, dia ini asalnya orang di sebelah sana, orang kampung dia bercakap macam itulah, tetapi sekarang ini dia lama tak balik sebab dia duduk di Bayan Baru, orang kampung dia pemikirannya lebih advance daripada dia, dia sebut tadi Padang Terap dia kata kawasan sempadan Siam.

Jadi, pemikirannya siapa yang duduk di sempadan Siam itu 'lekeh' sekarang ini kita telah ada IMT-GT tau? Ha! Kita ada pertumbuhan Tiga Segi Utara, dia tak tahu itu, sebab dia terlampau tak berkecimpung dalam bidang ini. Dan untuk pengetahuan dia Padang Terap di antara pekan yang terbaik sekarang. Kita telah bina Maktab Sains MARA bukan Maktab Rendah Sains MARA — Maktab Sains MARA yang akan menjalankan kursus-kursus AAD dan juga 'A Level' dan sebagainya. Dan dia tidak ada di kampung dia, kampung dia di Alor Setar — Tongkang Yard. Nama pun Tongkang Yard berasal daripada tongkang.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita minia supaya benda ini diberi perhatian.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Penua, bila rakyat Malaysia sudah memikirkan gaji, bila rakyat Malaysia sudah memikirkan produktiviti, kita juga mendengar komen daripada Penasihat Ekonomi Negara bahawa pada tahun lepas, produktiviti kita turun oleh kerana terlampau banyak orang melibatkan diri dalam pasaran saham. Tahun ini, saya hendak minta Yang Berhormat dapat mengemukakan perangkaan yang sebenarnya. Adakah ini juga mungkin disebabkan oleh pasaran saham? Jadi, apakah

mungkin Perbadanan Produktiviti Negara ini juga memberi perhatian tentang kedudukan pasaran saham?

Makna kata kalau orang untung, bagi kursus yang membolehkan mereka melabur ataupun bagi kursus yang membolehkan supaya rakyat Malaysia tidak timbul perasaan "greed" yang berlebihan dalam jiwanya. Saya percaya, kalau pasaran jatuh seperti sekarang, tidak ada rakyat Malaysia yang boleh tersangkut. Tidak ada. Tidak ada menteri — tetapi menteri tidak mainlah, timbalan menteri, dia orang pun tidak main, Yang main, kami Ahli Parlimen sahaja dua, tiga orang. Itu pun dua, tiga orang. Itu pun tidak tahu oranglain. Sayaseorang, saya main. Tetapi kita tidak boleh sangkut, makna tidak boleh memikirkan teruk, rugi dan sebagainya kalau kita tahu apa makna saham. Jangan kita kata naik 10 sen, hendak tunggu naik 50 sen, jatuh 10 sen hendak tunggu naik balik baru hendak jual. Tidak boleh.

Hak yang ini saya rasa, kita kena beri perhatian sebab kalau kenyataan penasihat kerajaan yang mengatakan produktiviti kita turun oleh kerana orang terlibat main saham daripada lahun lepas, apakah kesan pada tahun ini bila saham jatuh? Adakah produktiviti kita meningkat ataupun bertambah?

Jadi, saya cukup prihatin tentang perkara ini kerana sekurang-kurangnya kalau itu kenyataan, itu sebenarnya berlaku, maka pihak Perbadanan ini harus bagi perhatian bagaimana hendak beri kursus pula kepada mereka yang berminat dengan pasaran saham.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Gulung di akhinya, Tuan Yang Di-Pertua, tetapi kita cuma ada 7 bil. Kalau seorang 15 minit, saya takut malam ini juga habis. Kalau habis malam ini, esok tidak ada apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kita baliklah. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Oh, saya ingat kot salah dari segi peraturan sebab Tuan Yang di-Pertua kata 2 hari, jadi kita hendak habiskan dua harilah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kita boleh buat Usul.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh buat Usul? Kalau boleh buat Usul, Tuan Yang di-Pertua, bila rakyat Malaysia semua sudah okay dan sebagainya, kita juga minta supaya rakyat Malaysia juga, bila kita semua sudah okay dari segi ekonomi, kita beri perhatian pula kepada soal-soal dunia sejagat, soal-soal kemanusiaan.

Jadi, kita bersyukur pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana prihatin rakyat Malaysia, prihatin Ahli-ahli Partimen, pergi beramai-ramai di Kedutaan Rusia tadi, termasuk Ahli dari Bayan Baru, tehma kasih. Walaupun tadi saya "mengata" sedikit, tetapi untuk itu saya berterima kasih kerana dia hadir bersama tadi untuk menyatakan rasa tidak puas hati kita kepada Kerajaan Rusia kerana telah menggunakan kuasa veto dan juga kerana perbuatan tidak berperikemanusiaan kepada Chechnya sampai sekarang ini kelam-kabut habis orang Chechen dibuat oleh Kerajaan Rusia. Tetapi malangnya kita telah dilayan dengan buruk tadi. Kita hanya diminta untuk berbincang di Guard Room, kila protest.

Pengerusi Biro Antarabangsa mewakili. Kita pun ada Kabinet juga Tuan Yang di-Pertua. Kita ada Pengerusi Biro Aniarabangsa telah menyampaikan Usul yang kita putuskan di Parlimen ini dan kita hantar dan insya-Allah selepas ini kita pergi ke Parlimen dia. Kita minta mungkin Tan Sri boleh mengetuai rombongan kita sebab dia hantar Speaker dia di sini, ataupun Deputyah supaya kita juga hendak menyatakan rasa protes kita di atas perbuatan mereka.

Cuma yang saya terkilan di hati, kenapa kawan-kawan kita dari PAS tidak menyertai? Mereka tidak hadir Malam Mesra semalam mungkin kerana semalam S. 46 sudah hadir. Malam Mesra semalam mungkin depa tidak suka hendak tengok kot, sebab haram tengok orang menyanyi dan sebagainya. Tidak apalah tetapi hari ini mereka tidak menyertai tetapi di Parlimen ini mereka menyokong. Sepatutnya mereka patui bersama-sama dengan kita sebab banyak orang Islam Bosnia mati dan di amara sebabnya ialah perbuatan Rusia tetapi mereka semua tidak hadir ataupun apa sebabnya kita tidak tahu.

Walau bagaimanapun, kita hendak menyatakan bahawa untuk perkara ini, kilajangan kira partilah. Parli kita nombor dua dan kita boleh bincang kemudian. Tetapi untuk tujuan soal-soal kemanusiaan sejagat, harus kita bersama termasuk Pak Nik yang lama mendiamkan diri, Di masapenggal dulu, dia rajin sangat fasal dia seorang-seorang. Bila orang ramai, dia tenggelam langsung. Masa penggal dulu, Tuan Yang di-Pertua, beri peluang dia bercakap tidak berhenti dan dia pun bercakap tidak berhenti. Dia kata, "Ambo sore-sore dia main". Sekarang sudah ramai dia lenggelam. Makna kata dia bukan hero lagilah sebab (*Ketawa*) mungkin Ahli daripada Marang yang mengambil alih ataupun dia sudah tidak sanggup mendengar.

Sebab Pak Nik ini walaupun mulutnya kasar, walaupun dia kaia orang UMNO tidak lerima Quran dan sebagainya leiapi kadang-kadang dia ini tidak puas hali, sebab orang PAS mengalakan orang UMNO ini lebih teruk dari orang bukan Islam. Itu Pak Nik tidak puas hati. Itu sebab dia hendak kata, dia tidak berani jadi dia diam. (*Ketawa*) Sebab dia sebagai orang alim, orang alim selalunya mendiamkan diri termasuk juga orang

PAS yang lain, yang rasa lidak puas hati dengan Nik Aziz. Saya tahu. Dia rasa tidak puas hati sebab dia cukup dan saya harap lepas ini dia boleh jadi Menteri Besar supaya dia boleh perbetulkan Nik Aziz supaya tidak lagi bercakap sedemikian rupa.

Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pasir Mas.

3.37ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, Akta Perbadanan Produktiviti Negara, saya pertama ingin merujuk kepada cadangan pindaan akta dengan mengemukakan pertanyaan kepada pihak kementerian iailu mengenai dengan prcstasi Perbadanan Produktiviti Negara ini.

Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, presiasi Perbadanan Produktiviti Negara sekarang ini tidaklah begitu memuaskan. Bukti-bukti yang saya mengatakan demikian akan saya timbulkan nanti. Cuma sebelum itu, kawasan saya Pasir Mas juga sempadan dengan Siam, seperti Padang Terap. Jadi, untuk pengelahuan Yang Berhormat dari Bayan Baru, orang yang sempadan dngan Siam ini, dari segi produktiviti memang "first class" kerana pengalaman yang kita terima dan kita lahu daripada negeri Siam lerutamanyabagaimana petani-petani mereka yang tidak diberi apa-apa jua latihan dan subsidi teiapi hasil perianian dari negara Siam cukup hebat sckali. Kalau durian, duriannya bcsar. Kalau mangga, mangganya cantik dan besar, isinya elok dan manis, tidak masam macam Bayan Baru. Terungnya panjang, cilinya besar, tidak kercpot. Ini kita lengok di Thaiiand. Begitu juga agensi-agensi lain. Kiia lihai terutamanya pekerja-pekerja Thailand. Yang kita lengok, tidak timbul masalah gaji.

Satu bukti yang paling jelas saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, nelayan-nelayan Siam. Mana orang boleh lawan dengan nelayan Siam. Bot yang tidak begitu sempurna boleh mereka meneroka laut dalam sampai beratus batu dan tidak pernah kita dengar orang-orang di negeri Siam mengadakan tunjuk perasaan menuntut kenaikan gaji. Tidak dengar kehebohan rakyat negara Siam sibuk dengan soal kesatuan sekerja. Ini orang yang duduk di sempadan Siam memang mengetahui. Banyak perkara ini, ada authority sedikit untuk bercakap bab produktiviti. Ini pengalaman yang kita lihat. Ini bukan cerita omong-omong dan negara tersebut pun negara jiran kita. Pertumbuhan ekonomi negara tersebut cukup hebat sekali dan kita lihat kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh mereka dalam bidang industri kecil dan sederhana cukup menggalakkan sekali. Sebab satu-satunya negara yang boleh tiru jenama-jenama penting seperti Dunhill, Long Jeans, Baliy ialah dari negara Thailand.

Macam Ahli Parlimen Nilam Puri, orang pakai Bally, dia pakai Bally. Kalau check, "Made in Golok". (*Ketawa*) Orang hendak style, dia pun hendak style. Ini ada di kalangan-kalangan mereka ini, orang nak style, dia tidak boleh style, maka dia beli barang Golok. Tetapi pokok pangkalnya, Tuan Yang di-Pertua, itu memberi gambaran betapa tingginya produktiviti di negara Thailand kalau dibandingkan dengan kita; yang diheboh-hebohkan oleh kesatuan sekerja, tuntutan naik gaji oleh pihak-pihak tertentu tetapi berbeza dengan apa yang kita berpengalaman di Thailand.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu puji sangat tentang produktiviti, pertumbuhan

ekonomi di Siam — bagus, saya bersetuju, misalnya di bidang pertanian dan di bidang industri kecil. Adakah ini bermakna kementerian kita ini seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan dan Industri gagal, tiada standard, kalau dibandingkan dengan Siam? Siam sudah maju dalam sernua segi, saya pergi dan saya bersetuju. Kenapa tidak betulkan mereka ini? Mereka ini tidak betul. Hak negara kita ini tidak betul, jangan dok puji sangat, jangan dok pertahan sangat, dok bela, sokong buta tuli macam Arau. Hentam sedikit dia orang— dia bersetuju itu. Terima kasih! (*Ketawa*)

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Pandai Bayan Baru. Di Siam, tidak ada DAP, tidak ada PAS dan tidak ada Semangat 46, itu boleh kita lihat pula dari segi konsep demokrasi di Siam berbeza. Dan bukan bererti bila saya kata produktiviti dan kejayaan Siam, kita tidak berjaya, kita berjaya, cuma Yang Berhormat sahaja tidak hendak terima hakikat kerana kepentingan politik. Boleh cakaplah, itu very cheap publicity — sorry to say — dengan izin, Tuan Yang di-Periua.

Kita kena lihat juga, Thailand bukan sebuah negara yang pernah dijajah. Itu satu perkara, banyak sejarah yang perlu kita kaji. Tetapi kalau kita bandingkan Malaysia pula dengan negara-negara lain dan Siam bukan negara yang bermasyarakat majmuk. Tidak seperti kita, di sini kila beri peluang kepada semua orang. Sekarang ini dalam integrasi nasional kita semakin baik daripada dahulu. Di Siam, kalau orang Cina pergi ke Siam, nama pun kena ikut Siam, macam di Indonesia. Syarikat pun kena sebut nama syarikat Siam. Tahu atau tidak, Kepong? Tidak boleh bahasa China, sepatah pun tidak ada di Siam— tidak boleh. Itu kita kena kaji sejarahnya — berbeda. Tetapi kita ini sebuah negara yang bermasyarakat majmuk dengan berbagai-bagai masalah sebelum ini dan tahap pencapaian kita sekarang ini cukup membanggakan

dan kita juga diiktiraf oleh dunia sebagai salah satu negara model sekarang ini — oleh dunia Islam, oleh dunia ketiga, di kalangan negara Asia-Pasifik, malah di datam laporan antarabangsa baik dari segi International Monetary Fund, World Bank ataupun lain-lain pertubuhan antarabangsa — It is a fact.

Malah dahulu, akhbar-akhbar yang pernah mengkritik negara kita satu ketika dahulu, hari ini kita dapai dalam akhbar-akhbar berkenaan sudah mengakui hakikat akan kehebatan dan kemajuan negara kita. Jadi, tidaklah sepatutnya Yang Berhormat dari Bayan Baru mengambil kesempatan bila saya kala Siam baik dari segi pencapaian dan produktiviti, maka terus dibandingkan dengan negara kita dalam konteks yang sempit dengan semata-mata hendak discredit Barisan Nasional. Itu bukan perbincangan intelektual yang sihait sebagai anggota Dewan Rakyat. Saya boleh, kalau cara baik saya boleh, katau lagi deras — teruklah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal produktiviti negara, saya hendak tanya bila Perbadanan Produktiviti Negara ini akan diswasiakan sepenuhnya? Sekarang ini saya hendak tanya bila? Sebab saya rasa sudah sampai masanya. Saya dengar rungutan, saya hendak tanya kementerian, sebab kementerian sendiri kurang sangat beri perhatian mungkin kepada Perbadanan ini, sebab MITI ini sibuk dengan right issue, hendak bawa pelabur-pelabur dari luar dan lawatan ke luar negara, jadi, bukan tidak diberi perhatian, tetapi kurang. Beri perhatian tetapi kurang, manakala mereka yang menduduki dalam Lembaga Pengarah, Perbadanan Produktiviti Negara ini, terdiri daripada sebahagian orang-orang korporat dan pengerusinya tokoh korporat, dengan harapan mereka ini boleh memberi sumbangan meningkatkan produktiviti negara, tetapi yang berlaku adalah di sebaliknya.

Oleh kerana mereka ini terlalu sibuk dengan urusan syarikat-syarikat awam mereka, maka mereka tidak ada masa, kecuali mereka ini hanya ditayang dalam buku laporan korporat semata-mata. Nah! Tan Sri itu sebagai Pengerusi, Dato' itu sebagai Pengerusi. Pernah saya bangkitkan dahulu dalam konteks soal produktiviti negara ini, agensi-agensi kerajaan lerutamanya, kita tidak perlu melantik satu-satu tokoh atau seseorang, walaupun dia ini hebat, sampai 5-6 jawatan. Yang akhmya, kita ada 7 hari seminggu, hari Ahad — berehat, lebih-lebih lagi kalau orang yang sudah berada dan sudah berjaya mahu juga sekarang ini naik jet-ski, mahu naik kuda, main golf — jadi, satu hari dalam seminggu paling tinggi 5 hari, hendak tumpukan kerja mereka.

Sebab itu, bila pihak-pihak pengurusan hendak mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah, mereka terpaksa menunggu mereka ini untuk menentukan tarikh bilakah mereka ini sesuai untuk mengadakan mesyuarat Lembaga? Ini pernah kita beri teguran, banyak kali. Supaya seseorang tokoh tidak diberikan langgungjawab dan tugas yang begiiu banyak. Ada sesetengah ilu, sampai jawatan pengerusi yang dia sendiri, anak syarikai dia, dalam perbadanan kerajaan sampai 10, ada 15, bila mereka ini bermesyuarat? Saya pun naik hairan. Jadi, macam mana kita hendak meningkatkan produktiviti negara?

Ini teguran yang ikhlas yang patut diberi perhatian. Sama juga dengan Perbadanan Produktiviti Negara sepatutnya menjadi model. Segala-galanya, memanglah kita lihat ada agensi kerajaan, ada pihak swasta yang menganjurkan kursus penting untuk meningkatkan produktiviti lebih baik daripada Perbadanan Produktiviti Negara. Itu mungkin salah satu sebab. Sebab yang kedua ialah masalah dalaman Perbadanan ini sendiri yang sebelum ini diperbadankan.

Saya difahamkan mereka yang bertugas di Perbadanan ini di NPC dahulu — National Productivity Centre dahulu dari segi kenaikan pangkatnya, ada ketikanya dibawa orang luar menjawat jawatan Timbalan Ketua Pengarah. Kenapa tidak diproses mereka yang sudah lama berkhidmat dengan NPC menyebabkan ada sesetengah meletakkan jawatan, termasuk Ketua Pengarah sebelum ini. Mungkin pihak kementerian akan menjawab. ini tidak ada masalah, mereka hendak letak jawatan dengan sukarela, ini optional pension. Soal-soal akan dijawab — dia boleh beri, saya tahu apa yang akan dijawab oleh kementerian nanti — menjawab, semuanya tidak ada masalah, semuanya baik, semuanya okay, tidak ada masalah.

Mereka meletak jawatan dengan secara sukarela tetapi the fact t h a t — there is a problem dalam Perbadanan Produktiviti Negara ini. Saya difahamkan — saya bukan buat tuduhan, ada satu-dua di kalangan mereka di dalam Perbadanan Produktiviti Negara sekarang ini memang ada juga memainkan peranan. Dalam badan kerajaan pun, tidak semestinya tidak ada polilik. Dalam Dewan Rakyat ini orang polilik, parti-parti politik, dalam badan kerajaan pun ada juga politik, politik di kalangan mereka pula. Jadi, ini secara hakikat, yang akhirnya menyebabkan dan menjejaskan Perbadanan Produktiviti Negara itu sendiri sebagai sebuah agensi yang seharusnya dilihat sebagai model kepada usaha hendak meningkatkan produktiviti negara.

Sepatutnya sekarang ini Perbadanan ini sudah tidak lagi bergantung kepada kerajaan. Sumber kewangan mereka dapat mereka generate daripada program-program/aktiviti mereka, sebab banyak sekali agensi kerajaan, banyak sekali kumpulan-kumpulan yang memerlukan latihan produktiviti yang akhirnya boleh membawa pendapatan kepada Perbadanan Produktiviti Negara ini. Ini yang saya ingin bangkit dan berikan teguran supaya

usaha kita hendak melihat dalam konteks produktiviti negara ini lebih tinggi lagi daripada sekarang, walaupun sekarang ini kita kata sudah baik, tetapi seseorang yang mempunyai fikiran untuk ke arah excellence, tidak pernah berpuas hati dengan pencapaian yang ada sekarang.

Sebab itu, bila kita kata kita berpuas hati, bila pembangkang kata tidak puas hati, tetapi sebenarnya, kalau kita tanya diri kita sendiri, memang kita sudah bangga dengan pencapaian kita, tetapi kita tidak boleh berhenti setakat ini. Kalau hari ini kita 70%, besok 80%, lusa 90%. Kalau dahulu seorang pelari boleh lari 100 ela dalam masa 2 saat, kita mahu lan dalam masa 1 saat—begitu. Kalau dahulu orang boleh lompat pagar ataupun lompat tinggi — 7 kaki ataupun 15 meter, kita hendak supaya negara kita boleh lompai — 20 meter pada masa akan datang. Soal puas hati atau tidak puas hati, berjaya atau tidak berjaya, itu perkara relatif. Tetapi kita tidak boleh berhenti setakat apa yang kita capai.

Oleh sebab kita memang menuju ke arah par-excellence, maka, bila kita hendak ke arah itu, sudah barang temu teguran-teguran yang membina harus kita terima dengan baik. Dengan sebab itu, kalau pembangkang beri teguran membina, saya percaya kerajaan terbuka menerima dengan baik. Yang menjadi masalahnya, dalam konteks hendak meningkatkan produktiviti, kalau pembangkang tegur, pada masa yang sama pembangkang juga hendak cari political milcage, maka akhirnya yang jadi ialah hasilnya tidak ada. Sebab ini, more politik, dari segi kepeningangan untuk membangun negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan perkara ini untuk mendapat perhatian daripada pihak kementerian secara umum sahaja dan menimbulkan sedikit perkara yang membabitkan soal Perbadanan ini dan saya hendak tanya juga seperti mana Ahli Yang

Berhormat dari Kepong tadi, iaitu mengenai dengan Dayang Hotel. Dayang Hotel ini saya dengar sudah lama bermasalah, cukup lama masalah. Sekali hendak diswastakan, sekali tidak jadi. Sekali ditadbir semula oleh NPC, sekali bertukar tangan dan ada satu ketika sudah elok, lepas itu orang berhenti, jadi apajadi dengan Dayang Hotel ini? Susah-susah serahkan kepada ITM sahajalah. ITM ada Hotel and Catering. Lebih baik dari segi pengurusan hendak belajar perhotelan ini, suruh ITM buat sahajalah. "Cooperate"kan sekali dengan ITM, jadikan cawangan ITM. Minta masukkan dengan ITM. Beri segala kemudahan infrastruktur yang ada pada Institut Teknologi Mara dan ITM boleh membesarkan lagi dan pihak NPC boleh bekerjasama dan bawa lagi tokoh-tokoh lain yang ada masa.

Saya tengok Profesor Diraja Engku Aziz, expertisanya dan pengalamannya tidak dieksploit sepenuhnya. Dikecuali sebagai Pengerusi ANGKASA, lain saya tidak tahulah, kemungkinan saya tidak lahu. Tan Sri Arshad Ayub pernah menjadi Pengarah ITM satu ketika dulu. Hari ini diguna oleh pihak swasta atau satu dua agensi sahaja. Tidak digunakan sepenuhnya. Ada orang yang boleh menyumbangkan dari segi produktiviti tidak kita pergunakan sepenuhnya. Ada orang, dia boleh membuat sumbangan tetapi tanggungjawabnya begitu banyak, kita bebankan lagi ke atas bahu mereka ini, akhimya ia tidak memberi ke arah yang positif terhadap hendak meningkatkan produktiviti negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita Ahli-ahli Parlimen ini memang produktiviti-nya tinggi. Saya hendak menyambung sedikit apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau tadi, memang betul tadi. Ini juga kerana produktiviti. Produktiviti ini ada kait dengan ilmu keberanian. Ia kalau tidak ada keberanian ia tidak ada produktiviti — ada kaitan.

Cuma masalah terminologi tetapi kalau kita hurai dengan lebih dalam, ia ada kait mengait. Orang yang tidak berani tidak ada produktiviti. Macam nelayan Siam, kerana mereka berani mereka boleh pergi 300 batu nautika untuk menangkap ikan. Kerana mereka berani. Akibat berani, mereka dapat menghasilkan ikan.

Samatah juga kita Ahli Parlimen, kerana kita berani, pihak Pembangkang pun bersedia. Sebab itu hari ini kita menghantar nota di Kedutaan Soviet kerana kita berani. Berani itu melambangkan produktiviti kita sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat, sebagai Wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat. Kita bantah kepada Kedutaan Soviet hari ini Tuan Yang di-Pertua, Dutanya enggan; tunjuk bebalnya semacam, tidak ubah seperti dulu. Walaupun mereka bukan lagi seratus peratus komunis, sebab USSR dulu sudah runtuh. Kita dok ingat Rusia ini negaranya dalam proses menuju ke arah pendemokrasian seperti negara-negara lain tetapi walaupun USSR sudah runtuh tetapi nampaknya pemikiran pemimpin-pemimpin Soviet Union masih lagi seperti dahulu. Sifat komunisme itu tidak berubah. Tidak berubah. Sebab itu kalau rakyat biasa hari ini pergi ke kedutaan, mereka tidak tayan, Duta tidak mahu keluar tidak ada masalah. Tetapi bila Ahli-ahli Parlimen pergi dengan hanya menghantar Ketua Setiausaha. Melambangkan bahawa Rusia ini memang jenisnya seperti dulu lagi yang memang tidak boleh dipercayai. Sebab itu kita kena kutuk, kita kena kecam habis-habisan mengenai dengan isu veio yang digunakandi Majlis Keselamaan Bangsa-bangsa Bersatu.

Saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada pihak Pembangkang yang turut serta. Cuma saya expect tadi Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri turut hadir, Ahli Parlimen dari Kok Lanas iaitu dari PAS dan S.46 — sebab mereka ini orang yang handal-handal bila berjuang

isu-isu yang macam ini. Tetapi tidak ada tadi. Tetapi tidak ada masalahlah, sekurang-kurangnya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan DAP hari ini sepakat menunjukkan kesetiaan kepada negara dan memperjuangkan isu-isu sejagat yang berkait dengan kepentingan keadilan, keharmonian dan kemanusiaan.

Sekian, saya menyokong Akta ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri menjawab.

3.54ptg.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru, dari Klang, dari Kepong, Arau dan akhirnya Pasir Mas atas teguran-teguran yang diberikan terhadap tugas Perbadanan Produktiviti Negara.

Yang pertama mengenai persoalan-persoalan daripada Yang Berhormat dari Bayan Baru yang mengalakan iaitu produktiviti Hotel NPC ini tidak begilubai baik dan kenapa pada masa dulu kita mempertahankan Hotel NPC tetapi sekarang kita hendak menswastakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menafikan apa yang dikatakan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru mengenai prestasi Hotel NPC, sebab daripada akaun-akaun Hotel NPC menunjukkan prestasinya telah meningkat tahun demi tahun. Umpamanya dari segi pendapatan, untuk tahun 1990 Hotel NPC memperolehi jumlah RM1.63 juta. Pada tahun 1991, pendapatan ini telah meningkat kepada RM2.16 juta. Pada tahun 1992, meningkat lagi kepada RM2.18 juta dan pada tahun lalu meningkat lagi kepada RM2.4 juta.

Daripada segi penghunian, ia juga menunjukkan prestasi yang kian meningkat. Tahun 1990 hotel ini mempunyai penghunian sejumlah 62.5%. Pada tahun 1991 naik kepada 79.4%.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun Yang Berhormat.

Tuan Chua Jui Meng: Nanti saya habiskan. Saya belum habis. Pada tahun 1992 penghunian ini naik lagi kepada 73.8% dan pada tahun lalu meningkat kepada 85.8%. Daripada segi keuntungan bersih, pada tahun 1992 Hotel NPC memperolehi keuntungan bersih sebanyak RM619,000 dan pada tahun lalu ini meningkat kepada RM985,000. Hakikat ini berbeza daripada pendapat Yang Berhormat dari Bayan Baru dan prestasinya menunjukkan satu kebolehan yang kian meningkat.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kalau itulah keadaan prestasi yang begitu cemerlang, mengapa kita bentangkan satu Rang Undang-undang ini untuk memperbadankan atau menswastakan Hotel NPC? Apakah sebabnya kalau itu sangat baik kita hendak tukar pula? Saya hairan juga.

Tuan Chua Jui Meng: Saya sentuh point dari Bayan Baru dulu. Saya hendak jawab point dia dulu. Sekarang saya hendak beralih kepada Yang Berhormat dari Kepong. Kalau satu badan kerajaan tidak mempunyai keuntungan, hanya mempunyai kerugian, siapa berminat kalau kita hendak menswastakannya?

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Chua Jui Meng: Rekod kerajaan. Biar saya habiskan dulu. Duduk! Dasar kerajaan ialah kalau ada syarikat-syarikat atau badan-badan yang mengalami kerugian, kita turn-around syarikat dulu. Selepas kita turn-around keadaan itu dan badan itu telah buat keuntungan, kita tahu baru pihak swasta ada minat untuk menyertai proses penswastan itu dan penswastan ini berdasarkan kepada Dasar Penswastan Negara kita di mana pendapat kerajaan pada masa kini dalam Dasar Pembangunan Negara baru iaitu biarlah sektor swasta mendorong pembangunan ekonomi dan pihak kerajaan di bawah konsep Malaysia Incorporated akan memberikan kemudahan-kemudahan seperti infrastruktur dan lain-lain untuk menyokong pihak swasta untuk membangunkan ekonomi negara.

Tuan Ahmad bin Nor: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, diabangun Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Nor: Saya rasa alasan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak begitu memuaskan, alasan untuk menswastakan Hotel NPC. Disebabkan dahulu semasa kita bincang perkara ini, NPC sendiri mempertahankan hotel ini, disebabkan ia menjadikan tempat latihan, dia lebihutamakan latihan, bukan perniagaan atau macam agensi kerajaan lain di-swastakan, sebab itu NPC hendak kendalikan sendiri. Dan saya membantah keras — memang itu bukan tugasnya, sebab latihan hotel orang lain boleh buat, dia mesti tumpu secara umum dalam segi produktiviti.

Hari itu saya bantah kuat, tetapi hendak katakan "Oh! Itu tempat latihan, kita perlu ada latihan untuk orang-orang.

pekerja-pekerja hotel, hendak mahirkan mereka yang dalam bidang perhotelan". Jadi, itulah sebab yang diperiahkan supaya tidak diswastakan, hari ini hendak diswastakan, walaupun prestasi dan keuntungannya nampak begitu baik. Inilah yang kita hairan, mungkin ada muslihat-muslihat lain.

Jadi, kita hendak satu jawapan yang terang, yang jelas, yang ikhlas, jangan berputar belit, cuba hendak melindungi apa masalah yang sebenar, muslihat yang sebenar. Itulah permintaan saya, Tuan Yang di-Pertua. Harap beri jawapan yang munasabah sedikit.

Tuan Chua Jui Meng: Tidak ada muslihat, hanya dalam 'minda' Yang Berhormat dari Bayan Baru.

Sebenarnya institut latihan kita akan diteruskan, akan terus menjalankan latihan, bukan hakikat yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, fahamlah keadaan terlebih dahulu. Selain daripada itu kita sedar sekarang banyak insitiusi-institusi kerajaan lain dan institusi-institusi swasta telah menjalankan latihan dalam bidang perhotelan — banyak sekarang.

Yang Berhormat dari Klang lelah menyatakan iaitu seperti Kursus Pengurusan Pemasaran tidak memuaskan disebabkan terlalu sedikit sahaja kursus yang dikendalikan oleh NPC.

Sukalah saya katakan di sini, iaitu bilangan program-program yang dijalankan oleh NPC adalah banyak. Umpamanya dalam tahun ini sahaja kita sudah jalankan sebanyak 319 kursus-kursus, macam-macam kita jalankan untuk memperbaiki prestasi khususnya daripada syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Dan sampai kini seramai 6,921 peserta telah mengambil penyertaan dalam kursus-kursus yang dijalankan oleh NPC. Selain daripada itu

NPC telah menjalankan kerja penyelidikan yang mustahak sebanyak 42 program penyelidikan pada tahun ini sahaja. Selain daripada itu, 41 projek-projek perundingan untuk sektor swasta dan akhirnya 280 program-program promosi telah dijalankan oleh NPC.

Seperti Yang Berhormat dari Klang perlu tahu iaitu sekarang bukan sahaja NPC yang menjalankan Kursus-kursus Pengurusan Pemasaran, tetapi institut-institut swasta juga menjalankan tugas seperti yang pernah dijalankan dahulu oleh NPC. Umpamanya Institute of Marketing, ada banyak kolej swasta yang menjalankan kursus-kursus seperti ini termasuk universiti-universiti dan lain-lain.

Mengenai sumbangan kepada IKS, pada tahun ini sehingga sekarang NPC telah menjalankan sebanyak 59 program-program untuk syarikat-syarikat IKS dengan seramai 1,071 peserta.

Saya beralih kepada Yang Berhormat dari Kepong yang menuduh tadi iaitu produktiviti Malaysia lemah, produktiviti Malaysia kurang baik dan dia kata "dung ding dong". Saya tidak faham apa "dung ding dong" ini? Mungkin nama seorang Fu Chow daripada Sarawak "dung ding dong". Tetapi dia cakap produktiviti negara kita amat rendah, hakikat berbeza lagi. Oleh kerana pada masa kini, pertumbuhan produktiviti Malaysia dalam jangka masa umpamanya 1988 sehingga 1991 adalah di peringkat 5.2% setiap tahun dan oleh kerana itu kita sudah melebihi daripada productivity growth. Kita sudah melebihi Singapura dengan 3.9%, Hong Kong 3.9%, Indonesia 4.1% dan Filipina 1% sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Penua, penjelasan. Adakah laporan produktiviti 1994 itu mempunyai angka-angka yang betul, kerana apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, berlainan daripada laporan produktiviti. Yang saya maksudkan ialah kenaikan gaji di Malaysia kadarnya telah mengatasi peningkatan produktiviti dan juga menurut laporan tersebut memang produktiviti di Malaysia ini, kalau berbanding dengan Korea Selatan kita ketinggalan 30%, itu angka daripada laporan produktiviti. Adakah pihak kementerian mengiktiraf laporan ini ataupun mempunyai angka-angka dan data-data yang berasal daripada punca yang lain?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Penua, saya habiskan mengenai produktiviti dahulu.

Tadi saya menunjukkan angka-angka yang dibuat perbandingan dengan beberapa negara di rantau ini. Pada tahun 1988 hingga 1991 benarlah Korea Selatan prestasi mereka lebih baik daripada Malaysia, tetapi kita sudah buat catching-up, cepat catching-up dengan Korea Selatan. Tetapi daripada sudut yang lain iaitu saiz laporan yang baru dikeluarkan oleh World Economic Forum yang ditempatkan di Geneva dan Institute of International Management dibuat satu kajian menyeluruh mengenai persaingan negara-negara maju dan negara-negara seperti Malaysia yang sedang membangun.

Daripada laporan yang menyeluruh itu menunjukkan Malaysia pada masa kini dalam kalangan negara-negara yang sedang membangun, ditempatkan daripada segi persaingan keseluruhannya di tempat yang ketiga. Dan ini menunjukkan statistik dan laporan yang terbaru ini, yang terkini ini menunjukkan daya saing dengan Malaysia di peringkat dunia, "di peringkat kalangan negara-negara yang sedang membangun termasuk empat 'ASEAN Tiger'.

Pada masa kini, kita sudah melebihi Korea Selatan, kita sudah melebihi Taiwan. Inilah maklumat yang terkini sekali, bukan sahaja Taiwan dan Korea Selatan, tetapi kita telah melangkaui negara-negara di Eropah seperti Itali, Belgium dan lain-lain daripada segi persaingan keseluruhannya oleh ekonomi Malaysia.

Mengenai nilai-nilai ini saya tidak sedar apa yang dikatakan oleh Menteri saya dan hanya secara am saya mengatakan daripada laporan World Bank yang dinamakan East Asian Economics Miracle iaitu East Asian Economics, termasuk Malaysia menghadapi tiga nilai yang amat kuat. Mereka dari negara-negara tersebut termasuk pekerja-pekerja di Malaysia dan penduduk-penduduk di Malaysia, dengan izin, "work hard, study hard and save hard", itulah rahsia East Asian Economics Miracle, termasuk Malaysia.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Kepong bangun lagi.

Tuan Chua Jui Meng: Cukuplah — cukup, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Teruskan.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Yang Berhormat dari Arau yang mengeluarkan beberapa pemerhatian mengenai kerja dan tugas dan prestasi NPC.

Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, walaupun tidak ada di dalam Dewan pada masa kini, atas teguran-teguran yang dipusatkan oleh beliau dan kita akan mengambil perhatian terhadap teguran tersebut.

Mengenai teknologi di mana Ahli Yang Berhormat mengatakan kita hendak latih khasnya pengusaha IKS daripada satu teknologi yang biasa atau teknologi yang tidak begitu canggih sehingga dia boleh naik ke satu paras yang lebih tinggi lagi dan boleh mengendalikan teknologi tinggi. Pada hakikatnya itu benar. Kalau kita memerhatikan pembangunan IKS di tanah air kita, memang benar IKS memulakan dengan operasi yang mudah, dengan teknologi yang mudah dikendalikan selaras dengan kemampuan mereka. Tetapi selepas masa berlalu, mereka lebih yakin terhadap kerja mereka dan proses pengeluaran buaian mereka dan selepas itu mereka meningkatkan teknologi mereka ke satu tahap di mana kebanyakan operasi mereka boleh dikatakan di-automasikan dengan teknologi yang lebih canggih. Tetapi pada masa kini, bila kita menghadapi masalah pekerja, kita mesti memberikan nilai kepada semua pekerja kita melalui latihan, melalui training yang berterusan dan dengan itu, mereka boleh mengendalikan mesin-mesin yang lebih canggih. Inilah method, cara yang terbaik sekali untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja di negara kita.

Mengenai bengkel-bengkel besi, kita faham apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau, kebanyakan mereka mengendalikan dengan teknologi yang begitu rendah dan kita akan mengambil perhatian lebih serius lagi terhadap bidang-bidang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat.

Mengenai trade union, kita tidak begitu bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat dari Arau. Trade Union memainkan peranan dalam ekonomi kita dan kita hendak memberikan suara kepada mereka untuk menjalankan tugas mereka dalam konsep Malaysia Incorporated, bukan sahaja kerajaan dan tauke-tauke, tetapi pekerja juga boleh menyuarakan

masalah mereka kepada pihak kerajaan dan juga majikan. Mereka ada peranan yang tertentu di dalam ekonomi Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhinya saya beralih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya tidak bersetuju dengan beberapa pendapat daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas. Jika Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak mengambil Kelantan sebagai contoh, saya hendak katakan di sini bahawa Kelantan bukannya satu model kepada kita. Kelantan ini di bawah pimpinan PAS dan Semangat 46. Ekonomi mereka prestasinya lembab pada masa ini. Kita tidak boleh ambil PAS atau Semangat 46 sebagai contoh. Tetapi kalau kita lihat di seluruh negara, kita lihat bukan sahaja pertanian — kelapa sawit (palm oil) — prestasi kita memang-baik daripada penyelidikan dan pembangunan (research and development). Pada masa kini Malaysia mengeluarkan setengah daripada semua pengeluaran palm oil di seluruh dunia. Ini satu prestasi yang melcibihi prestasi daripada Thailand walaupun saya bukan daripada Kementerian Pertanian, saya hendak mempertahankan kedudukan yang sebenar dalam bidang pertanian.

Mengenai jenama terkenal seperti 'Bally', 'Levi's Jeans di Golok, ini bukan salu contoh yang kita hendak ikuti. Kita sudah menandatangani Uruguay Round Agreement dan dengan itu kita ada tanggungjawab untuk mengelakkan daripada aktiviti-aktiviti yang mengambil jenama-jenama nama orang lain tanpa lesen daripada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pada masa kini, kita belum puas hati lagi dengan prestasi produktiviti kita dan masih banyak lagi dan mesti dilakukan oleh MITI dan oleh NPC.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Chua Jui Meng: Tak payahlah, sudah hendak habis. Kita akan ambil perhatian atas semua teguran yang diberi. Ada teguran-ieguran yang baik daripada Pembangkang mahupun kerajaan, backbenchers dan kita akan ambil perhatian terhadap semua dan kita akan kaji teguran yang diberikan dan jika sesuai kita akan melaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Pasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
BANTUAN GUAMAN (PINDAAN)
1994**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.27ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, sayamohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1994 untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan pindaan ini dikemukakan adalah uniuik membolehkan lebih ramai lagi golongan yang kurang mampu mendapatkan perkhidmatan guaman, termasuk mereka yang pernah menikmati, atau boleh menikmati, tetapi terkeluar dari kemungkinan ini kerana pendapatan mereka telah meningkat dan menyebabkan mereka tidak dapat menggunakan perkhidmatan bantuan guaman, walaupun sebenarnya mereka masih lagi memerlukan perkhidmatan bantuan guaman yang dikuatkuasakan sejak 1984.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Bantuan Guaman yang dikuatkuasakan sejak 1984 sudah tidak lagi sesuai dalam pertumbuhan ekonomi pada masa ini. Oleh yang demikian, dan bagi mengemaskini undang-undang ini selaras dengan perubahan masa, pindaan kepada bebrapa scksyen, peruntukan tertentu Akta Bantuan Guaman 1971 dan peruntukan-peruntukan baru Akla Bantuan Guaman 1971 adalah diperlukan.

Di bawah Scksyen 2, Akta Bantuan Guaman 1971, takrif 'hakim' meliputi "Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Majistret" sahaja. Cadangan pindaan ini adalah bertujuan untuk

meluaskan takrif 'hakim' kepada hakim-hakim "Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan" selain daripada "Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret". Dengan pindaan ini, maka peranan dan kuasa-kuasa hakim mahkamah atasan dalam konteks bantuan guaman juga diperluaskan selaras dengan penubuhan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan dan dengan wujudnya struktur baru badan kehakiman.

Di bawah Akia Bantuan Guaman 1971, kelayakan bantuan guaman adalah berasaskan tahap pendapatan dan pemilikan harta seorang pemohon dan suami, isteri di mana berkaitan. Kelayakan untuk bantuan guaman ditentukan melalui satu ujian kemampuan untuk menentukan pendapatan boleh guna dan modal boleh guna seseorang pemohon bantuan guaman. Model boleh guna dikira dengan mengambil kira harta yang dimiliki oleh seseorang tolak nilai harta yang menjadi pertikaian dalam sesuatu prosiding, nilai pakaian, alat-alat pekerjaan, rumah yang dimiliki diguna dan didiami oleh pemohon dan keluarganya sebagai rumah kediamannya di mana nilai tahunannya dilaksirkan tidak melebihi RM1,500 serta perabot di dalamnya. Pendapalan boleh guna ditentukan dengan mengambil kira semua pendapatan seseorang pada tempoh setahun kebelakangan tolak sesuatu amaun bagi maksud seseorang itu serta tanggungannya dan suatu amaun yang lain yang ditetapkan bagi maksud sewa rumah. Had maksimum dan kadar potongan bagi perkiraan modal boleh guna dan pendapatan boleh guna yang digunakan sekarang bagi menentukan kelayakan seseorang untuk bantuan guaman tidak pernah dipinda sejak tahun 1984. Kadar yang ditetapkan pada tahun 1984 adalah tidak realistik dan tidak lagi mencerminkan nilai sebenar modal boleh guna serta pendapatan boleh guna golongan miskin atau kurang mampu pada harga semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 3 dan 4 di bawah Rang Undang-undang untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 bertujuan untuk meminda Seksyen 15 dan 16 Akta tersebut untuk meningkatkan had maksimum modal boleh guna dan pendapatan boleh guna. Ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan had yang telah ditetapkan pada tahun 1981.

Pasal 5, bertujuan memasukkan Seksyen baru 16 B. Seksyen baru 16 B ini adalah bertujuan untuk mengenakan bayaran pendaftaran bagi segala bantuan guaman sivil dan jenayah lehad yang diberi oleh Biro Bantuan Guaman selain daripada nasihat undang-undang. Tujuan mengenakan yuran pendaftaran ini adalah untuk menampung perbelanjaan berhubung dengan pembukaan fail dan perkara-perkara yang berkaitan. Kadar yuran ini adalah selaras dengan cadangan pindaan kepada Seksyen 29 untuk meningkatkan yuran pendaftaran bagi nasihat guaman daripada RM1.00 kepada RM2.00 bagi tujuan yang sama.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 17 (1) di bawah Fasal 6 akan menaikkan ceiling had paling tinggi modal boleh guna dan pendapatan boleh guna sebanyak purata 40%. Kadar potongan-potongan yang dibenarkan dalam pengiraan modal boleh guna dan pendapatan boleh guna juga akan dinaikkan sebanyak 40%, kecuali potongan bagi maksud kenderaan di mana kenaikan adalah 200%. Potongan bagi kenderaan dinaikkan daripada RM1,000 kepada RM3,000 memandangkan tahap modal boleh guna dan pendapatan boleh guna yang ada sekarang telah ditetapkan semenjak 1984.

Di antara 1984 dan sekarang, Indeks Harga Pengguna telah meningkat 22.8 markah iaitu dari 90.4 markah pada

tahun 1984 kepada 113.2 markah pada tahun 1993. Ini bermakna paras pendapatan dan potongan yang dibenarkan berasaskan kadar harga dan nilai ringgit pada tahun 1984 tidak lagi mencerminkan pendapatan sebenar golongan miskin dan kurang mampu yang perlu dibantu pada harga semasa. Di samping itu, bayaran guaman yang dikenakan oleh peguam swasta telah pun meningkat dalam 10 tahun kebelakangan ini, dan ini bermakna lebih ramai golongan miskin tidak mampu memperolehi perkhidmatan guaman dari peguam swasta.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini di bawah kategori pertama, seorang pemohon layak mendapat bantuan guaman percuma jika pemohon tersebut memiliki modal boleh guna tidak melebihi RM1,500 dan pendapatan boleh guna tidak melebihi RM 2,000 setahun. Di bawah kategori kedua, seorang yang memiliki modal boleh guna yang nilai berjumlah di antara RM 1,500 dan RM 8,000 dan mempunyai pendapatan boleh guna di antara RM 2,000 dan RM 7,500 setahun adalah layak untuk mendapat bantuan guaman membayar sumbangan yang ditentukan oleh Pengarah. Adalah dicadangkan had maksimum modal boleh guna dan pendapatan boleh guna serta kadar potongan-potongan yang dibenarkan, ditingkatkan kepada suatu tahap yang menggambarkan kedudukan realiti golongan miskin yang perlu dibantu dengan bantuan guaman.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan adalah seperti berikut; bagi kategori pertama, kelayakan untuk bantuan cuma had modal boleh guna yang boleh dimiliki oleh seorang pemohon dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM2 dan had pendapatan boleh guna dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM3,000 setahun. Bagi kategori kedua, yang

berkelayakan untuk bantuan dengan bayaran sumbangan had maksimum nilai jumlah modal boleh guna yang dimiliki oleh seorang pemohon itu dinaikkan dari RM1,500 tetapi kurang daripada RM8,000 kepada melebihi RM 2,000 tetapi kurang daripada RM 13,000, dan had pendapatan boleh gunanya dinaikkan dari melebihi RM 2,000 tetapi kurang daripada RM7,500 kepada melebihi RM3,000 tetapi kurang daripada RM12,000.

Kadar potongan dikenakan dalam perkiraan modal boleh guna dan pendapatan boleh guna bagi perkara-perkara yang dibenarkan juga ditingkatkan seperti berikut: pertama, nilai tahunan rumah yang ditulis seseorang pemohon dan keluarga dinaikkan dari RM 1,500 kepada RM2,500. Nilai kenderaan pengangkutan yang dimiliki dinaikkan RM 1,000 kepada RM3,000. Jumlah elaun untuk setiap orang langgungan dinaikkan dari RM400 selahun kepada RM 1,000 seiaahun. Elaun untuk diri pemohon dinaikkan dari RM 1,250 kepada RM2,000. Sewa rumah yang tidak lebih RM1,000 setahun dinaikkan kepada RM1,500. Sebarang bayaran oleh pemohon dan isteri atau suaminya terhadap Kumpulan Simpanan Pekerja dan Keselamatan Sosial dipotong dalam pengiraan pendapatan boleh guna pemohon.

Cadangan pindaan kepada Seksyen 29 melalui Pasal 7, Rang Undang-undang adalah bertujuan untuk meningkatkan bayaran yang dikenakan kepada seseorang pemohon bagi nasihat guaman daripada RM1.00 kepada RM2.00. Kadar yuran ini tidak pernah diubah sejak tahun 1984 dan peningkalan kadar yuran yang nominal daripada RM1.00 kepada RM2.00 tidak akan membebaskan seseorang pemohon. Pindaan yang dicadangkan akan membolehkan golongan miskin memohon untuk bantuan guaman yang sekarang ini terkeluar daripada takrif golongan yang

boleh dibantu disebabkan had maksimum modal boleh guna dan pendapatan boleh guna yang ditetapkan berasaskan nilai pada tahun 1984.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan uluk meningkatkan bayaran yang dikenakan terhadap pemohon bagi nasihat guaman akan meningkatkan hasil kerajaan. Walau bagaimanapun, peningkatan dalam bayaran secara nominal sebanyak Ringgit Malaysia dijangka tidak akan membebaskan.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) 1994 adalah bertujuan untuk menyemak semula taksiran modal boleh guna dan pendapatan boleh guna yang digunakan dalam penentuan kekelayakan seseorang untuk bantuan guaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Bcrhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bemama suatu Akta untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Batang Lupar.

4.31 ptg.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya berapa lama, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Had tempoh masa adalah 15 minit.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahar Rang Undang-undang untuk meminda Akta Baniuan Guaman 1971 ini dengan masa 15 minit secara ringkas.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pindaan kerajaan kepada Rang Undang-undang ini memang telah kena pada masanya kerana peningkatan pendapatan dan kenaikan harga barang di mana pendapatan itu boleh digunakan untuk membeli barang juga telah naik. Dengan sendirinya penggunaan Rang Undang-undang ini terpaksa diubahsuai. Jadi, dengan itu pengubahsuaian ini adalah pada masa yang tepat dan dialu-alukan. Tetapi disebaliknya juga, oleh kerana pengubahsuaian ini ialah melibatkan rangkuman manusia yang boleh menerima bantuan daripada Rang Undang-undang ini daripada kerajaan, tetapi kerajaan belum lagi memberi peruntukan yang khusus dan cukup untuk mengadakan rangkaian pejabat dan pegawai-pegawai perundangan di seluruh negara untuk memberi khidmat nasihat perundangan kepada masyarakat yang perlukan kepada pengetahuan dan penolongan undang-undang.

Pada masa sekarang kalau tak salah saya, literacy ataupun peringkat awareness, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia terutama sekali di luar bandar adalah jauh masih rendah. Jadi, perkhidmatan peguam-peguam yang berkhidmat dalam Bantuan Guaman ini ialah untuk memberi penerangan khusus dan menyeluruh kepada masyarakat Malaysia berhubung dengan undang-undang Malaysia sama ada undang-undang baru ataupun undang-undang lama, terutama sekali undang-undang baru yang baru dikeluarkan ataupun diluluskan oleh pihak Parlimen.

Oleh kerana basic principle, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang Malaysia ialah tiap-tiap rakyat Malaysia tidak boleh mengatakan mereka tidak tahu dengan undang-undang. Jadi, apa-apa kesalahan yang kita buat menyalahi undang-undang kita tidak boleh beralih mengatakan, "saya tidak tahu" ini menjadi satu kesalahan; ini bukanlah satu 'excuse', dengan izin, di mahkamah supaya kita tidak dihukum di bawah undang-undang tersebut. Jadi, dengan sendirinya adalah menjadi satu tanggungjawab kerajaan dan juga pihak-pihak yang tertentu, sebagaimana yang telah disebutkan dalam 'Malaysian Law Conference' yang ke-10 yang mana disebutkan tugas kepada Bar Council untuk memberi penerangan menyeluruh dan memperbanyakkan penerangan mereka untuk standard of awareness ini, dengan izin. Jadi, tugas ini bagi pihak kerajaan patutlah disalurkan menerusi rangkaian pejabat-pejabat Bantuan Guaman di seluruh negara daripada bandar-bandar besar sampai ke daerah-daerah yang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi iaitu walaupun sudah dinaikkan dan jumlah manusia yang mungkin boleh dilibatkan di bawah ataupun menerima perkhidmatan di bawah ini, mungkin diperbanyakkan lagi tetapi ada satu lagi masalahnya apabila soalan-soalan perundangan berbangkit, kebiasaannya pejabat Bantuan Guaman akan membuat satu 'assignment' kepada pejabat guaman swasta. Jadi, pembayaran yang dibuat daripada pihak kerajaan kepada syarikat guaman swasta ini tidaklah mencerminkan perkhidmatan yang bakal dibuat oleh peguam swasta. Sebaliknya pula perkhidmatan itu tidak direflect ataupun tidak diterima sebagai social service pihak Peguam. Jadi, kalau ini adalah dianggap sebagai social service pihak peguam-peguam swasta, bolehlah — free pun boleh. Tetapi kalau ini dianggap sebagai

satu assignment tugas yang diberi kepada pihak Peguam swasta, jadi ganjarannya palutlah reflect keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyebut sepintas lalu apa yang berlaku di dalam 'Law Conference' yang ke-10 dahulu, telah dibangkitkan soalan iaitu Islamic Law Bench di dalam Mahkamah Tinggi kita, Saya bersetuju dengan cadangan ini, oleh kerana kalau kita pandang mahkamah memberi perkhidmatan kepada masyarakat di negara ini. Ada dua cabang undang-undang yang telah dijalankan iaitu Mahkamah Sivil dan satu lagi Mahkamah Syariah. Dalam keadaan semasa, Mahkamah Syariah belum lagi boleh dikatakan telah dapat memberi perkhidmatan sebagaimana Mahkamah Sivil telah memberi kepada masyarakat Malaysia.

Jadi, oleh kerana keadaan yang tidak memuaskan ini, saya memang menyokong cadangan diadakan satu Islamic Bench di Mahkamah Tinggi oleh kerana kita telah menuju ke arah yang sama iaitu kita pandang di bank-bank di negara ini kita mengadakan pinjaman menerusi pinjaman Islam, bermacam-macam lagi, sistem perbankan Islam; kita ajukan, kita buat dan kita selenggarakan dan diierima oleh masyarakat sebagai perbankan dan sistem yang terbaik. Tetapi dalam masa yang sama kita tidak mengadakan sistem perundangan untuk mengendalikan ataupun membuat tindakan kita itu secara menyeluruh.

Walaupun kua nampak di sini ada pertindihan sedikit umpamanya soal harta orang Islam dikendalikan oleh Mahkamah Syariah. Tetapi Mahkamah Syariah di dalam mengendalikan pembahagian harta dan pusaka orang Islam belum lagi dapat mendatangkan keadilan yang mencukupi. Saya beri satu misalan, kalau dua beradik

berebut satu harta, pergi ke Mahkamah Syariah, Mahkamah Syariah memberi hukuman yang harta satu dibahagi mengikut undang-undang Syariah. Tetapi kalau salah seorang daripada dua adik beradik itu tidak puas hati, dia masuk "caveat" kepada tanah yang tersebut, dengan sendirinya Mahkamah Syariah tidak berupaya di bawah kuasa mercka mengalihkan "caveat" yang berkenaan, terpaksa pergi ke Mahkamah Sivil untuk mengalihkan "caveat" berlandaskan hukuman yang telah diberi oleh Mahkamah Syariah. Maknanya sistem perundangan kita duplicating itself, multiplicity of litigation dan membuang masa kerajaan, membuang masa sistem perundangan itu sendiri.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, kita patut ada Islamic Bench ini mungkin boleh mengatasi masalah yang begitu ataupun Mahkamah Syariah itu sendiri diperbaiki yang mana hukuman Mahkamah Syariah tidak dianggap sebagai satu deklarasi sahaja tetapi boleh di 'enforce'kan ke mana-mana jabatan, ke mana-mana pegawai dan pegawai itu mesti akur dengan hukuman dan mungkin dihukum 'contempt' kalau tidak mengikutnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah selalu membawa perkara ini tetapi sampai ke peringkat ini, belum lagi kita mendapat penyelesaian yang memuaskan. Saya berharaplah pihak kerajaan membuat satu penyelidikan yang khusus agar perkara ini boleh diselaraskan agar tindakan mahkamah boleh mendatangkan keadilan kepada semua pihak yang berkenaan.

Satu lagi, tadi Yang Berhormat Menteri Undang-undang menyebutkan sama ada undang-undang sivil ataupun jenayah tetapi dalam pengetahuan saya, tiap-tiap bantuan yang diberi oleh pihak bantuan

guaman ini adalah undang-undang sivil sahaja, tidak merangkumi undang-undang jenayah. Ini juga saya syorkan, kalau belum, sepatutnya merangkumi semua kesalahan termasuk undang-undang jenayah. Sebab-sebabnya satu perkara. Saya hendak beri satu example, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Satu ketika tiga orang budak kena tangkap dan dituduh di mahkamah mencuri basikal. Bila dituduh datang ke mahkamah, dua orang budak-budak itu mengaku salah dan seorang lagi mengatakan, "Saya tidak curi basikal" tetapi berjumpa dengan peguam dan peguam membawa kes itu ke mahkamah. Apabila penyelidikan dibuat di mahkamah ataupun pembicaraan dibuat di mahkamah, didapati mereka hanyalah menerima barang curi. Jadi, hukumannya diturun daripada seksyen curi kepada menerima barang curi. Jadi, yang mengaku salah dihantar jel 6 bulan, yang tidak mengaku salah dikenakan hukuman RM500. Jadi, yang satu tadi menerima perkhidmatan peguam, yang satu lagi tidak.

Jadi, dalam keadaan yang demikian, kita dapati mereka membuat satu perkara yang sama, dalam masa yang sama, ditangkap hari yang sama oleh pegawai polis yang sama dan dihukum oleh majistret yang sama tetapi mendapat hukuman yang berbeza dan berlainan. Walaupun mereka ini dianggap mesti tahu dengan undang-undang tetapi dia orang tidak tahu. Undang-undang ini bukanlah kata eksklusif kepada peguam sahaja, tidak tetapi dalam keadaan demikian, keadaan mahkamah. cara perbicaraan di mahkamah kadang-kadang susah hendak difahamkan oleh orang yang tidak dilatih dari segi demikian.

Jadi, dalam keadaan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya bantuan guaman ini diberi bukan sahaja kepada sivil tetapi juga kepada kes-kes

jenayah. Kalau pegawai perundangan Bantuan Guaman tidak mencukupi, boleh di'assign' kepada pihak guaman swasta dan peguam swasta nanti berlandaskan pembayaran yang berpatutan dalam keadaan semasa.

Jadi, dalam keadaan yang sedemikian ada lagi yang perlu kita buat untuk mengatasi masalah-masalah yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, banyak cerita

Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya kira hendak gulung kertas, belum gulung cakap, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, pemindaan yang dibuat oleh pihak kerajaan adalah berperingkat-peringkat tetapi tujuan kerajaan itu adalah baik. Walau bagaimanapun, saya belum lihat rasional disebaliknya pula kenapa pindaan ini tidak dibuat secara menyeluruh untuk mengatasi masalah-masalah yang telah saya sebutkan tadi.

Saya suka membuat perhatian yang lain pula oleh kerana saya pernah sebut, dahulu saya sebutkan soal Kod Peraturan Mahkamah — Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi. Suka saya sarankan agar Peraturan Mahkamah ataupun High Court and Subordinate Court Rule ini di'review' semula untuk kita menyelaraskan semuanya dan tidak lagi mendatangkan satu vakum atau lakuna dalam keadaan yang ada sekarang dan agar perjalanan dan prosedur dalam mahkamah, dengan izin, kita lebih licin dan lebih memuaskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Klang.

4.46 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang disebut sebagai pindaan kepada Akta Bantuan Guaman 1971.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya merujuk Fasal 3 dan 4 yang bertujuan menaikkan had maksimum berkenaan dengan modal boleh guna dan pendapatan boleh digunakan RM3,000.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan kenaikan ini menyebabkan rakyat masih lagi tidak berpeluang menggunakan khidmat guaman dan nasihat guaman Biro Bantuan Guaman. Cadangan ini adalah tidak praktikal dalam suasana negara sekarang. Sungguhpun pendapatan perkapita rakyat negara ini ialah bertambah tetapi untuk mendapatkan khidmat guaman yang murah dan nasihat guaman percuma bukan mudah. Apakah lagi Biro Bantuan Guaman yang diharap dapat memainkan peranan ini bertindak membanteras kegiatannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lahun 1993, dari jumlah kes yang didaftarkan dengan Biro Bantuan Guaman iaitu 10,208 kes, hanya 9,420 yang dapat diselesaikan oleh Biro Bantuan Guaman setiap hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya had maksimum pendapatan boleh guna dinaikkan menjadi sekurang-kurangnya RM 10,000 supaya lebih ramai rakyat yang memerlukan khidmat guaman berpeluang menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini khidmat guaman Biro Bantuan Guaman banyak tertumpu kepada kes keluarga, penceraian dan tuntutan nafkah sahaja. Sepatutnya cadangan pindaan ini hendaklah juga memasukkan pindaan ini supaya lain-lain kategori bantuan seperti jenayah, kemalangan, kecuaiian perubatan yang merupakan hal-hal yang sering berlaku setiap hari.

Tuan Yang di-Perlua, saya ingin menegur bahawa terdapat pegawai-pegawai dan peguam di Biro Bantuan Guaman yang membuat kerja sambil lewa sahaja, mengambil mudah terhadap kes yang diadukan, tidak mahu membuat siasatan lebih dalam menyebabkan para pengadu sentiasa berulang alik ke pejabat. Keadaan ini berlaku kerana kelemahan orang ramai yang buta undang-undang, yang bergantung sepenuhnya kepada peguam Biro Bantuan Guaman.

Tuan Yang di-Pertua, Biro Bantuan Guaman hendaklah menukar sikap dan secara profesional membantu orang ramai dan anak guaman. Tuan Yang di-Pertua, Biro Bantuan Guaman juga harus meningkatkan usaha mengadakan ceramah guaman dengan kepentingan undang-undang kepada penduduk-penduduk sama ada di bandar dan di luar bandar. Klinik guaman bergerak hendaklah diadakan lebih kerap bagi membantu orang ramai. Maka ramai penduduk kawasan setinggan, taman perumahan dan kampung-kampung yang belum faham masalah undang-undang yang mereka hadapi sungguhpun Legal Aids Cenlre, Majlis Peguam

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Rompin bangun.

Tuan Fong Kui Lun: Silakan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi tentang bantuan guaman bergerak. Ini gayanya macam hendak swastakan bilik guaman gerak DAP sebab dia selalu memberikan nasihat guaman percuma seperti Petaling Jaya, semua Wakil-wakil Rakyat DAP — itu sahaja kerja dia. Ini, hendak swastakan kerja DAP, nanti DAP tidak ada kerja pula, macam mana?

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, ini pandangan Ahli dari Rompin sahaja. Sebenarnya, peguam ataupun guaman DAP sentiasa memberi bantuan kepada semua rakyat jelata yang tidak mempunyai peguam.

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Peguam adadiwujudkan tetapi itu tidak mencukupi. Ketidakfahaman mereka untuk menyelesaikan masalah undang-undang yang mereka hadapi sering disalah tafsir, apabila mereka berkunjung dan melawat Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan nasihat guaman. Bukannya mereka benci kepada peguam-peguam atau Biro Bantuan Guaman, tetapi kerana menurut fahaman mereka Wakil-wakil Rakyat dapat membantu dalam menyelesaikan masalah undang-undang yang dihadapi. Oleh itu usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman rakyat tentang undang-undang, perlu dilakukan oleh Biro Bantuan Guaman sebagai agensi kerajaan yang khusus dalam bidang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kok Lanas.

4.52 ptg.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengambil masa yang panjang. Cuma yang pertamanya, saya

ingin mengalu-alukan pindaan kepada Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1994 ini kerana seperti mana yang kita sedia maklum, bahawa dengan pindaan ini, ianya akan melibatkan lebih ramai lagi golongan daif dan miskin akan diberi peluang untuk mendapat perkhidmatan undang-undang secara percuma. Cuma apabila ramai orang-orang miskin selepas daripada ini yang tergolong dalam kumpulan yang akan mendapat kemudahan perkhidmatan percuma, tentulah pihak Biro Bantuan Guaman terpaksa bersiap sedia dengan kakitangan-kakitangan yang cekap di seluruh negara,

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya perhatikan sekarang, kebanyakan pejabat-pejabat Biro Bantuan Guaman yang sekarang ini diletakkan di Ibu Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan di seluruh negara, hanya dengan seorang Pegawai Undang-undang yang terlatih dan dibantu dengan seorang Pembantu Undang-undang untuk mengendalikan kes yang melibatkan, kadang-kadang sampai 20 buah mahkamah dalam negeri berkenaan. Oleh yang demikian, tanpa pegawai-pegawai yang terlatih yang lebih ramai, maka kes-kes yang dibawa dan dikendalikan oleh Biro akan mengambil masa yang terlalu lama untuk diselesaikan.

Ini adalah jelas. Misalannya, sebagai contoh, saya menyebut Biro Bantuan Guaman di negeri Kelantan yang hanya diketuai oleh seorang Pegawai Undang-undang, kemudian dibantu oleh seorang pembantu dan beberapa orang kakitangan. Bukan sahaja di negeri Kelantan, tetapi di seluruh negara, itulah susunan yang telah dibuat oleh pihak Biro Guaman di mana mereka terpaksa mengendalikan kes-kes yang banyak daripada kes-kes di Mahkamah Kadi Besar, kes Mahkamah Kadi, kes-kes Mahkamah Majistret dan kadang-kadang kes di Mahkamah Sesyen.

Sesuai dengan pindaan ini dan oleh kerana pihak kementerian sendiri akan menjangkakan dan tujuannya pun adalah untuk memberi peluang yang lebih kepada orang-orang miskin mendapat perkhidmatan guaman secara percuma, maka pejabat-pejabat Biro Bantuan Guaman di seluruh negara mestilah diperengkapkan dengan kakitangan. Bukan sahaja Pegawai Undang-undang, tetapi dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, supporting staff ataupun kakitangan yang akan membantu. Kebanyakan mereka yang terlibat misalnya bidang perkeranian, mereka kebanyakannya tidak mempunyai latar belakang undang-undang. Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya mereka yang akan ditempatkan di Pejabat Biro Bantuan Guaman mestilah diberi latihan secara khusus untuk menyediakan dokumen-dokumen.

Saya pernah diberitahu, kadangkadangkang, satu perkhidmatan guaman memakan masa yang lama kerana kakitangan yang terlibat tidak biasa untuk menyediakan pernyataan tuntutan, misalnya prosedur mahkamah—bagaimana hendak memfailkan kes-kes di mahkamah, misalnya, kerana mereka ini dahulunya adalah berkhidmat di jabatan-jabatan lain kemudian ditukarkan ke Biro Bantuan Guaman yang mempunyai dan memerlukan kemahiran yang tersendiri dalam mengendalikan tiap-tiap kes.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak bangkitkan ialah hasrat kementerian untuk mewujudkan alau memberi peluang kepada lebih ramai golongan daif dan miskin — di beri perkhidmatan secara percuma ini pada dasarnya adalah baik. Tetapi, sepatutnya, pindaan ini mestilah diikuti dengan suatu lagi pindaan yang memperluaskan bidang kuasa dan jenis-jenis kes yang boleh dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri

sedia maklum, saya rasa, mengikut jadual di dalam Akta Biro Bantuan Guaman yang sedia ada, kebolehterimaan Biro untuk mengendalikan kes-kes ini, yang mencakupi dalam jadual berkenaan adalah terhadap. Misalannya, dalam bidang kuasa kes-kes jenayah. Ia hanya tertumpu kepada kes-kes yang melibatkan faktor rayuan — mitigation di mahkamah-mahkamah majistret. Tetapi pihak Biro Bantuan Guaman tidak boleh mengambil kes untuk membela mereka yang terlibat di Mahkamah Majistret, di Mahkamah Sesyen atau di Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, faktor rayuan hanya sekadar untuk hadir dan memberi khidmat untuk membuat rayuan meringankan hukuman, tidaklah memberi khidmat yang sepenuhnya kepada mereka yang memerlukan perkhidmatan guaman ini. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan, sesuai dengan hasrat kerajaan untuk memberi khidmat yang lebih luas kepada golongan miskin dan yang tidak mampu untuk mendapat perkhidmatan guaman di syarikat-syarikat guaman swasta, adalah dicadangkan bahawa bidang kuasa dan kebolehterimaan Biro Bantuan Guaman untuk mengendalikan kes-kes jenayah mestilah diperluaskan.

Ini termasuklah untuk membela dalam kes-kes Mahkamah Juvana, misalnya, yang mana sekarang kes-kes Mahkamah Juvana, pada dasarnya adalah suatu kes yang tidak begitu kompleks, yang tidak melibatkan ruang ataupun kakitangan dan masa yang panjang. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya pihak kementerian melihat di masa-masa yang akan datang supaya Biro juga boleh mengendalikan kes-kes di Mahkamah Juvana. Satu lagi cadangan saya, ialah supaya bidang kuasa Biro diperluaskan untuk mengendalikan kes-kes yang melibatkan penagih-penagih dadah di bawah

Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act, 1983 kalau tidak silap saya.

Kes-kes ini sekarang menjadi semakin kompleks dan kita tahu Biro Bantuan Guaman tidak boleh mengendalikan kes-kes seperti ini. Oleh yang demikian, sesuai dengan hasrat untuk memperluaskan khidmat Biro Baniuan Guaman kepada orang-orang miskin, maka bidang kuasa uniuk mengendalikan kes juga mestilah dipertimbangkan dan diperluaskan. Begitu juga di dalam kes-kes sivil yang pada masa ini adalah terhad kepada jumlah quantum yang tertentu. Jumlah quantum ini juga mesti dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin sentuh, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa bidang kuasa Biro Bantuan Guaman sekarang adalah terhad. Misalannya dalam kes-kes yang melibatkan kemalangan jalan raya, dengan izin, running down cases, kemudian kes-kes yang melibatkan tuntutan penceraian dan nafkah di Mahkamah-mahkamah Kadi. Satu lagi bidang kuasa yang perlu dilihat ialah berhubung dengan representasi pihak Biro dalam kes Law Reform (Marriage and Divorce) Act, 1975. Ini juga, kebanyakannya melibatkan golongan daif dan miskin yang bukan daripada orang-orang Islam yang sebagaimana yang kita tahu bahawa prosedur di bawah Law Reform (Marriage and Divorce) Act 1975 adalah suatu prosedur yang komplikated.

Orang yang tidak mampu sudah tentu tidak pandai untuk menyediakan pernyataan tuntutan dan sebagainya. Jadi, sesuai dengan hasrat tadi, seperti yang saya katakan, adalah dicadangkan supaya pada masa-masa yang akan datang atau dalam masa yang sesingkat mungkin, supaya pihak kementerian mengkaji secara halus jadual kes-kes yang boich diterima oleh Biro Bantuan Guaman dan memperluaskannya sesuai dengan hasrat

kerajaan untuk memperluaskan khidmat ini kepada lebih ramai golongan-golongan yang tidak mampu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya hendak sentuh ialah tentang ke-lambatan kes-kes yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman. Saya pernah bertemu dengan satu kes — saya tidak mahu menyebut secara khusus, tetapi kalau Yang Berhormat Menteri sendiri, membuat kajian di tiap-tiap negeri akan bertemu dengan kes-kes di mana sampai enam tahun, yang dikendalikan oleh Biro tetapi masih belum dapat di selesaikan. Enam lahun tertunggak di mahkamah. Bila pihak litigan berkenaan berjumpa dengan pegawai-pegawai Biro Bantuan Guaman, mereka mengatakan mereka tidak cukup kakitangan dan sebagainya.

Kembali kepada apa yang saya sebutkan tadi, sesuai dengan hasrat ini, ini ialah aspek penting yang harus dilihat. Bayangkanlah, misalannyaseorang Pegawai Biro Bantuan Guaman sebagai contoh, saya sebut di Kota Bharu sekali lagi. Di sana ada lebih kurang 13 Mahkamah Kadi, ada 13 Mahkamah Majistret, ada 3 Mahkamah Seksyen, ada 2 Mahkamah Tinggi dengan hanya seorang Pegawai Undang-undang yang hendak mengendalikan kes. Itu dibantu oleh seorang Pembantu Undang-undang yang tidak begiui mahir. Sudah tentulah pada satu pihak yang tertentu khidmat yang cepat diperlukan oleh pihak yang menerima bantuan dan pada satu masa yang lain pihak yang mengendalikan kes ini mempunyai kakitangan yang terhad. Kalaulah ini berlaku, maka hasrat kerajaan umuk mewujudkan bantuan guaman percuma kepada mereka yang tidak mampu tidak akan mencapai kesan yang baik. Ini adalah saiu aspek yang harus dilihat sesuai dengan perkembangan dalam bidang kehakiman Tuan Yang di-Pertua.

Baru-baru ini semua pegawai-pegawai kehakiman sama ada Majistret, Pegawai Undang-undang, Hakim, Pesuruhjaya Kehakiman, Hakim Mahkamah Sesyen telah di"upgrade"kan di seluruh negara. Saya rasa tindakan yang sama mestilah diambil kepada Biro Bantuan Guaman. Sekurang-kurangnya saya cadangkan paling tidak, Tuan Yang di-Pertua, mesti ada paling tidak dua orang yang berkelulusan undang-undang di tiap-tiap buah negeri dan paling tidak mesii ada tiga atau empat Pembantu Undang-undang yang layak. Dan kalau kerajaan berhasrat untuk memberi bantuan kepada golongan daif dan miskin, maka ibu pejabat Biro Bantuan Guaman yang ada di tiap-tiap negeri sekarang mestilah diperluaskan kepada tiap-tiap daerah di dalam seluruh negara. Kalau tidak mampu kepada tiap-tiap daerah pun, seperti mana seorang Residen Majistret, tetapi mestilah dalam sebuah negeri itu mesti sekurang-kurangnya ada tiga atau empat. Misalannya tiga empat jajahan boleh dikumpulkan dalam suatu sirkuit dan kemudian memperuntukkan seorang Pegawai Undang-undang seperti mana khidmat seorang Majistret dalam sistem kehakiman yang ada di negara kita. Dengan itu sahaja, maka orang-orang daif dan miskin akan dapat menerima bantuan secara senang. Kalau tidak bayangkanlah, Tuan Yang di-Pertua, misalan saya beri contoh di negeri Kelantan, orang miskin yang berada di Gua Musang hendak turun ke Kota Bharu untuk mendapatkan perkhidmatan bantuan guaman di Kota Bharu; lebih kurang jaraknya Tuan Yang di-Pertua 250 batu; lentulah mereka ini orang-orang daif yang miskin ini kebanyakannya ialah berada di kawasan-kawasan luar bandar; walaupun saya tidak nafikan ada golongan yang berpendapatan rendah yang duduk di kawasan bandar. Tetapi kalau hasrat Biro Bantuan Guaman untuk memberi khidmat yang lebih kepada golongan ini, sudah tiba masanya sekarang pusat ataupun ibu

pejabat Biro Bantuan Guaman yang ada di tiap-tiap negeri ini diperluaskan di dalam negeri berkenaan. Misalannya saya cadangkan, katakanlah di negeri Kelantan, boleh dikumpulkan Jajahan Gua Musang, Jajahan Kuala Kerai, Jajahan Machang satu tempat perkhidmatan dengan seorang Pegawai Undang-undang. Kemudian campur pula Jajahan Tanah Merah, Jajahan Pasir Mas, Jajahan Tumpat seorang pegawai. Jajahan Pasir Puteh, Jajahan Bachok seorang pegawai. Dengan cara ini maka khidmatnya akan lebih menyeluruh. Yang ada sekarang hanya di ibu negeri sahaja. Maknanya kalau orang yang berada di kawasan luar bandar yang jauh, maka mereka terpaksa pergi ke pejabat ibu negeri untuk mendapatkan perkhidmatan ini.

Yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua yang perlu diambil berat oleh kementerian ialah gerakan-gerakan untuk menyedarkan wujudnya Biro Bantuan Guaman ini. Tidak keterlaluan kalau saya katakan, sekarang ini masih ramai lagi golongan-golongan yang layak tidak mengetahui wujudnya biro ini. Yang berjumpa dengan saya sendiri, pengalaman saya sebagai seorang peguam, yang tidak tahu akan wujudnya Biro Bantuan Guaman yang boleh mengendalikan kes-kes tertentu dengan bantuan hanya RM 1 dulu dan sekarang saya difahamkan dinaikkan RM2 — itu bayaran pendaftaran. Mereka ini tidak tahu.

Oleh yang demikian, saya cadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya Pegawai-pegawai Undang-undang atau kakilangan di ibu pejabat biro berkenaan mesti turun dan memberi pencerangan kepada masyarakat sama ada dalam bentuk forum, sama ada dalam bentuk ceramah, dalam bentuk sebaran pamflet dan sebagainya untuk menyedarkan mereka bahawa ada Biro Bantuan Guaman yang boleh memberi khidmat percuma kepada mereka.

Itulah beberapa perkara yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua dan memang seperti yang saya katakan tadi, dari segi memperluaskan golongan yang akan menerima khidmat Biro Bantuan Guaman ini, saya memang menyokong Tuan Yang di-Penua.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

5.05 *ptg.*

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rancangan Undang-undang untuk meminda Akta Bantuan Guaman 1971 terutamanya saya menyokong apa yang disebut oleh kawan-kawan saya tadi dan pada pandangan saya pindaan ini cumanya untuk lebih ramai lagi orang akan layak mendapat bantuan guaman. Saya rasa ini tidak berapa tepat oleh kerana apa yang diperluaskan sekarang cumanya di atas disposable income sahaja. Dahulu RM1,000 sekarang RM2,000. Memang kalau kita bandingkan dengan tahun 1971 pindaan ini memang baik tetapi sudah 23 tahun saya rasa dan kita cuma tambah sekali ganda dan RM1,000 ke RM2,000. Saya rasa angka ini juga terlampau rendah memandangkan kepada suasana atau kadar semasa sekarang ini disposable income RM2,000 ini cuma lebih kurang RM200 sebulan. RM200 sebulan ini saya rasa satu angka yang amat rendah.

Saya harap juga kementerian boleh mengkaji semula perkara ini oleh kerana kalau kita menggunakan disposable income, dengan izin, RM2,000 setahun ini, saya rasa ramai orang yang tidak layak mendapat bantuan guaman ini. Saya rasa RM2,000 setahun ini bukan miskin, saya

rasa ada ramai juga yang miskin, mungkin disposable income mereka RM400 dan mereka ada anak — tiga anak beranaklah. Bagaimana mereka boleh survive, dengan izin, kehidupan mereka dengan RM200 itu? Saya rasa lebih tepat kita menaikkan angka ini RM5,000 — lebih tepat oleh kerana dalam keadaan sekarang angka ini kepada tidak realistik lagi. Dan juga Akta Bantuan Guaman ini berasaskan kepada means test, dengan izin, atas disposable income sahaja. Saya rasa ini juga tidak berapa tepat oleh kerana kita mesti menggunakan seperti prinsip yang digunakan di United Kingdom bahawa, dengan izin, whether it is in the interest of justice that legal aids should be given to a person. Itu lebih tepat. Oleh kerana kadang-kadang disposable income mereka memang tinggi tetapi mereka tidak mampu untuk melantik seorang peguam pun. Tadi apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas bahawa Akta Bantuan Guaman ini dalam kes jenayah, untuk mitigation sahaja. Jadinya, untuk meringankan hukuman di mahkamah sahaja. Bukannya boleh dapat pembelaan guaman daripada peguam-peguam.

Jadi, saya rasa ini tidak berapa tepat dan tidak berapa baik oleh kerana ada ramai orang miskin dan daif yang mereka tidak mampu melantik lawyer di dalam kes jenayah. Saya sering nampak di dalam mahkamah bahawa ada ramai orang, mereka selalunya plead guilty, dengan izin. Mereka tidak lawan oleh kerana mereka tidak ada wang, oleh kerana mereka miskin.

Saya rasa kementerian mesti mengkaji semula dalam perkara ini, legal aid atau termasuk kepada kes jenayah. Oleh kerana termasuk kepada kes jenayah. Oleh kerana kes jenayah ini akhirnya mereka akan dipenjarakan dan ini akan melibatkan kepada hak asasi manusia. Jikalau kita

tidak memberi peluang kepada seorang rakyat dan oleh kerana mereka tidak mampu membayar wang ataupun mereka miskin, mereka tidak mampu melantik seorang peguam. Oleh kerana perkara-perkara yang sedemikian dan mereka dimasukkan penjara selama 2 tahun, 3 tahun, 5 tahun. Jangan kata 2 tahun, 3 tahun, 5 tahun — satu minit pun kita tidak boleh terima, oleh kerana ini satu hak seorang warganegara Malaysia.

Seorang warganegara kita mesti dapat bantuan daripada kerajaan, bukan oleh kerana mereka miskin, "tidak apalah, awak tidak boleh, melantik seorang peguam; tidak apa awak plead guilty dahulu, dan kita akan beri bantuan untuk meringankan hukuman sahaja". Ini bukan prinsip legal aid, prinsip legal aid atau bantuan guaman ini mesti dengan sepenuhnya, daripada hari penama bila mereka dituduh di dalam mahkamah, hampir mereka dihukum ataupun dibebaskan. Itu baru bantuan yang sebenarnya.

Saya rasa, Akta ini adalah satu 'lips service' sahaja ataupun 'melepas batuk di tangga'. Seperti yang disebutkan oleh Ahli Parlimen dari Kok Lanas bahawa di dalam setiap negeri cuma seorang peguam yang memberi bantuan guaman bagi tiap-tiap negeri. Bagaimanakah beliau boleh menjalankan tugas beliau? Bagaimanakah mereka ini boleh memberi bantuan kepada rakyat jelata?

Saya rasa Menteri Undang-undang pun sedar bahawa ramai orang miskin yang memerlukan bantuan guaman ini dan jikalau kita tidak meningkatkan servis-servis mereka, seperti memberikan lebih banyak bantuan dari segi kewangan supaya biro guaman ini boleh melantik lebih ramai peguam untuk menjalankan tugas guaman di seluruh negara. Saya

rasa, seorang peguam dalam sebuah negeri memang tidak cukup. Jangan kata dalam satu negeri, dalam satu pejabat pun seorang peguam susah hendak memberi perkhidmatan undang-undang kepada pelanggan mereka, apatah lagi kalau memandang sebuah negeri yang mempunyai beribu-ribu penduduk, yang kebanyakan orangnya adalah miskin.

Kalau kita kata ada 30 orang sahaja satu hari pergi ke pejabat Biro Bantuan Guaman ini, saya rasa mereka tidak mampu hendak memberi nasihat undang-undang pun. Jangan kata mereka ini hendak pergi ke mahkamah hendak buat 'mitigation' lagi — memang mereka tidak mampu dan juga bila mereka tidak mampu oleh kerana mereka tidak cukup kakitangan, tidak cukup masa untuk memberi nasihat kepada mereka juga menjadi questionable, dengan izin, bukannya mereka tidak baik. Oleh kerana mereka tidak ada masa untuk membuat research, untuk membaca akta-akta dan juga law report.

Jadinya akta ini saya rasa tidak berapa baik. Cuma kita concentrate, dengan izin, ke atas 'disposable income'. Oleh kerana posable incomenya, kita boleh memberi **posable incomenya, kita boleh memberi perkhidmatan lebih ramai orang**". Bukan begitu. Disposable income ini sudah ditetapkan pada tahun 1971 dan sekarang 1994. Jadi, saya harap kerajaan atau Kementerian Undang-undang janganlah menggunakan prinsip uniuik menaikkan disposable income dan ini menunjukkan bahawa orang ramai boleh dapat perkhidmalan guaman. This is a false believe, dengan izin,

Saya harap Menteri Undang-undang boleh mengambil perhatian dalam perkara ini, kalau boleh membawa satu pindaan yang baru pada sesi yang akan datang ataupun tahun depan supaya kita boleh

dapat satu akta bantuan guaman yang lebih terperinci. Dan juga sebelum itu, saya harap boleh dapat satu "working committee" untuk melawat United Kingdom, ke New Zealand, ke Australia, ke Amerika. Kita boleh mendapat satu kajian yang terbaik sekali untuk negara kita. Dengan itu, saya mengakhirkan ucapan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong, selepas ini Kementerian menjawab.

5.17ptg.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, usaha pihak kementerian untuk memperluaskan skop dan memberikan peluang kepada lebih banyak kategori orang ramai untuk mendapat bantuan guaman ini adalah ke arah yang betul.

Walau bagaimanapun, seperti mana teguran-teguran yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi seperti Kok Lanas, Bukit Bintang, Klang, Batang Lepar menunjukkan bahawa kelemahan masih wujud. Saya setuju, usaha mesti diambil untuk memperluaskan penerangan kepada orang ramai di dalam bandar dan di luar bandar.

Kedua, mengkaji semula mutu dan bilangan kakitangan sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat persekutuan untuk memastikan bilangan kakitangan biro tersebut mencukupi dan kaliber yang lebih tinggi.

Saya seringkali menerima aduan mengenai kualiti ataupun komitmen peguam-peguam di dalam biro tersebut. Orang ramai yang memberi aduan kepada pejabatnya menyebutkan yang perkhid-

matan kurang memuaskan dan kaliber itu kurang. Jadi, dari segi ini, pihak kementerian mesti mengkaji dan memperbaiki keadaan yang ada sekarang ini. Itu perkara yang kedua. Mengenai perlunya bagi kementerian untuk memperluaskan skop bagi kes-kes bukan sahaja sivil bahkan juga jenayah. Ini perlu dibuat kerana setakat kes-kes sivil sahaja tidak mencukupi.

Saya diberitahu bahawa pihak biro sekarang pun menghadapi kesusahan, masalah terutamanya ialah mutu kakitangan menghadapi kesusahan untuk menangani kes-kes di mahkamah syariah. Ini menunjukkan bahawa pihak Kementerian Undang-undang mesti peka kepada masalah tersebut dan mencari jalan untuk menyelesaikan permasalahan ini.

Saya dapati bahawa sejak tertubuhnya pada tahun 1970 dan dalam tempoh 24 tahun lebih daripada 140,000 kes telah pun didaftarkan dengan pihak biro dan tinggal 10% sahaja kes ini tidak dapat diselesaikan. Tiap-tiap angka yang kita dapati mengenai kes-kes yang telah diregister, didaftarkan iitu tinggal 10% belum diselesaikan, mungkin presiasi tinggi juga.

Walau bagaimanapun, adakah ini angka yang sebenarnya — 10% tiap-tiap tahun? Sebab puratanya ada lebih 10,000 orang yang membuat pendaftaran dengan pihak biro; hampir 10,000 orang yang mendaftar dengan pihak biro dan di antara 10,000 itu hanya tinggal 10% atau 1,000 yang belum selesai? Dan dianggarkan bahawa tahun ini akan ada 12,000 orang yang akan mendaftar dengan pihak biro dan di antaranya 10,000 akan diselesaikan. Ini memang satu angka yang tinggi. Walau bagaimanapun, untuk menangani senua kes itu, seperti saya sebutkan tadi bilangan kakitangan hendaklah ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tidak nampak Yang Berhormat Menteri menyebutkan mengenai betapa berkesannya pindaan ini untuk memastikan kes-kes tertunggak berkurangan dari setahun ke setahun kerana kes tertunggak itu makin lama semakin bertambah. Adakah dengan pindaan ini kes-kes tertunggak ini akan berkurangan.

Seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang kadar itu tidak mencukupi. 24 tahun baru kita hendak tambah sekali ganda. Ini memang tidak mencukupi. Mungkin lebih baik bagi pihak kememierian untuk mengkaji sama ada kita mengambil satu standard per capital income. 24 tahun yang dahulu berapa pendapatan per kapita. Dan sekarang 24 tahun kemudian apakah pendapatan per kapita. Ini adalah salah satu ukuran untuk menetapkan kadar had maksimum berkenaan dengan modal boleh guna pemohon. Itu adalah cadangan saya untuk menggunakan ukuran yang lebih realistik supaya kita dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu langkah yang boleh diambil untuk mengenal pasti agensi-agensi kerajaan yang boleh digabungkan dengan pihak Biro Bantuan Guaman, supaya kita boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik. Misalnya bergabung atau selaras dengan Biro Aduan Awam (Public Complaints Bureau) di dalam Jabatan Perdana Menteri. Kita mengkaji sama ada ada kemungkinan untuk menggabungkan dengan biro seperti ini dan biro-biro yang lain supaya kita dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik. Kalau mengikut pendapat Ahli Yang Berhormat Kok Lanas, sekarang ini teruk sekali. Dua orang sahaja kakitangan yang hendak menangani beribu-ribu kes di seluruh negeri. Itu tidak dapat

dilaksanakan. Itulah sebabnya perkhidmatan kurang baik, walaupun angka-angka yang diberikan di sini bukan main baik. Ini perlu dibuat untuk menyelesaikan masalah kesusahan pihak orang yang berpendapatan rendah untuk mendapatkan bantuan daripada Biro Bantuan Guaman.

Akhirnya, mengenai komunikasi, Sekarang zaman moden, ada fax, komputer dan banyak alat-alai komunikasi maka kakitangan di dalam biro juga mesti mempertingkatkan kemahiran dan keberkesanan untuk berkomunikasi dengan orang yang membuat aduan atau pemohon-pemohon yang meminta pertolongan. Saya dapati bahawa komunikasi ini sangat kurang, kerana orang miskin bukannya satu golongan, banyak golongan. Semua kaum ada orang miskin yang memerlukan bantuan guaman. Dengan ini kita mesti mengadakan kakitangan yang dapat berkomunikasi dengan pemohon-pemohon di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta jawab, Yang Berhormat Menteri.

5.27 ptg.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, Kok Lanas, Klang, Bukit Bintang dan Kepong yang telah membahaskan Rang Undang-undang Bantuan Guaman (Pindaan) tni.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong oleh kerana kadangkala ada perkara-perkara yang positif yang dia bawa, tetapi yang paling negatif ialah Ahli

dari Bukit Bintang, tiada satu pun yang baik. (*Ketawa*) Saya fikir, dia sebagai seorang peguam patut belajar untuk menerima ada yang baik dan ada yang tidak baik. Ada yang penuh cukup dan ada yang kurang.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Akta ini daripada tahun 1971 kita sudah ada. Kalau daripada tahun 1971, sekarang dia punya had kelayakan begitu rendah, kita naikkan pun salah dan kalau kita tidak naikkan pun tidak bagus juga. Jadi, saya fikir ini adalah satu langkah permulaan untuk ke arah merangkumkan lebih ramai orang untuk mendapat perkhidmatan guaman. Jadi, kita patut memberikan galakan terhadap tiap-tiap pindaan yang dilakukan bagi membolehkan lebih ramai orang untuk mendapatkan perkhidmatan

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduk dahululah. Nanti bila saya habis bercakap, baru boleh bercakap.

Jadi, saya baru mukaddimah uniuik Ahli Yang Berhormat, fasal saya tengok susah sangat untuk Ahli Bukit Bintang memahami perkara-perkara yang baik. Kalau banyak-banyak baca Hadis, insya-Allah, boleh jadi orang yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara yang dibincangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar tadi berkenaan dengan bidang kuasa prosiding jenayah di mahkamah Juvana, ini tidak termasuk dalam bidang kuasa biro. Ia hanya di bawah Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 sahaja. Jadi, berkenaan dengan apa yang Ahli Yang Berhormat Batang Lupar bercakap berkenaan dengan Islamic Bench di High Coun, saya fikir bidang kuasa Mahkamah Syariah dengan

mahkamah biasa berlainan dan kita mahu dicantumkan. Kalau ada perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum Islam, pihak mahkamah boleh merujuk kepada pakar-pakar dalam bidang Syariah uniuik memberikan pendapat dan terpulang kepada mahkamah itu untuk menerima ataupun tidak. Lain-lain perkara yang bersangkutan dengan orang Islam lebih baik dipertingkatkan struktur dan cara perkara-perkara yang boleh dikendalikan oleh Mahkamah Syariah supaya skop dan bidang kuasanya merangkumi di dalam bidang-bidang yang lebih luas lagi. Oleh itu, walaupun itu adalah satu cadangan yang dibuat di dalam Law Conference yang ke-10, buat masa ini kerajaan tidak bercadang lagi untuk menubuhkan Islamic Bench di Mahkamah Tinggi.

Berkenaan bantuan guaman meliputi kes jenayah. Perkara ini ada banyak pendapat telah diberikan, saya fikir semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian tadi telah mencadangkan supaya ia merangkumi bidang kuasa kepada bidang kuasa jenayah.

Saya berpendapat, kalau hendak dirangkumkan kepada bidang kuasajenayah mungkin akhirnya kita akan mempunyai sistem "public defender system", dan ini akan menjadi satu bebanan yang lebih berat lagi. Walau bagaimanapun, ini adalah satu cadangan yang boleh kita kaji dan melihat tentang kesesuaiannya dalam bidang-bidang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar juga sebagaimana Ahli Yang Bcrhormat dari Kok Lanas dan lain-lain menyebutkan berkenaan cawangan. Pada masa ini kita ada 18 cawangan di ibu negeri, dan lain daripada ibu negri, kita juga ada cawangan di Taiping, Raub, Muar dan Miri. Saya bcrsetuju bahawa supaya

perkhidmatan guaman ini dapat tiba kepada lebih ramai rakyat jelata yang memerlukan kepada perkhidmatan guaman tetapi tidak berkemampuan. Tetapi kita kena melakukan ini mengikut peringkat demi peringkat sehingga ia dapat mencukupi semua negeri-negeri dan mungkin kalau tidak pada satu keadaan yang lebih baik, iaitu kita boleh tiba ke peringkat daerah. Buat masa ini, kita akan merencana supaya segala perkara yang hendak kita lakukan kita dapat mempunyai kakitangan yang cukup, yang terlatih, yang dapat memberikan perkhidmatan yang sebaik-baik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, di pertengahan 'legal literacy'. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya walaupun secara langsung kita tidak terlibat di dalam mencelikkan rakyat jelata di dalam bidang perundangan, tetapi Biro Guaman tertentu dan dari semasa ke semasa di **tertentu dan dari semasa ke semasa** di mana pendedahan terhadap perkara-perkara bersangkutan dengan undang-undang diberikan. Ini juga dilakukan melalui Radio dan kita juga kadangkala mengambil bahagian—pegawai-pegawai Biro mengambil bahagian di dalam rancangan televisyen melalui media televisyen untuk memberikan penerangan-penerangan yang sesuai. Tetapi saya tidak dapat mengatakan bahawa segala yang kita berikan dari segi penerangan dan penjelasan, dia mencukupi. Kalau nak kira cukup memang tak cukup. Saya sendiri pun merasakan bahawa perlu kita memberikan penerangan yang lebih luas. Tetapi kadangkala kerana kita mempunyai keterbatasan yang tertentu, kita kena agihkan masa, agihkan pegawai-pegawai supaya kita dapat dengan secara terancang tiba ke seramai-ramai rakyat jelata yang memerlukan penerangan dan penjelasan dan perkhidmatan semungkin boleh.

Jadi, itu perkara-perkara yang berkenaan dengan legal literacy. Berkenaan kelewatan, saya minta Ahli Yang Berhormat, kalau ada kes-kes kelewatan macam begitu sekali, tolong beri kepada kita, tulis dan jumpakan bagaimana kes itu. Oleh kerana tidak ada sebab untuk memberikan alasan bahawa tidak cukup pegawai bagi sesuatu kes tidak dapat dikendalikan dengan sempurna. Tetapi kita mesti faham bahawa kelewatan tidak semestinya kerana kurang kakitangan. Ia juga boleh melibatkan faktor-faktor luaran yang bersangkutan dengan mahkamah, bersangkutan dengan peguam yang lain. Jadi, ada banyak perkara-perkara yang terpaksa dikaji. Kalau ada kes-kes yang khusus, saya berharap bahawa kita boleh melaporkan secepat mungkin untuk sama-sama kita memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan bantuan.

Saya berasa malang, Yang Berhormat dari Bukit Bintang, dia bercakap untuk bantu orang miskin, tetapi dia hendak fee dia yang mahal. Jadi, kadangkala kenalah beri perkhidmatan percuma, jangan berharap kepada kerajaan sahaja untuk beri bantuan. Ada kes-kes yang assigned cases pun peguam-peguam hendak tee yang tinggi kepada orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan.

Tuan Wee Choo Kenng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat.....

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya berharap bahawa kita juga mempunyai sosial responsibility ataupun sikap tanggungjawab kemasyarakatan — jangan nak buat duit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Hendak beri jalan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Berilah, kasihan.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, kita dari pihak DAP, kita selalu memberi bantuan bukan sahaja dari segi undang-undang sahaja, dari segi perkhidmatan sosial pun kita beri bantuan. Kita tak seperti Barisan Nasional yang cumanya ada slogan sahaja "membela rakyat". Padahal kalau rakyat ada kes jenayah di dalam mahkamah, mereka tak akan dapat bantuan daripada Barisan Nasional. DAP yang tampil ke hadapan untuk memberi pembelaan kepada mereka. Yang Berhormat juga dahulu jadi peguam, saya tak pernah nampak Yang Berhormat beri bantuan kepada orang-orang miskin. Kita semua ada — DAP, terima kasih.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kerana dia berkesan kepada rakyatlah dia tak dapat menubuhkan kerajaan langsung. Bermakna kita ini adalah satu parti yang bukan bercakap. Kalau saya tengok DAP tiap-tiap kali, kalau dia beri bantuan, memang kes-kes itu yang keluar surat khabar yang ada publisiti.

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Tuan Wee Choo Keong:

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seremban ada minta jalan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Seremban hendak bercakap.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Speaker, saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bahawa bukan sahaja DAP yang memberi bantuan kepada orang miskin di mahkamah, setakat ini saya tidak nampak di manakah buktinya DAP memberi bantuan kepada yang dituduh di mahkamah. Tetapi saya sendiri sebagai seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional

MCA senantiasa memberi bantuan percuma kepada hawkers yang ditangkap dan dituduh di mahkamah di Scremban, cuma free sahaja. Ini Barisan Nasional yang senantiasa menolong orang yang miskin.

Seorang Ahli: Sebab itulah tak payah bayar duti hiburan.

Seorang Ahli: Nenek Pendek!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir Seremban pun boleh ambil tempat saya umuk beri penjelasan. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat dari Bukit Bintang kadangkala tak boleh layan, tetapi pasal dia peguam, kita beri dia peluang. Tetapi bila kita beri dia peluang, dia bercakap karut-karut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di dalam ajaran Islam, kalau kita beri tolong orang free tak usah cerita. Perkhidmatan mesti jujur dan ikhlas. Yang Berhormat bawa cerita nak tanya saya apa saya buat. Apa saya bual, Yang Berhormat tak akan tahu.

Jadi, saya ingin mengatakan-bahawa tiap-tiap kes yang diambil oleh DAP semuanya kes-kes yang membawa kepada dia membangkitkan, cucuk orang punya kes — instigate, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dia membangkitkan perasaan — saya tak maksudkan Yang Berhormat dari Kepong, tetapi Bukit Bintang yalah. Kepong ini nampak reasonable, duduk dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar bangun.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Balang Lupar.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membuat penjelasan di bawah Peraturan Mesyuarat 37 (b), iaitu tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang adalah tidak adil. Sebagai seorang peguam kita mestilah bersifat adil dan terus-terang. Jadi, sebagaimana Yang Berhormat Menteri beritahu tadi kalau kita buat bukan untuk publisiti. Tetapi puak DAP buat ambil kes dadah, kes lawan kerajaan sengaja unluk publisiti, politik dan undang-undang mereka. Ini satu iklan yang dia buat. Kita tak buat macarn itu. Kita buat betul-betul untuk orang miskin yang tak boleh panggil surat-surat khabar, tak boleh buat publisiti, saya sendiri banyak buat. Sebagai seorang politik saya banyak buat, hal kebakaran, orang beri penasihat undang-undang, semua kita buat. Telapi jadi.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan ramai peguam-peguam yang bangun. Kalau bangun, minta penjelasan, bukan beri penjelasan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya beri penjelasan di bawah Peraturan 37 (b).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, tak usah buat macam itu! Kalau bangun, hendaklah minta penjelasan!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu tidak boleh. Tak boleh pakai, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya sudah buat, tak apalah, duduk boleh. (*Ketawa*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ramai orang layak jadi Menteri Undang-undang, pasal ramai peguam di dalam Dewan yang mulia ini. Hanya sebagaimana yang saya katakan tadi, bahawa kalau Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ini lak usah kita layan, tetapi saya terpaksa jawab kepada dia, kalau tidak, dia balik daripada sini lebih susah, dia tidak dapat tidur lena, saya pun tahu dia—bachelorke? (*Keiawa*) Jadi, sebab itulah!

Tuan Yang di-Pertua, memang saya akui bahawa kita masih lagi banyak kekurangan pegawai buat masa sekarang untuk mengemaskinikan maklumat kepada Ahli Yang Berhormat kita telah pun mempunyai dua orang pegawai di tiap-tiap cawangan dan salah seorang daripada pegawai adalah Peguam Syarii dan ini telah memang membantu kita untuk memberikan perkhidmatan yang lebih berkesan dari segi jumlah terbanyak kes-kes yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman banyak kes-kes yang melibatkan Mahkamah Syariah.

Jadi, dengan itu kita pun menambahkan dan adakan pegawai Peguam Syarii dan pegawai-pegawai ini akan terus ditambah, kitabercadangkan bahawatiap-tiapcawangan sepatutnya mempunyai di dalam tiga pegawai untuk membantu melaksanakan tugas mereka dengan lebih baik dan berkesan.

Jadi, kita tidak perlu kluatir tentang perkara ini dan saya percaya bahawa setiap daripada kita akan cuba uniuik meningkatkan prestasi dan kualiti perkhidmatan oleh kerana tiap-tiap jabatan dan agensi kerajaan mempunyai Piagam Pelanggan iaitu unluk mcemberikan perkhidmatan yang terbaik secepat mungkin yang berkesan supaya pelanggan berasa puas hati.

Pada tiap-tiap tahun diadakan perbincangan, mesyuarat, conference di antara pegawai-pegawai bagi membincangkan perkara-perkara yang terbaik untuk mengatasi masalah-masalah pengurusan supaya orang ramai akan lebih berasa puas hati terhadap perkhidmatan yang kita berikan.

Jadi, kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa kita punya perkhidmatan tidak ada kualiti, tidak langsung berkesan, tak ada standard, saya fikir itu keterlaluan. Saya menganggap bahawa kalau ada kekurangan kita terima mungkin ada kekurangan tetapi ini adalah satu perkara yang boleh kita perbaiki dari satu masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir secara umumnya saya telah menjawab setiap persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya tidak ingin untuk menjawab lebih daripada itu dan perkara-perkara yang khusus yang dikemukakan dan pandangan-pandangan yang bernas dan berguna yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan kita kaji setiap satu persatu.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ahli Yang Berhormat dari Kepong, saya telah habis jawab, sebab itu bila saya bercakap Ahli Yang Berhormat jangan keluar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi, tiap-tiap saii saranan yang boleh ditimbang akan kita timbangkan dan teliti dengan sebaik-baiknya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi

diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN PROSEDUR JENAYAH (PINDAAN) 1994

5.46 ptg.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994 dibacakan bagi kali kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda peruntukan Kanun Prosedur Jenayah (F.M.S. Cap 6) bagi memansuhkan siasatan permulaan di Mahkamah Majistret, sistem percabaran dengan juri dan percabaran dengan bantuan pengapit.

Siasaian permulaan pula adalah prosedur yang ditetapkan di bawah Seksyen 138 Kanun Prosedur Jenayah

bahawa semua perbicaraan di Mahkamah Tinggi mestilah didahului oleh suatu siasatan permulaan oleh Majistret. Perbicaraan menggunakan sistem juri yang terpakai bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah berasaskan kepada peruntukan Seksyen 199A Bab 22 Kanun Prosedur Jenayah (F.M.S. Cap 6) manakala di Sabah dan Sarawak dikenali sebagai assessor atau sistem pengapit berasaskan peruntukan Seksyen 183A Bab 21 Kanun Prosedur Jenayah.

Kedua-dua sistem ini terpakai bagi semua perbicaraan di bawah KPJ bagi kesalahan-kesalahan yang boleh membawa hukuman mati tetapi pada amalnya ia terpakai hanya untuk kes bunuh.

Siasatan permulaan merupakan siasatan yang diadakan oleh seseorang Majistret untuk menentukan sama ada terdapat alasan-alasan yang mencukupi untuk mensabitkan seseorang yang dituduh itu bagi maksud perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Pengalaman menunjukkan bahawa keterangan yang digunakan di Mahkamah Tinggi telah pun dikemukakan semasa siasatan permulaan di Mahkamah Majistret.

Oleh itu, siasatan permulaan adalah merupakan satu proses yang tidak membawa apa-apa makna dari segi keadilan dan tidak berfaedah kepada kedua-dua pihak sama ada pihak pendakwa ataupun pihak tertuduh. Ianya hanya akan mengakibatkan proses perbicaraan yang mengambil masa yang berpanjangan. Dari segi rasionalnya, siasatan permulaan adalah untuk menapis pendakwaan yang tidak berasas serta memastikan agar hanya kes-kes yang kukuh sahaja dibawa ke Mahkamah Tinggi untuk menjimatkan masa Mahkamah Tinggi. Pada kebiasaannya, Majistret sentiasa 'commit', dengan izin, yang tertuduh untuk perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

Dalam kes-kes yang berat dan sensasi biasanya terdapat publisiti yang meluas semasa siasatan permulaan dijalankan dan ini boleh mendatangkan ketidakadilan kepada tertuduh. Siasatan permulaan juga boleh membebankan kerajaan dari segi elaun-elaun yang perlu dibayar kepada saksi-saksi di dua peringkat perbicaraan iaitu di Mahkamah Majistret dan juga di Mahkamah Tinggi. Bagi maksud menghapuskan siasatan permulaan, Pasal 5 bertujuan memotong Bab 17 dan 17A Kanun Prosedur Jenayah.

Dengan penghapusan perumukan ini, tidak ada lagi keperluan bagi siasatan permulaan diadakan di Mahkamah Majistret bagi maksud mengcommitkan orang tertuduh untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi bagi kesalahan-kesalahan yang perlu dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Perbicaraan dengan juri dan pengapit seringkali mengakibatkan perbicaraan yang berlanjutan lantaran kerumitan untuk mendapatkan orang-orang yang layak bagi menjadi juri ataupun pengapit.

Salah satu sebab keengganan orang awam memikul tanggungjawab tersebut ialah kerana mereka takutkan pembalasan dendam yang akan diterima dan tidak mahu menanggung beban menghantar tertuduh ke tali gantung. Perbicaraan dengan juri juga seringkali membawa kepada isu-isu teknikal yang sukar difahami oleh para juri.

Tugas para juri ialah untuk membuat keputusan terhadap fakta manakala hakim pula membuat keputusan tentang undang-undang tetapi ada kala isu undang-undang dan fakta bercantum serta tidak dapat dibezakan oleh para juri walaupun diterangkan oleh hakim semasa beliau menggulung perbicaraan. Keadaan ini sering mengakibatkan ketidakadilan penghakiman semata-mata atas alasan

teknikal sahaja. Ada kalanya para juri membebaskan dan melepaskan seseorang yang tertuduh walaupun fakta-fakta menunjukkan sebaliknya. Satu daripada faktor yang mungkin menyebabkan para juri mencapai keputusan sedemikian ialah kerana mereka terpengaruh dengan kepintaran dan kepandaian peguambela berhujah.

Tuan Yang di-Pertua, perbicaraan dengan juri juga selalu disifatkan sebagai trial by ones peers, dengan izin, manakala perbicaraan oleh seorang hakim tidak boleh disifatkan sedemikian kerana seorang hakim itu dikatakan telah hilang hubungannya dengan orang awam tetapi keadaan ini tidak benar kerana terdapat banyak kes yang boleh membawa hukum mati dibicarakan oleh seorang hakim sahaja tanpa bantuan juri seperti kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan dadah dan senjata api.

Peranan pengapit pula, ianya hanya untuk membantu hakim atas fakta-fakta di dalam sesuatu perbicaraan. Hakim tidak terikat dengan pendapat pengapit dengan syarat hakim merekodkan sebab-sebab beliau tidak setuju dengan pendapat pengapit tersebut. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana mahkamah semasa mensabitkan tertuduh tidak bersetuju dengan pendapat mana-mana pengapit atau yang tertinggal, rekod prosiding dan exhibit hendaklah dihantar ke Mahkamah Persekutuan dan ini akan dianggap sebagai.....

Tuan Yang di-Pertua, saya ada tersilap baca tadi. Mohon maaf.

Pindaan melalui fasal adalah untuk membezakan cara pelaksanaan hukum sebat terhadap penjenayah kolar putih dengan dikenakan terhadap penjenayah

yang melakukan kesalahan-kesalahan berunsur keganasan. Tujuan mengenakan hukuman rotan ke atas penjenayah kolar putih adalah untuk memalukan mereka.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah pindaan susulan kepada cadangan-cadangan untuk menghapuskan siasatan permulaan perbicaraan oleh juri dan perbicaraan dengan bantuan pengapit.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan yang dikemukakan ini telah pun dikaji secara terperinci dan kerajaan berpendapat pindaan-pindaan yang dikemukakan ini dapat mengemaskinikan proses perbicaraan jenayah di mahkamah tanpa menjejaskan keadilan bagi mana-mana pihak. Sebaliknya cadangan-cadangan ini apabila dilaksanakan akan membebaskan sistem kehakiman jenayah kita daripada prosedur dan tatacara yang tidak bermakna. Ini bukan sahaja menyumbang kepada penyelesaian dalam penyelesaian kes-kes di mahkamah serta menjimatkan kos dan masa mahkamah dan semua pihak yang terlibat.

Secara keseluruhannya, berasaskan kepada fakta-fakta yang dinyatakan tadi, maka tidak syak lagi bahawa penghapusan sistem juri, pengapit dan siasatan permulaan bukan sahaja akan dapat melicinkan lagi prosiding perbicaraan, malahan akan membantu menyegerakan penyelesaian kes-kes di mahkamah serta dapat pula menjimatkan masa, sumber dan tenaga di peringkat Mahkamah Majistret dan Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Ting Chew Peh): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tanjong.

5.55ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): Saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang ini. Yang pertama, saya rasa bahawa pihak kerajaan patut disalahkan dalam perkara cadangannya untuk menghapuskan siasatan permulaan dan menghapuskan perbicaraan juri oleh kerana kerajaan tidak mengadakan satu perbincangan, satu consultation dengan Majlis Peguam dan semua pertubuhan-pertubuhan yang bersangkut-paut dengan pentadbiran keadilan. Oleh kerana inilah satu perkara yang perlu dapat satu perbincangan yang sedalam-dalamnya sebelum satu rang undang-undang dikemukakan ke Parlimen dan sebelum Parlimen membuat satu keputusan.

Cadangan untuk menghapuskan perbicaraan juri perlu mendapat perhatian yang berat khasnya dalam satu peringkat sekarang di mana kerajaan ada mengumumkan Visi 2020. Apakah Visi 2020? Visi 2020 ialah mengharapkan ada satu masyarakat Malaysia yang lebih participatory di mana rakyat boleh ambil bahagian dalam proses decision making sama ada politik atau di bidang yang lain termasuk judicial decision making dan kalau kita serius dengan Visi 2020, kita perlu menimbang, mengkaji bagaimana kita boleh menarik lebih ramai rakyat Malaysia untuk ambil bahagian menyertai proses decision making dan bukan sebaliknya apa yang di hadapan Dewan yang mulia ini untuk menghapuskan perbicaraan juri.

Sebab itu kita cadang bahawa perlulah sebelum satu keputusan dibuat oleh Dewan yang mulia ini bahawa segala aspek, cadangan penghapusan, perbicaraan juri dan siasatan permulaan adalah dikaji, dibahas oleh semua pihak yang berminat dalam perkara ini sama ada hujah-hujah yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi mengenai kenapa kerajaan mahu menghapuskan perbicaraan juri dan siasatan permulaan sama ada mereka boleh diterima atau kalau ada kelemahan-kelemahan sama ada ada cara yang lain di mana kelemahan-kelemahan ini boleh diatasi dan kalau akhirnya kita sampai satu kesimpulan bahawa tidak ada cara lain selain daripada penghapusan perbicaraan juri sama ada kita perlu safeguards untuk menjaga kepentingan keadilan dan tidak ada sesiapa yang dianiayai akhirnya oleh kerana kita sudah menghapuskan satu sistem perbicaraan juri.

Sekarang di bawah perbicaraan juri yang ada dalam kes pembunuhan dan beberapa capital offences, juri menjadi hakim yang tunggal mengenai fakta-fakta. Apabila perbicaraan juri dihapuskan, hakim (the judge) akan ada tanggungjawab untuk memutuskan mengenai fakta-fakta selain daripada undang-undang.

Sekarang dalam negara kita, kita adalah satu "long running saga" — satu perbicaraan pembunuhan yang begitu jijik melibatkan seorang Wakil Rakyat, seorang bomoh dan lain-lain orang dan personalities yang begitu colourful dan dapai liputan begitu besar dalam mass media sama ada cetak, newspaper, surat khabar atau elektronik dan kita pun baca hari-hari exchanges yang begitu panas dan begitu acrimonious anjara Defence Council dan hakim dan menimbulkan satu soalan sama ada kalau kita memberi tanggungjawab kepada hak seorang hakim untuk putus kes-kes semacam murder

(pembunuhan) sama ada ini wajar? Oleh kerana kes "long running saga" ini, sama ada itu wajar?

Sebab itu kita rasa perlulah satu kajian yang menyeluruh (comprehensive) diadakan mengenai sistem undang-undang dan kehakiman dalam negara kita, oleh kerana selain daripada masalah perbicaraan juri dan masalah siasatan permulaan, tentulah ada bidang-bidang yang lain mengenai sistem kehakiman dan sistem perundangan yang perlu kajian yang lebih dalam dan saya cadangkan supaya perkara ini di postpone supaya satu kajian yang lebih mendalam boleh diadakan di mana Majlis Peguam dan semua pertubuhan-pertubuhan yang ada hubungan dengan pentadbiran keadilan boleh mengambil bahagian.

Di sini saya mahu menegaskan adalah sangat mustahak bahawa Kanun Prosedur Jenayah tidak dijadikan satu alat baik pun oleh pihak polis atau pihak kerajaan untuk mencabuli hak-hak demokrasi rakyat Malaysia.

Pada hari Ahad, nampaknya Seremban menjadi sebuah ibu kota jenayah (lawlessness), apabila lebih kurang 200 anggota polis FRU bemarkas di Central Market di Seremban selama 5 jam semenjak pukul 6.00 pagi dan akhirnya untuk justifikasi tindakan ini, 6 pemimpin DAP Negeri Sembilan ditahan atas kesalahan yang tidak pernah di dengar oleh sesiapa, bahawa mereka menyebarkan pamflet-pamflet parti tanpa permit — tidak pernah di dengar oleh sesiapa.

Yang Berhormat Menteri Undang-undang pun seorang pemimpin politik, dia pun pernah menyebarkan pamflet-pamflet UMNO. Saya percaya, kalau dia tidak menyebarkan pamflet-pamflet UMNO dia bukan grassroot leader, dia helicoptered,

dia datang melalui helikopter. (*Ketawa*) Tetapi inilah yang terjadi dalam sejarah 37 tahun — tidak pernah ada kesalahan jenis itu, tetapi untuk hari Ahad kenapa perlu mobilisasi pihak polis begitu raksaksa untuk tujuan ini? Dan mereka gunakan CPC, mereka gunakan Kanun Prosedur Jenayah, tahan mereka dengan menggunakan Seksyen 112 — kata mahu ambil untuk pemeriksaan dan apabila pihak polis ada sebab percaya bahawa ada kesalahan dilakukan walhal dalam perkara ini tidak ada kesalahan dilakukan. Apa kesalahan yang dilakukan?

Mereka juga diugut bahawa pihak polis boleh menggunakan Kanun Prosedur Jenayah, Seksyen 117 untuk menahan mereka selama 15 hari apabila dapat satu perintah daripada majistret. Kalaulah menyebarkan pamflet-pamflet parti tanpa permit itu merupakan satu kesaiahan, saya rasa culprit yang terbesar ialah parti Barisan Nasional. Mereka bukan sahaja menyebarkan pamflet-pamflet parti dalam pilihan raya besar, tetapi dalam pilihan parti-parti mereka — UMNO General Election, Team A, Team B, Team X, Team Y, Team Z — semua masuk lokap di bawah Section 117, Criminal Procedure Code. Dan ini akan merupakan set-back terbesar kepada demokrasi, kepada hak-hak asasi di Malaysia, kalau selepas 37 tahun merdeka, pihak polis boleh mengisytiharkan bahawa parti-parti politik tidak boleh menyebarkan pamflet-pamflet parti, kalau mereka tidak mendapat permit daripada pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, point yang saya mahu menegaskan di sini ialah pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri, Peguam Negara dan Inspector General of Police perlulah mengeluarkan satu arahan yang jelas bahawa Kanun Prosedur Jenayah tidak akan disalahgunakan oleh

pihak polis untuk merampas hak-hak demokrasi jelata dan hak-hak parti politik untuk menjalankan kegiatan-kegiatan sah politik mereka.

Di sini, apa yang berlaku di Seremban pada hari Ahad perlu mendapat perhatian berat dari Yang Berhormat Menteri dan kerajaan, oleh kerana dalam perkara ini pun, keempat-empat orang ini, iaitu Khoo Seng Hock — Timbalan Pengerusi DAP Negeri Sembilan, Peringkat Negeri; Haji Malik — Stale Vice Chairman; Lim Seng Chuan — Setiausaha Organisasi Negeri dan P. Gunasegaran — Timbalan Setiausaha Organisasi. Mereka bukan sahaja ditangkap, mereka juga mendapat layanan yang buruk. Apabila masuk balai polis mereka diperintah supaya menanggalkan semua pakaian — apa ini? Di dalam kes ini semacam mendera (ill-treatment). Apa, ini Police State?

Saya haraplah ini bukan objektif Kanun Prosedur Jenayah dan saya difahamkan bahawa sebenarnya pihak polis di Seremban mendapat maklumat-maklumat bahawa pada hari tersebut ada pekebun-pekebun kecil di Seremban yang terlibat dalam pengambilan tanah Seremban II, mahu pergi pasar di Pusat Bandar Seremban untuk menyebarkan risalah-risalah untuk menerangkan kenapa mereka menentang pengambilan tanah itu. Kalau ini benar, ini pun tidak boleh menjadi satu sebab mengapa pihak polis mobilisekan 200 unit FRU. Adakah negara kita begitu fragile, begitu tidak stable sehingga kalau rakyat boleh menyebarkan leaflet-leaflet, bukan menyeru kepada kekacauan dan huru-hara tetapi menerangkan kenapa mereka menentang satu projek pengambil tanah dan menyeru rakyat untuk menyokong pendirian mereka bahawa perlulah 200 unit FRU dimobilisekan, Tidakkah pihak polis ada perkara yang lebih penting untuk dijalankan.

Saya harap dalam perkara ini, mungkin saya silap dan saya percaya ini bukanlah satu pendirian kerajaan dan saya harap bukan juga pendirian pihak polis, tetapi tindakan seorang OCPD di Seremban.

Ini patut menjadi satu lesson bahawa pihak polis sepatutnya tidak terlibat dalam hal ehwal parti politik, di mana-mana tempat, khususnya, di dalam kawasan yang mustahak di dalam pilihan raya besar yang akan datang di Seremban. Orang di Seremban takut dan MCA takut bahawa di Seremban mereka ada masalah untuk mempertahankan kerusi, tetapi pihak polis tidak patut ditarik dalam hal-ehwal.....

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)
Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat, Seremban bangun, Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Itu tidak payahlah.

Tuan Yim Chee Chong: Temang MCA takut.

Tuan Lim Kit Siang: Belum dapat.

Tuan Yim Chee Chong: MCA tidak takut, bila-bila masa dapat mandat untuk keluar lagi sekali.....

Tuan Lim Kit Siang: Daripada MCA untuk keluar lagi sekali sebagai calon, tidak payahlah. Nasihat saya ialah supaya pihak polis stay above the fights.

Tuan Yim Chee Chong: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat Seremban.

Tuan Lim Kit Siang: Stay above the fight, janganlah terlibat, oleh kerana tanggungjawab pihak polis ialah untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman awam (public order) dan jangan terlibat serta tertarik dalam apa-apa pertikaian politik antara pihak Pembangkang dengan Barisan Nasional — jangan. Dan jangan berlaku, sehingga dianggap sebagai satu musuh terbesar terhadap demokrasi dan hak-hak asasi semacam apa yang bertaku di Seremban. Kalau apa yang berlaku di Seremban kerap kali berlaku pihak polis akan dianggap sebagai musuh utama kepada demokrasi dan hak-hak asasi dan saya rasa ini bukan tujuan pihak polis, inilah tindakan seorang OCPD dan lindakan yang keras patut diambil terhadap OCPD Seremban — Nordin Zakaria, supaya perkara ini tidak berulang lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sekejap, ya. Minta kemukakan Usul dulu. Sekejap.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.00 ptg.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam,

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 9.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN PROSEDUR JENAYAH (PINDAAN) 1994

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seremban. *(Tepuk)*

6.02 ptg.

Tuan Yim Chee Chong (Seremban): Terima kasih atas sokongan saudara-saudara. *(Tepuk) (Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, teruskan.

Tuan Yim Chee Chong: Sudah lankah? Tidak apalah. Kita ada di sini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Begitu gembira dan tertawa Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. *(Ketawa)* Tuan

Yang di-Pertua, hujah-hujah dari Yang Berhormat Menteri Undang-undang tadi untuk membuat pindaan terhadap Kanun Prosedur Jenayah (CPC) untuk menghapuskan siasatan permulaan ataupun preliminary inquiry, dengan izin dan uniuik menghapuskan perbicaraan sistem juri.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan ataupun hujah-hujah dari Menteri Undang-undang mengikut pandangan saya adalah hujah-hujah yang bernas, alasan adalah munasabah. Saya tidak setuju tentang pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong tadi. Adalah bohong semata-mata. (*Tepuk*) Kalau dibenarkan saya menggunakan perkataan "bohong".

Sistem siasatan permulaan ataupun preliminary inquiry. Saya adalah seorang peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi selama lapan tahun. (*Tepuk*) Saya telah mengkaji CPC selama sepuluh tahun. (*Tepuk*) Sesudah saya praktis di Mahkamah Tinggi saya mendapati bahawa sistem siasatan permulaan ini adalah sistem yang out-daied (*Tepuk*) oleh kerana seseorang yang dituduh di mahkamah yang menghadapi hukuman mati kalau didapati salah akan mengadakan satu preliminary inquiry. Mula-mula mengadakan perbicaraan di Mahkamah Majistret, kemudian kalau didapati salah atau call for defence, akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi. Banyak duit habis. Kawan saya dari Pasir Mas kaiakan. Bukan sahaja duit tetapi juga masamahkamah. Ini adalah membuang masa mahkamah dan membuang duit dengan sia-sia. Duit itu adalah duit rakyat jelata yang membayar cukai. (*Tepuk*) Bukan DAP punya. (*Ketawa*)

Preliminary inquiry — kalau kita mengadakan perbicaraan sekali sahaja sudah cukup. Kenapa mengadakan dua kali, Tuan Yang di-Pertua? Sekali di

Magistrate Court dan sekali pula di High Court. Ini adalah perbicaraan dan prosedur yang sama. Oleh itu, saya mendapati bahawa Kabinet kita yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamed adalah yang bijaksana. (*Tepuk*) Sistem ini dijalankan sehingga hampir berpuluh-puluh tahun lamanya di negara kita ini. Hari ini Kabinet kita dan Menteri Undang-undang kita mengemukakan untuk menghapuskan sistem ini. Pada hemat saya adalah sesuai, adalah layak.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kawan bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Ini kawan, boleh. (*Ketawa*)

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Saya kagum hujah, isi dan cara penyampaian Yang Berhormat dari Seremban. Tetapi saya nampak DAP tidak ada bangun langsung hendak lanya maklumat atau penjelasan. Macam DAP ini takul, bukan sahaja takut di Seremban, di Dewan yang mulia pun nampak takut juga. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yim Chee Chong: Bukankah saya katakan DAP sudah kalah di Seremban? Akan kalah lagi pada kali yang kedua tidak lama lagi. Oleh kerana DAP tidak tanya apa, pada hemat saya ramai bukan lawyer. (*Ketawa*) Lawyer sudah keluar dari Dewan yang mulia ini. Mana ada lawyer dari DAP? Jadi, mereka mungkin tidak faham tentang prosedur mahkamah, jadi susah hendak tanya. Itu sahaja jawapan saya kepada Ahli Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, tentang trial by the jury iaitu perbicaraan sistem juri. Sistem ini adalah dari England, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita Malaysia ini adalah salah sebuah koloni British Empire pada masa yang lalu. Sistem trial by the jury ini, adalah sistem yang baik. Kenapa saya sokong untuk menghapuskan sistem ini Tuan Yang di-Pertua? Dua ratus atau tiga ratus tahun dahulu, trial by the jury adalah hak asasi rakyat di England. Oleh kerana sesiapa yang menghadapi perbicaraan yang akan dijatuhkan hukuman mati adalah kes yang serius, jadi kita harus mengadakan perbicaraan yang adil dan saksama.

Trial by the jury adalah orang yang dilantik dari kampung-kampung orang yang dituduh itu kerana juri itu kenal orang yang kena tuduh di dalam mahkamah. Dia tahu. Macam saya kenal kawan saya dari DAP atau dari mana, kalau dia dituduh di mahkamah; saya tahu kelakuannya, (*Tepuk*) Salah aiau tidak? Dia orang baik atau tidak? Itulah alasan untuk mengadakan trial by the jury. Sebab kalau trial by the jury, orang-orang juror tahu, "Ha, ini orang baik, dia kena tuduh di mahkamah. Kita tujuh orang di sini jadi juri. Kita dia". Sebab kadang-kadang pihak polis tangkap seseorang dengan tidak bersalah. Ini di mana-mana negeri pun begitu juga. Ada orang tidak bersalah kena tangkap. Sebenarnya dia tidak melakukan kesalahan. Tetapi ditangkap oleh pihak polis dan mengatakan dia melakukan kesalahan ini. Trial by the jury adalah juri ini akan mengatakan, "Kita kawan-kawan, kita kenal orang itu. Kita tahu dia tidak bersalah. Jadi, kita katakan tidak bersalah". Jadi, trial by the jury ini adalah baik, adil dan saksama.

Akan tetapi..... (*Tepuk*) Thank you. Pada masa ini trial by the jury adalah outdated, orang putih katakan. (*Tepuk*) Saya menuntut selama lima tahun di England,

Tuan Yang di-Pertua, lima tahun. (*Tepuk*) Ini compiled study Bachelor of Law dan Bachelor of Politics. (*Disampuk*) Bayan Baru tidak ada, kawan saya kata. Lima tahun saya menuntut di UK — undang-undang. Full time study. Semasa saya berada di UK, di semua universiti membincang sama ada menghapuskan sistem trial by the jury atau tidak. Ramai orang cadangkan hapuskan sistem ini.

Tuan R. Karpal Singh: (*Masuk*)

Tuan Yim Chee Chong: Yang Berhormat dari Jelutong sudah sampai. Ini lawyer yang bagus di Malaysia. Saya menghormati beliau. (*Ketawa*) Tetapi saya harap beliau akan cakap dengan betul, adil dan saksama. Kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Jerai katakan jikalau saya tidak mengetahui apakah maknanya itu. (*Ketawa*) Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah seorang peguam yang baik, kawan saya katakan, "yang baik". Dulu dalam Dewan yang mulia ini beliau berucap tentang pindaan Perlembagaan untuk menghapuskan hak istimewa Raja-Raja dan Sultan-Sulian. Cakap dengan gagah berani. Dari hati saya menghormatinya. Tetapi bila 'buang undi' sama ada kita sokong atau tidak pindaan undang-undang ini, kawan-kawan dari DAP tidak mengundi. Itulah yang mengecewakan saya dan rakyat di Malaysia.

Tuan Speaker,.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Balik kepada tajuk, ya.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Speaker, trial by the jury, juri adalah dikalakan juga 'layman'. Macam DAP lama di sini 'layman' adalah orang yang udak lahu undang-undang, dikatakan 'layman'

Seorang Ahli: Macam Kepong!

Tuan Yim Chee Chong: Macam Kepong (*Ketawa*) dia tahu 'kulit'. Ini pun sumbangan juga kepada masyarakat. Orang-orang atau pesakit-pesakit kulit boleh diubatnya. Orang ini bukan legally trained, dengan izin. Layman semua tidak lahu undang-undang, tetapi menjadi Hakim sama ada salah atau tidak di mahkamah buat keputusan.....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jelutong bangun minta jalan.

Tuan Yim Chee Chong: Ah! Boleh, ini orang baik juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, teruskan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tadi, rakan saya dari Seremban ada menyaiakan bahawa ahli-ahli juri adalah layman, oleh itu tidak faham undang-undang. Itu beul. Tetapi adakah dia faham sistem juri adalah atas prinsip ini, bahawa mengenai fakta-fakta, itu terpulang kepada juri untuk menentukan.

Mengenai undang-undang, itu adalah tugas hakim, oleh itu tidak payah beri seorang ahli juri untuk mengetahui undang-undang, adakah rakan mengehlahui prinsip, dasar atas mana sistem juri ada dilaksanakan sampai hari ini?

Tuan Yim Chee Chong: Ini, Tuan Speaker, saya sudah lama belajar — 10 tahun dahulu saya pun sudah belajar. Ini prinsip. Juri membuat keputusan mengenai faktor. Undang-undang adalah terpulang kepada tuan hakim, tetapi ucapan saya sentiasa 'tetapi'

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat pada tahun 1979 satu kes yang serius di Mahkamah Tinggi Seremban dalam mana seorang pemuda Cina dengan girlfriendnya di Senawang, mereka 'pakto-pakto'di situ, fahamkah saudara aiau tidak tentang 'pakto' orang Cina mengatakan.....

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ya, Jerai bangun.
Ya, Jerai bangun.

Tuan Yim Chee Chong: Kawan ramai di sini. (*Ketawa*)

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, bahasa yang digunakan oleh Seremban 'pakto' itu apa dia? Minta penjelasan yang sebenarnya, kerana rakan-rakan kita ini rakan-rakan tidak faham, 'pakto me sua'.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Speaker, dia ini pandai dalam bahasa Hokkien, saya menghormati beliau. Tetapi 'pakto' ini bahasa Kungfu, seorang lelaki dan seorang girlfriend, dia berbual-bual dalam satu tempat yang sunyi, dikatakan 'pakto'.

Seorang Ahli: Cengkerama.

Tuan Yim Chee Chong: Cengkerama. Saya tidak tahu, tidak faham ertinya 'cengkerama' itu.

Tuan Speaker, tadi saya katakan di Mahkamah Tinggi Seremban, pada tahun 1979, ada satu kes, seorang pemuda semasa 'pakto' dipukul oleh beberapa orang pemuda; pemuda ini dipukul sampai mati dan perempuan atau gadis itu dirogol oleh beberapa orang penjahat. Kes ini dibicarakan di Seremban, dalam tuduhan

murder, tuduhan bunuh. OKT-OKT (orang yang kena tuduh) itu atau accused person, tujuh orang juror mengatakan 'buang kes, tidak ada salah'. Bunuh orang tidak salah. Ini saya berani mengatakan juri itu adalah salah membuat keputusan ini.

Seorang Ahli: Kesal.

Tuan Yim Chee Chong: Saya kesal, tetapi di dalam perbicaraan merogol perempuan itu adalah tuan hakim seorang sahaja yang menjadi Hakim tanpa 'trial' daripada juri. Tuan hakim kata hukumannya, dia kata "Ini salah, didapati dengan keterangan yang jelas", Beberapa orang itu merogol perempuan ini, dihukum dengan dipenjarakan oleh tuan hakim. Ini adalah sistem trial by the jury.

Tuan Yang di-Pertua, juri itu adalah tidak tahu undang-undang, juri itu boleh membuat keputusan yang salah, mengikut perasaan ataupun boleh dibeli 'can be bribe'. Itu Jelutong tidak tahu.

Di Singapura, kalau tidak salah, Jelutong adalah tamat dan universiti Singapura. Ini pun kuat juga. Di Singapura system trial pada juri, kalau tidak salah telah diabolished, bukan sahaja di Singapura, tetapi juga di India dan di Pakistan. Saya sudah balik ke tanah air dari England selama 10 tahun, saya tidak mengetahui system trial by the jury telah dibatalkan atau tidak di U.K., tetapi saya tadi mengatakan bahawa semasa saya menuntut di U.K., ramai orang mencadangkan kepada kerajaan untuk menghapuskan system trial by the jury.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Oh! Panjang lagi, Tuan Speaker. Lain kali,.....

Beberapa Ahli: Gulung!

Tuan Yim Chee Chong: Gulung, gulung ya!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, beri masa dia gulung.

Beberapa Ahli: (*Bangun*)

Tuan Yim Chee Chong: Mana bangun, tidak apa gulung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Terus, terus gulung, Yang Berhormat.

Tuan Yim Chee Chong: Ya, saya minta setengah jam untuk menggulung. (*Ketawa*)

Tuan Speaker, Tanjong tadi mengatakan kerajaan tidak membincangkan hal ini dengan Bar Council. Saya adalah ahli Bar Council, tetapi saya ingin mengatakan bahawa Bar Council tidak boleh mewakili tiap-tiap lawyer, pandangan Bar Council kadang-kadang bukan pandangan kita. (*Tepuk*) Oleh kerana cadangan menghapuskan sistem siasatan permulaan dan perbicaraan sistem juri adalah layak pada hari ini kerana law ini sudah out-dated. Kalau kita up-dated law itu, kes dalam perbicaraan mahkamah kita dapat dijalankan lebih adil dan saksama. Oleh kerana itu, saya mohon menyokong. (*Tepuk*) Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Jelutong.

6.28 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, sistem juri adalah satu sistem yang baik, satu sistem yang ada

dalam negara kita sehingga tahun 1807, mulai di Pulau Pinang dan selepas itu di negeri-negeri lain di Malaya, dan selepas itu ke Sabah dan Sarawak. Apa yang penting adakah sistem yang "attest break through the test of time", sampai hari ini satu sistem yang tidak bermakna, atau satu sistem yang lebih baik diketepikan? Adakah Tuan Speaker, sebab-sebab yang diberi oleh kerajaan yang boleh diterima untuk mengambil langkah radikal seperti undang-undang yang ada di hadapan kita dalam Dewan yang mulia ini untuk menghapuskan sistem juri dan juga sistem preliminary inquiries.

Tuan Speaker, tujuan sistem juri, satu sistem yang berasas atas prinsip 'that ones is entitle to be tried by peers'. dengan izin. Itu bermakna Tuan Speaker, di mana seseorang yang dituduh di bawah suatu undang-undang dalam negara kita ini, ada bukan satu atau dua undang-undang, tetapi banyak undang-undang di mana ada peruntukan satu hukuman mandatori — maut. Banyak undang-undang di bawah mana hukuman mati boleh dijatuhi atas seseorang; beban untuk menentukan hukuman itu dilepaskan dalam tangan seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya terima 'layman' dan 'layman' adalah orang-orang yang menjadi ahli juri tetapi apakah prinsip dan apakah tujuan undang-undang sampai hari ini. Jury system yang ada wujud dalam negara ini bukan wujudnya kelmarin atau kelmarin dahulu. Kenapa sekarang Menteri Undang-undang yang ada di sini dan rakan saya dari Seremban dengan emosi menyatakan bahawa perkara ini tidak baik untuk negara. Kedua-dua mereka ini, Ahli Yang Berhormat Seremban termasuk Menteri Undang-undang pada fahaman saya tidak ada menjalankan satu kes pun di

hadapan juri sampai ke hari ini, Who are these people, dengan izin, untuk memberi sebab-sebab atas mana sistem juri tidak baik bagi negara kita?

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Seremban bangun.

Tuan R. Karpal Singh: Barangkali ada diassign oleh mahkamah satu atau dua kali. Itu tidak dikira.

Tuan Yang di-Pertua: Seremban, dia tidak beri jalan.

Tuan R. Karpal Singh: Saya beri jalan, boleh, itu tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dia beri jalan.

Tuan Yim Chee Chong: Thank you. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tidak mengatakan sistem ini tidak baik. Saya mengatakan sistem ini telah 'out-dated'. Itu sahaja penjelasan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan R. Karpal Singh: Tetapi apakah sebab-sebab yang diberi untuk menyatakan 'out-dated'? Tuan Yang di-Pertua pun pernah menjadi hakim di satu masalahulu, sekarang adalah bekas hakim dan ada menjalankan kes-kes dengan juri. Barangkali lebih baik kalau Tuan Yang di-Pertua memberi pandang Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*) kepada Dewan yang mulia ini, oleh kerana ada pengalaman, bukan sebagai hakim sahaja tetapi juga sebagai peguam di Alor Setar. Berapa kali Tuan Yang di-Pertua sendiri ada menjalankan kes di hadapan Juri? Adakah sistem itu baik?

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Saya tidak boleh jawab itu

Tuan R. Karpal Singh: Ya — Tuan Yang di-Pertua kata, ya. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat, isu di hadapan Dewan yang mulia ini adalah satu isu yang besar, isu yang penting bagi kepentingan orang ramai. Tidak boleh dengan satu Rang Undang-undang seperti ini secara itu menghapuskan satu sistem yang baik yang ada wujud dalam negara ini lebih daripada 200 tahun. Lebih baik kalau Rang Undang-undang ini boleh dirujuk kepada satu Select Committee. Lebih baik jikalau satu referendum boleh diadakan dalam negara kita, oleh kerana nyawa — bukan nyawa Menteri Dalam Negeri atau nyawa Ahli dari Seremban. Tetapi kami kena faham perasaan seseorang yang ada dipertuduh dalam mahkamah yang berdiri di hadapan juri atau hakim — perasaan dia. Apakah perasaan dia apabila dia dibicarakan oleh seorang hakim tanpa juri — adakah satu perasaan yang boleh diterima olehnya? Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, di mana, 'where one's life is involved', dengan izin. Lebih baik kalau satu "cross section of the public" dan juri adalah 'cross section of the public',

Tuan Yang Di-Pertua, seperti apa yang saya nyatakan tadi, tugas juri adalah untuk menentukan faktor-faktor sesuatu kes. Mengapa ini ditukarkan kepada satu tangan seorang hakim yang memang ada tugas yang lebih berat lagi, iaitu dia menentukan isu undang-undang. Kenapa kedua-dua beban ini ditukarkan kepada seseorang. Dengan izin, 'a judge is also a human being — a layman, he just happens to be qualified in law'.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pengalaman saya dan saya pernah berada di hadapan beberapa orang hakim di mana satu perbicaraan ada dijalankan di hadapan juri. Tetapi dalam satu masa mengenai kes-kes yang ada dibicarakan

di bawah ESCAR (Essential Security Cases Regulations) yang masih wujud hingga sekarang yang diluluskan dalam tahun 1975 oleh Yang Di-Pertuan Agong. Masa itu seorang budak berumur 14 tahun telah dituduh dibawah Akta ISA memiliki senjata api. Beliau telah dibicarakan di hadapan seorang hakim. Oleh kerana peruntukan ESCAR pada masa itu dan juga masa sekarang, perbicaraan di hadapan seorang Hakim tanpa juri dan selepas itu banyak kes ESCAR yang ada dibicarakan.

Dalam tahun 1978 apabila satu kes di mana ESCAR ada digunakan telah dirujuk kepada Majlis Privy iaitu kes Teh Cheng Poh lawan Pendakwaraya. Majlis Privy memperuntukkan ESCAR tidak sah oleh kerana tidak mengikut peruntukan Artikel 150 Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes itu satu retrial telah diperintahkan oleh mahkamah di mana orang ini menghadapi dua kali hukuman mati. Beliau didapati bersalah dan dihukum mati dan dia digantung selepas itu. Bersama-sama dia ada lebih kurang 25 orang lain. Pada masa itu kerajaan tidak bersedia untuk menerima keputusan Majlis Privy—25 kes, mungkin lebih daripada itu terkorban oleh kerana kerajaan tidak mahu menerima satu keputusan yang harus diterima oleh kerana pada masa itu mahkamah tertinggi dalam negara kita adalah Majlis Privy. Dan selepas itu ESCAR ada digunakan berkali-kali dalam kes-kes yang ada dibicarakan di bawah peruntukan The Internal Security Act.

Tuan Yang di-Pertua, ada seorang hakim telah menyatakan, namanya saya tidak mahu menyebut di dalam Dewan yang mulia ini. Beliau ada menyatakan seperti ini:

"Why is the executive placing in my hands the tasks of hanging people? I am not trained"

Oleh kerana hakim ini mendapat kelulusan undang-undang di Britain beliau faham apa akan terjadi dengan tujuan mengadakan satu sistem trial by jury. Jadi, beban yang ada pada hakim jikalau Rang Undang-undang ini diluluskan, ia adalah "putting a very heavy burden" ke atas Hakim-hakim dalam negara ini. Sekarang pun, peruntukan dalam The Dangerous Drugs Act 1952 ada beberapa anggapan presumption yang boleh digunakan oleh pendakwa di mana 'primary facts' dengan izin, did not be proved. They are presumed — presumption yang bertentangan dengan, 'a person is innocent until proven guilty'. Di sini terbalik dan lebih daripada itu, ada trial bukan dengan juri tetapi oleh seorang hakim juga. 'What is the value placed of human life', dengan izin, oleh kerajaan kita? Ada sistem yang baik sekarang yang ada wujud beberapa lama. Kenapa menghapuskan apa yang ada bagi kepentingan orang ramai. Tidakkah hak seseorang warganegara dalam negara ini untuk mengambil bahagian di mana isu adalah kematian seseorang. Oleh kerana tidak ada siapa-siapa Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang ada tertuduh di bawah satu peruntukan serius seperti itu, barangkali tidak sah. Menteri Undang-undang pun tidak faham apa yang ada the reality of the amendment untuk seseorang yang ada di depan mahkamah ataupun satu tuduhan yang membawa mandatory maut.

Saya dapat beri nasihat kepada rakan saya di sana, Menteri Undang-undang, dia pun seorang peguam, walaupun bukan a criminal lawyer, untuk meneliti dengan baik peruntukan ini oleh kerana jikalau Rang Undang-undang ini menjadi undang-undang, ini bukan bagi faedah kepada semua rakyat dalam negara ini. Kami harus ada satu sistem yang boleh menghormati oleh the international communiqué. Jikalau tidak, investment climate dalam negara

kita terjejas. Oleh kerana jikalau dalam negara di mana ada beberapa undang-undang yang membawa mandatory maut, tidak ada check and balances yang trial by jury adalah check and balances, foreign investor will be reluctant, dengan izin, untuk melabur dalam negara kita. Bagi kebaikan negara, lebih baik sistem ini dikekalkan. Ada dikatakan di Singapura sudah dihapuskan. Di India dan Pakistan sudah dihapuskan. Tadi saya dapat tahu Yang Berhormat dari Seremban berkata di England tidak dihapuskan. Di England hari ini pun wujud trial by the jury. Barangkali bagi kes-kes IRA seperti itu tidak ada juri, tetapi umum sistem itu ada wujud, masih dipertahankan di negara itu.

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Speaker, tentang England tidak dihapuskan. Tadi sebelum Yang Berhormat datang, saya telah mengatakan 10 tahun semasa saya menuntut di U.K, ramai orang di England cadangkan kepada kerajaan untuk menghapuskan sistem ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Setahu saya di England tidak ada hukuman gantung.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada hukuman gantung selepas tahun 1957.

Tuan Yang di-Pertua: Juri bagaimana pula?

Tuan R. Karpal Singh: Bagi kes lain. Ada, Tuan Yang di-Pertua. Ada, ada. Sistem juri itu ada wujud di sana, Tuan Speaker, walaupun selepas the Homicide Act, 1957 bagi hukuman gantung telah dihapuskan. Tetapi the jury system was not abolished, dengan izin. Mengapa pilih Singapura, Pakistan dan India? Kenapa tidak pilih The United States of America,

Britain? Kenapa pilih apa yang tidak baik bagi negara kita? Apa yang saya mengatakan tadi, Tuan Speaker, to attract the investor coming harus ada satu sistem yang boleh dihormati.

Baru-baru ini, Tuan Speaker, selepas the constitutional amendment mengenai the immunity of the Rulers, ini ada satu negara di mana seseorang Raja sekarang boleh dipertuntutkan di bawah undang-undang termasuk undang-undang di mana peruntukan mandatory maut ada. Bolehkah seseorang Raja dibicarakan sekali juga. As Malaysian citizen, sekarang three-tier system. Masa dahulu two-tier, apabila DAP tekan baru ada the Court of Appeal; three-tier, oleh kerana DAP. Jikalau DAP tidak tekan, masih two-tier system, Tetapi bagi Raja-Raja, one-tier system. Walaupun Raja-Raja ada dihakimi oleh lima hakim, tetapi tidak ada juri. Jikalau satu pertuduhan di mana mandatory maut ada diperuntukkan, jikalau ada didapati salah, dan selepas itu tidak ada rayuan. Adakah itu sistem yang baik bagi Raja-Raja? Are we not condemning the Rulers? We want to defence dalam satu mahkamah, lima hakim boleh memperuntukkan seseorang Raja mendapat hukuman mandatory.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Saya gulung kalau boleh, Tuan Speaker. Saya mencadangkan Rang Undang-undang ini dirujuk kepada satu Select Committee. It should not rush. Pagi ini, Tuan Speaker, di Kuala Terengganu — Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu; saya baru balik dari sana, satu trial by jury ada dimulakan. Apa yang baik dalam Rang Undang-undang ini ada satu peruntukan juga. Oleh kerana saya tahu with approve majority of Barisan Nasional di sini.

Rang Undang-undang ini tentu menjadi undang-undang. Apa yang ada di sini adalah peruntukan dalam Seksyen 39, ini peruntukan yang baik. Saya baca, dengan izin:

"39. (1) Any preliminary inquiry, trial by jury or trial with the aid of assessors that has been commenced before or on the commencement of this Act shall be continued or concluded in all respects as if this Act had not been passed".

(2) For the purpose of subsection (1), any preliminary inquiry or trial has been commenced when the accused has appeared before or has been brought before the Magistrate's Court or the High Court, as the case may be, and evidence has begun to be adduced in the inquiry or trial".

Tuan Speaker, ada banyak kes di mana satu preliminary inquiry tidak ada dimulakan. Saya merayu kepada kerajaan di mana ada kes-kes yang ada dipertuduh di bawah Seksyen di mana hukuman adalah maut untuk to be brought forward oleh kerana siapa yang ada dipertuduhkan sampai hari ini ada hak untuk menggunakan faedah yang ada dalam Seksyen 39.

Bagi apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Seremban tadi jury members can be bribe, tetapi tidak ada. Sampai hari ini, 200 tahun ini ada wujud dalam negara ini. Bolehkah saya lanyakan yang bijaksana dari Seremban, adakah satu kes di mana ahli juri ada dipertuduhkan bahawa beliau ada di "bribe" — itu perkataan yang digunakan oleh Seremban. Bolehkah saya dapat satu contoh di mana ada wujud?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Seremban, dia beri jalan.

Tuan Yim Chee Chong: Betul juga Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengatakan jury can be bribe. Jelutong kata ada satu kes atau tidak jury can be bribe. Kalau ini tak ada satu kes ini tidak bermakna juri tidak dibribe, tetapi belum dapat tangkap.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah **Yang R. Karpal Singh:** So, can

Tuan R. Karpal Singh: So, can Judges be "bribe?"

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: So can ministers be bribe. Ministers has been bribed and prove in court to be bribed. Ini semua possibilities, bukan probabilities. Apa yang penting adalah probabilities, Tuan Speaker, tetapi tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kota Setar.

6.57 ptg.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman (Kota Setar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam Usul uniuik meminda Akta Kanun Prosedur Jenayah yang dibawa oleh Menteri Undang-undang supaya kita menghapuskan siasatan permulaan di Mahkamah Majistret dan juga perbicaraan dengan juri atau perbicaraan dengan bantuan pengapit.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada sebabnya kita mencuba untuk menghapuskan perbicaraan secara juri

ini adalah oleh sebab adanya peguam-peguam seperti Jelutong ini. Sebab ada kalanya kalau ada peguam yang bijak dengan seorang yang tertuduh, seorang pelakon yang bijak maka saya rasa juri sama ada 7 ataupun 9 ataupun 11 — berapa orang juri pun akan terpengaruh dengan lakonan mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong leniang Usul yang dibawa oleh Menteri Undang-undang ini iaitu sudah tiba masanya kita menghapuskan sistem juri sungguhpun perbicaraan secara juri ini sudah beratus tahun berasal daripada Anglo-Saxon lagi tetapi tidak mesti perkara-perkara yang datang daripada Anglo-Saxon daripada England, daripada Barat itu mesti baik. Sudah tiba masanya bagi kita sebagai negara yang merdeka, negara yang sudah dewasa, kita sendiri membuat keputusan sama ada sesuatu cara itu baik atau tidak.

Saya bersetuju dengan Menteri Undang-undang sudah tiba masanya untuk kita membuat keputusan supaya perbicaraan secara juri ini dihapuskan. Oleh sebab kita dapati bahawa perbicaraan secara juri ini ada banyak perkara-perkara yang boieh dipertikaikan. Pertama, kita tahu bahawa juri ini kadang-kadang dalam mahkamah juri ini reluctant ataupun berasa tidak berapa ingin hendak menghantarkan seseorang itu ke tali gantung. Ini kita dapati. Saya tahu barang kali dalam hati sanubari Ahli Yang Berhormat dari Tanjong mengetahui perkara ini bahawa juri seorang yang bukan terdiri daripada orang yang mengetahui.

Saya rasa lebih baik dibuat keputusan ataupun dihukum oleh orang yang mengetahui tentang undang-undang daripada orang yang tidak mengetahui. Sebab para juri ini terdiri daripada berbagai-bagai profesion, daripada university professor,

daripada ulama, daripada guru, daripada mekanik, dari bus drivers, daripada penjual, tukang dan lain-lain. Terutama sekali di negara kita, negara yang berbilang kaum, kita menghadapi masalah tentang bahasa. Kadang-kadang juri kena diinterpretkan pula dalam bahasa, kadang-kadang dalam mahkamah kita diterjemahkan dalam banyak bahasa. Kalau juri itu terdiri daripada Melayu, orang-orang Tionghua, daripada orang-orang India maka kita menghadapi banyak lagi masalah. Oleh itu keadaan seperti ini akan menimbulkan masalah. Oleh itu biarlah orang yang benar-benar mengetahui iaitu para hakim yang mengetahui tentang kehakiman ini untuk memutuskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu, juri tidak mengandungi daripada orang-orang yang berkebolehan mengenat fakta, sebab tugas juri adalah untuk mengenal fakta sahaja di dalam mahkamah. Dan seperti yang dikatakan oleh Ahli dari Jelutong, hakim akan menentukan tentang dari segi judicial factor dari segi teknikal tetapi para juri tentang fakta. Jadi, seperti yang saya katakan tadi, apabila menjumpai peguam yang bijak macam Ahli dari Jelutong ini dan pelakon macam Ahli Yang Berhormat dari Larut, Larut ini pelakon — handal. Kalau kita terdapat di dalam mahkamah seorang peguam yang handal dengan pelakon yang terkenal, yang boleh berlakon di dalam mahkamah maka para juri ini akan terpengaruh dengan perbuatan mereka ini dan dengan itu keputusan kehakiman akan mencurigai.

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali juri kila tidak memahami fakta-fakta yang sulit ataupun rumit aiau dengan izin, 'complicated issues of the fact', oleh sebab itulah saya rasa sudah tiba masanya kerajaan negara kita untuk memansuhkan bukan kerana kita hendak meniru Singapura, India, Pakistan tetapi kita dapat memikir dengan sendiri. Ini bukan dibuat

oleh Menteri Undang-undang seorang sahaja, dia pun ada pakar-pakar rujuknya seperti yang dikatakan oleh Ahli dari Jelutong: "Who are these people?" I want to ask you, "Who are you"? These people — they are lawyer also, I am not a lawyer. I am a layman. Saya tidak mahu jadi lawyer sebab saya Part I sahaja, sebab saya percaya bahawa uniuik jadi lawyer ini kadang-kadang orang bohong kena bohong juga.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan kepada dia?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Minta kebenaran? Ini apa ini, point of orderkah?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Nantilah sekejap, tak habis lagi ini. Sekejap lagi saya akan beri. Sebab Yang Berhormat tak pernah beri peluang kepada saya, nanti saya akan beri. I am a ilyman speaking. You have spent most of the time speaking as a lawyer, now I am a layman, I want to speak.

Tuan R. Karpal Singh: Speakasa layman?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Yes, I am speaking as a layman.

Tuan Yim Chee Chong: Part I bukan layman.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Lawyer Part I. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar daripada peguam yang kononnya handal, memang dia handal.

dia berjuang untuk kepentingan tetapi kita juga berjuang untuk kepentingan masyarakat. Kita bukan membawa Usul ini untuk sesuatu pihak sahaja. Kita membawa Usul ini untuk kepentingan masyarakat umum supaya masyarakat yang tertuduh seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong itu dapat keputusan kehakiman yang adil, daripada orang yang benar-benar mengetahui tentang undang-undang. Kalau saya kena tuduh, saya tidak mahu juri terdiri daripada bus driver, daripada guru, daripada ulama, daripada university professor yang kadang-kadang bila membuat keputusan yang tidak menepati. Boleh jadi juga kena aniaya daripada keputusan itu, ini daripada segi general statement, sama juga seperti yang

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
Nanti dahulu, duduk dahulu Bukit Bintang, sekejap.

Sama juga seperti yang dibincangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. Kita membawa Usul ini, kerajaan membawa Usul selepas dikaji dan diminta pendapat-pendapat daripada orang-orang yang betul-betul alim di dalam undang-undang juga bukan daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang seorang duduk dalam bilik buat — oh! hari ini kita hendak buang juri. Saya tidak percaya perkara seperti ini berlaku, saya percaya Yang Berhormat Menteri telah mendapatkan beberapa pendapat daripada orang-orang yang benar-benar mengetahui tentang kehakiman. Sudah lentulah kita tak tanya daripada Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sebab dia ada kepentingan dia. Sebab Yang Berhormat sebagai seorang peguam yang handal, sudah tentu berkehendakkan juri-juri yang tidak mengetahui, sebab Ahli Yang Berhormat

sebagai lawyer dapat mempengaruhi juri-juri yang tidak mengelahi ini. Benarkah atau tidak? Dia duduk diam sahaja! Dia mengaku itu,

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia bangun.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
Okay, kawan baik saya.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Yang di-Pertua, tadi kawan saya dari Kota Setar sires seterusnya bahawa kita mesti hapuskan juri oleh kerana mereka tidak ada kebolehan dan hakim-hakim ini ada pengetahuan yang baik dan kebolehan. Sama ada beliau sedar atau tidak di kalangan hakim pun bukannya mereka boleh dikatakan semestinya semua jujur. Adajuga kes sogokan, bermacam-macam skandal dan kalau kita ada sistem juri memang kita ada satu check and balance oleh kerana ada 7 orang atau 10 orang, lebih baik kita ada juri. Kalau kita melapokkan satu orang sahaja hakim, kalau mereka ini tidak jujur bagaimana? Menerima sogokankah, masukkan ke dalam penjara ataupun orang dulu dihukum? Itukah keadilan? Terima kasih.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
Point of order 36(8). Tuan Yang di-Pertua, saya belum sampai ke tahap itu, belum sampai ke peringkat kehakiman lagi. Ini tentang kita hendak menghapuskan juri dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan oleh Jelutong tadi, apa perasaan yang dituduh, jika kita kena tuduh, kiana tidak pakai juri ini? Jadi, perkara ini

boleh juga kita argue. Kita juga hendak tanya sebagai seorang yang menyokong kerajaan yang membawa Usul ini, saya juga ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat dari Jelutong, apa perasaan yang dituduh jika juri-juri itu tidak mempunyai pengalaman, tidak mempunyai pengetahuan sebab dalam keadaan kita, saya mempunyai pengalaman bahawa juri ini kadang-kadang kita ambil orang yang kurang pengetahuan.

Jadi, oleh sebab keadaan sekarang, kita bukan senang hendak ambil, hendak mencari juri pun susah sebab banyak yang tidak mahu menjadi juri. Saya berapa kali diminta untuk menjadi juri. Kita berasa kita tidak mempunyai kebolehan untuk membuat sesuatu keputusan sebab kita takut, reluctant macam saya katakan tadi untuk menghantar seseorang itu ke tali gantung!

Oleh itu saya menyokong penuh tetapi saya berharap apabila kita membuat juri ini atau menghapuskan perbicaraan secara juri ini, saya berharap Menteri Undang-undang hendaklah melihat supaya hakim-hakim kita mesti seperti yang dikatakan oleh Perdana Menteri, bukan sahaja bersih tetapi nampak bersih — seen. Must not only be clean but also be seen clean tetapi itu kepada ahli politik (you must not only be clean but seen clean) tetapi kepada hakim ini bukan sahaja bersih, tetapi nampak bersih tetapi juga kedengaran bersih sebab kita tidak mahu kedengaran seperti yang dicungkil oleh Bukit Bintang ini. Kita tidak mahu di masa-masa yang akan datang, kita tidak mahu kedengaran ataupun perkara-perkara yang boleh dicungkil/korek oleh Bukit Bintang ini mengatakan bahawa ada hakim-hakim yang tidak bersih sebab sebagai hakim, apabila kita menghapuskan perbicaraan cara juri ini, kita hendak hakim-hakim kita mestilah seseorang yang mempunyai

kewibawaan. Bukan sahaja mempunyai kewibawaan tetapi juga nampak berwibawa, dengar berwibawa, nampak dan dengar. Orang dengar, orang kata, sebut nama seseorang hakim itu, kita tahulah kita dengar dia pun kita tahu dia seorang yang berwibawa.

Hakim-hakim juga bukan sahaja mempunyai kepintaran tetapi boleh dilihat. Bila dalam mahkamah kita nampak dia, kita tahu dia seorang yang pintar. Lepas itu btl kita dengar nama dia, kita sudah lahu dia adalah seorang yang pintar, bukan sahaja mempunyai kepintaran tetapi dilihat kepintaran, didengar seorang yang pintar. Dan hakim juga mesti seorang yang ikhlas, yang mempunyai keikhlasan, nampak ikhlas dan didengar pun ikhlas dan hakim juga mesti mempunyai sifat-sifat keadilan. Bukan sahaja mempunyai tetapi dilihat adil dan didengar pun adil dan hakim juga saya ingat, saya percaya yang kesudahan sekali, hakim mestilah seorang yang maha mengetahui.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Rompin bangun. Ya, kalau macam itu, kita kena cari seorang walilah begitu. (*Ketawa*) Ya, Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya terlarik dengan ukuran yang Yang Berhormat maklumkan dalam Dewan yang mulia tentang apa dianggapkan bakal peguam dan hakim yang mulia, yang cukup dengan sifat-sifat ukurannya. Saya hendak bertanya, di mana lelakinya Jelutong daripada ukuran Yang Berhormat sebutkan tadi?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payah jawab yang itu. (*Ketawa*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

Tuan Yang di-Pertua, hakim ini patut tahapnya mesti berlainan. Tadi Tuan Yang di-Pertua kata kena cari wali, tidak sampailah macam itu. Patut berlainan sedikit dari manusia biasa sebab kita manusia ini kadang-kadang nampak waras tetapi tidak waras. Kadang-kadang nampak pandai tetapi tidak pandai pun.

Seorang Ahli: Macam Jelutong.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

Yang itu saya tidak mahu katalah. no comment. Kadang-kadang kita nampak dia cukup pandai. Dia dapat mempengaruhi sampai Tuan Speaker kata "ya". Bila dia tanya-tanya, Tuan Speaker kata "ya" itu fasal lain. Dia beritahu kita, kata Tuan Speaker setuju dengan dia. Nampak pandai. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini minta penjelasan, Tuan Yang di-Periua beri?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Kota Setar. Jadi, Yang Berhormat bersetujukah kalau kata kata hakim ini sekurang-kurangnya macam Tuan Yang di-Pertua kita nampak bersih, nampak lemah-lembut tetapi tegas. Setuju atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Jangan jawab yang itu. (*Ketawa*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

Tuan Yang di-Pertua tidak suruh saya jawab, depa kata "setuju".

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita tidak mahulah mencari wali unluk menjadi hakim tetapi sekurang-kurangnya, tetapi saya rasa lega, berasa seronok sebab

baru-baru ini AG kita telah menyatakan bahawa ada satu etiqueue kehakiman. Saya tidak berapa pasti perkara ini. Hakim-hakim ini akan ada satu etiquette.

Tuan Yang di-Pertua: Etika.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

"Etika", bahasa Melayu, "ctiquette" — bahasa Inggeris. Ada etika untuk menentukan perangai hakim-hakim itu. Tadi Bukit Bintang bangun tanya saya dan saya tidak mahu hakim-hakim ini didengar seperti yang Bukit Bintang ungkit-ungkit itu. Barangkali Bukit Bintang ini tidak betul tetapi kita tidak mahu dengar macam perkara-perkara yang dicungkil seperti Bukil Bintang itu. Sebab itu kita hendak seperti yang saya kata tadi, mereka ini bukan sahaja bersih tetapi nampak bersih dan dengar bersih. Tetapi Tuan Yang di-Pertua kata kalau keadaan ini hendak kena cari wali, saya rasa tidak perlu itu sebab selama ini di zaman Tan Sri Yang di-Pertua jadi hakim itu, bila kita dengar Tan Sri Zahir kita tahu pertama sekali dia bersih

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Wan Haafiah bin Wan Mat Saman:

Lepas itu dia nampak bersih. Bukan nak jack ini. Nama dia nampak bersih. Kita dengar nama dia pun kita tahu kata dia bersih. We want this type of hakim. (*Tepuk*) Sebab dengan hakim-hakim yang macam ini, orang yang kena tuduh rasa puas hati. Puas hati tidak dengan juri-juri. Ada juri-juri yang bus driver pun ada. Sebab lawyer tidak boleh jadi juri. A certain profession cannot be a jury. Is it true or not, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:

A certain profession. Sesetengah profesion itu tidak boleh jadi juri. Misalnya hakim ataupun akauntan. Akauntan pun tidak

boleh. Orang yang pandai-pandai setengahnya tidak boleh jadi juri. Wakil Rakyat boleh tak, tak tahulah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: (*Bangun*)

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Ada yang minta penjelasan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh, masa sudah cukup.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Gulung, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak gulung. Saya minta oleh sebab saya bersetuju menyokong kuat tentang Usul yang dibawa oleh Menteri Kehakiman ini, saya percaya dengan kewibawaannya, pembawa Usul ini kita menyokong dengan harapan supaya bila perlantikan hakim, kita benar-benar melantik hakim-hakim seperti yang saya katakan tadi nampak bersih tetapi juga didengar bersih. Bukan sahaja bersih, didengar bersih.

Penutupnya lebih baik keputusan itu dibuat bila kita menghapuskan juri ini oleh sebab adalah lebih baik hukuman itu dibuat oleh hakim-hakim yang mengetahui daripada juri yang tidak mengetahui ataupun tidak berpengalaman. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar.

7.70 *mlm*.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membahaskan Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan), 1994 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Minta jangan ulang hujah-hujah yang telah dikeluarkan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaatar: Tidak ulang, Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah, saya tidak akan ulangkan, tetapi saya akan sentuh sedikit-sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pandang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah Malaysia dibahagi dua, satu di Semenanjung Malaysia menggunakan juri, satu di Sarawak dan Sabah menggunakan assessors. Jadi, dengan adanya pindaan undang-undang ini, dengan sendirinya Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah Malaysia diselaraskan menjadi satu. Satu sistem dan satu cara. Soalannya, adakah pernah orang mempersoalkan bahawa assessor di Sarawak tidak adil dibandingkan dengan juri di Semenanjung. Kerana pula juri lebih banyak daripada assessor di Sarawak. Macam mana perbandingannya dan soaian argument berhubung dengan sama ada kita hendak pakai juri atau tidak, ini telah menjadi satu academic exercise yang begitu lama.

Kalau ada law student yang tidak membuat exercise mengatakan mana satu kita pakai, saya boteh katakan yang universiti itu did't do justice to the system itself. Sudah dibincang berpuluh-puluh tahun, jadi kenapa perlu kita hendak buat Select Committee, kenapa perlu di panggil Bar Council, di panggil all the judges, all the lawyer to discuss benda yang dari student days mereka sudah discuss. Jadi, dengan keadaan yang demikian, saya pun pernah membincangkan perkara ini dengan secara menyeluruh di universiti, di bual mootng exercise pun ada, tetapi, dalam kita punya sistem, advisory system ini ada yang mengata ini dan ada yang mengata itu. Sama ada dia bersetuju ataupun tidak bersetuju he must be decided, dengan izin, at the end of the day,

satu jawapan di sini, Kerajaan Malaysia sudah memberi penilaian sendiri berlandaskan exercise yang telah dibuat berpuluh-puluh tahun ini, okay kita do away with jury system dan assessors system yang digunakan di Sarawak dan di Sabah.

Jadi, ini ultimate goal negara kita setelah dibincangkan di universiti-universiti bukan sahaja di peringkat anak-anak sekolah, di universiti-universiti, tetapi juga mungkin di peringkat academician itu sendiri — sudah membincangkan soalan ini. Kini kita nampak democracy in action, di Dewan ini tadi. Yang Berhormat dari Tanjong dan Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan bahawa jury system is the best, tetapi kita kata, jury system ada juga flownya. Mesti ada flow, Tuan Yang di-Pertua. Kita ini manusia biasa, jangan kata, melainkan kita persoalkan kewibawaan hakim itu. Kalau pihak DAP mempersoalkan kewibawaan hakim, kemampuan hakim, kelulusan hakim dan kecerdikan hakim menghakimkan law and facts, baru kita boleh katakan sistem perundangan tidak menggunakan juri dan assessor, itu tidak adil.

Tetapi dalam segi ini, kalau kita katakan begitu, then get yourself daripada role of the advocate di Malaysia, kerana jangan lagi pergi ke mahkamah kerana kita tidak menerima sistem ini menjadi satu keadilan. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, soalan yang dibangkitkan oleh pihak kerajaan adalah begini, sistem yang mana best serve the judicial system of the country, dengan izin, best serve the rakyat of this country, dengan izin, dan negara ini dalam keadaan yang ada pada kita sekarang. Jadi, kerajaan telah pilihkan judicial system, trial without jury and without assessors. Penilai fact, tidak digunakan lagi, biarlah hakim menilaikan undang-undang dan dari segi fakta sekali.

Argument sudah disebut dari Seremban dan dari Kota Setar mengatakan hakim boleh membuat pemilaian. Tetapi apa yang perlu dalam pandangan saya, ini adalah pandangan peribadi, sebagaimana juga Yang Berhormat Jelutong, subjective view tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang berucap tadi ialah supporting staff di tiap-tiap mahkamah. Recording system dia, semua mesti dicanggihkan dan mesti dibuat macam mana di buat di negara-negara lain yang telah advanced, supaya jangan hakim yang duduk di sana, dia juga yang hendak tulis semua fakta-fakta, soal-jawab di mahkamah, semua dia hendak buat, mungkin terlambat — tidak ada 'verbatim' direkodkan. Ini mesti diselaraskan dan diperbaiki recording system di mahkamah itu sendiri. Tetapi tadi ada disebutkan juga mengatakan hukum gantung di England telah dijatuhkan semenjak tahun 1957, tetapi tahukah Yang Berhormat, pada tahun 1978 Commission di England telah membuat satu penyelidikan yang diterajui oleh pihak Metropolitan Police, England — di London, minta dibawa balik hukum gantung ke England tetapi telah tidak diterima oleh kerana conservative attitude politicians di England — kerana takut orang tidak undi dia.

Jadi, dia orang mendapat ijazah perundangan yang berlandaskan dari England — Principles daripada England itu yang mempunyai attitude dan pandangan yang sama. Tidak hendak berubah, bukan progressif, jadi, mereka tidak berani hendak berubah. Jadi, Commission 1978 itu di reject oleh pihak kerajaan dan hukum gantung sampai sekarang pun buat tidak buat. Begitu juga dengan persoalan juri, ada juga desas-desus dari pihak yang tertentu mengatakan ini tidak patut dibuat, tidak payah lagi. 200 tahun sudah cukup, 300 tahun sudah cukup — kita do away with this.

Bahkan pihak peguam dan hakim-hakim berkemampuan dan berkewibawaan dan sebagainya menilaikan fact and laws mendatangkan keadilan kepada masyarakat. Tetapi persoalannya adakah ini boleh mendatangkan keadilan kalau tidak ada juri dan tidak ada assessors.

Saya tahu sendiri bahawa orang yang pernah menjadi assessors ini kalau di Sarawak, orang assessor ini 6 terms yang dia beri, orang yang menjadi assessors keluar daripada bilik pembicaraan, dia tanya, apa cerita, dia sendiri pun tidur — habis-habis dia agree apa kata hakim sahaja. Itu satu soalan juri. Satu lagi P.I. (Preliminary Inquiry) — dalam polis dia kata P.I. sahaja. Satu sistem lagi, iaitu another field of trial system sebelum kes itu sampai ke Mahkamah Tinggi. Soalnya adakah preliminary inquiry system ini serve the judicial purpose di negara ini? Pandangan saya, ini rubberstamp sebelum dibuat dia stamp sahaja itu. Predecided cases, everything must go to the High Court kerana majistret tidak akan decide case matter, or seriousness of the nature — tidak hendak.

Jadi, saya hendak tanya berapa keskah dalam P.I. itu yang mana majistret reject, jangan dibawa atas. Saya fikir jarang sekarang. Bahkan mungkin tidak ada. Yang saya tahu dari experience saya sebagai polis, experience sebagai peguam, tidak pernah saya jumpa kes P.I., itu kalau di Sarawak—jangan tanya Kuala Lumpur, saya tidak tahu.

Belum pernah saya jumpa kes yang dibawa dalam P.I. ini tidak disampaikan ke Mahkamah Tinggi kerana standard of proofs yang digunakan di situ bukan tinggi sangat. *Prima facie case* sahaja. Bila sudah ada iuu cukuplah, bawa ke atas, biarlah pass all the bucks to the judge to decide. Tetapi sekarang kita tidak mahu

buat macam itu, buang masa, buang duit, buang masa kerajaan, perintah hakim, majistret dan polis. Jadi, kedua-dua sistem ini, Tuan Yang di-Pertua, bolehlah saya kata duplicity and futile exercise of judicial process. Jadi, dalam keadaan yang demikian, kalau inilah judicial system yang boleh served this country beuer, saya memang menyokong.

Soal hakim, saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar yang mengatakan hakim mestilah di peringkat lebih tinggi daripada manusia biasa, Tetapi dalam keadaan yang sama, saya pernah dalam tahun 1992 berada di Amerika Syarikat; Kerajaan Amerika hendak memilih seorang orang kulit hitam menjadi hakim Supreme Court di Amerika. Proses di Senate Committee itu macam hendak pilih orang yang menghakimkan bidadari dan malaikat. Jadi, proses itu saya beritahu daripada Senator dari Amerika, "I disagree with the process of appoimment of judges macam ini". Bukan kita hendak menghakimkan angel and superhuman being. Kita menghakimkan manusia biasa. Jadi, peringkat yang tinggi tetapi di bawah daripada wali yang boleh menghakimkan malaikat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya berpindah ke perkara lain, ini persoalan jenayah juga ini. Sebab saya berpendapat, Kanun Prosedur Jenayah ini patut dibuat satu review yang menyeluruh kerana saya juga menerima hakikatnya undang-undang ini telah antiquated — barang-barang lama. Benda yang applicable di lahun 50-an tetapi masih dipakai sampai sekarang dan dipinda sedikit-sedikii, as and when, keadaan perlukan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, dalam keadaan yang sama kita sepatutnya meminda dengan secara menyeluruh memenuhi kehendak pada

masa sekarang. Bahkan preventive measures dalam Kanun Prosedur Jenayah ini pada pandangan saya belum mencukupi, walaupun orang kata saya berpandangan mirip kepada manusia yang menguatkuasakan undang-undang. Kerana pernah merasai bagaimana susahny sebagai pegawai untuk menguatkuasakan undang-undang kalau kuasa undang-undang tidak di tangannya, walaupun daripada segi pandangan peguam yang liberal, yang berpandangan daripada universiti ataupun pembawaan yang liberal ini adalah draconian ataupun oppressive. Tetapi pandangan saya untuk menjaga kestabilan negara ini.

Saya tidak bersetuju pasal investor ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ada berjumpa seorang investor. Dia hendak buat sebuah ladang, cattle farming di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Pada ketika yang sama ada seorang dokior daripada Czechoslovakia berjumpa saya. Dia kata, "We are looking for money from Malaysia to go over and invest in Czechoslovakia". Kerana banyak ladang-ladang yang terbiar, duit tidak ada, fasiliti yang ada katanya, "Kita hendak cari orang Malaysia ini invest bual ladang (cattle farming) di Czechoslovakia". Dalam masa itu ada seorang Spanish keturunan Arab datang ke sini hendak membuka ladang di sini. Saya tanya kepada orang Arab ini, "Kenapa you tidak pergi ke Amerika, Australia? Saya baru balik daripada Australia, banyak tempat-tempat yang boleh digunakan. Kenapa tidak pergi ke Czechoslovakia, I will give you the contact, this is the man". Katanya, "Where in the world, you can find a country where you can walk at night, tidak accursed by criminals and you punya success and achievement dalam bidang investment you tidak menjadi satu masalah kepada orang local?" katanya. Jadi, sebab-sebabnya keadaan ini ialah undang-undang yang kita ada, yang begitu ketat menjadi satu fakta negara kita ini disukai oleh beliau ini.

Jadi, kalau Tuan Yang di-Pertua lihat pada 18hb. Disember, seorang hakim mengatakan, saya baca sedikit Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Habis itu kena gulung, Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Insha-Allah, Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulungkan. "If I had a free hand in this country, had it not sold itself to the river in Europe", katanya. "And I could senience you to your just deserve and I would order each one of you to be flogged". Ini yang mengatakan hakim itu kalau diberi peluang untuk menjalankan hukuman yang palut, dia akan rotan, bahkan dia kata undang-undang di Singapura itu adalah undang-undang yang baik urituk flogging manusia yang membuat kesalahan macam ini.

Jadi, itumenunjukkan undang-undang yang dikatakan oppressive, draconian yang tidak bertimbang rasa pada situasi yang sama adalah undang-undang yang baik mengatasi social problem di negar-negara yang tertentu. Bahkan di England berfikir macam ini. Di Amerika saya berjumpa dengan seorang Penolong Senalor, baru tiga hari yang lcpas — dari California. Berjumpa dengannya, dia kata pada saya, "If we can, one thing we would like lo introduce to America", katanya. Dia punya calling card ada dalam beg saya. Dia kata, "I would like to introduce undang-undang dadah ke Amerika. This is the only way we can do it, hang the damn guys who bring the dadah to the country".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah cakap secara rambang sahaja mengatakan yang undang-undang itu tidak baik. It serves the purpose of this country, untuk kestabilan negara ini dan that is all the law is all about. Bukan for the purpose of lawyer ataupun siapa-siapa

orang lain. Untuk country itu as a whole for the sake of multitude, bukan individual, small and minority.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tumpat.

7.27mlm.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kiia sedang membincang Kanun Prosedur Jenayah. Akla ini pula dinamakan Akla Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994.

Saya mengalu-alukan semangat pindaan ini. Bukan saya sokong, saya mengalu-alukan semangat pindaan dan saya menganggap pindaan ini samalah dengan pepatah Melayu yang berkata, lari daripada mulut buaya, masuk mulut harimau.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Perdana Menteri ke Pasir Mas tempoh hari, apabila beliau menjawab satu soalan yang ditanyakan oleh wariawan, beliau menyatakan hukum hudud UMNO ialah di dalam Al-Quran. Saya ingin bertanya kepada bapak menteri, apakah ini adalah merupakan lanjutan daripada implementasi daripada kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri semasa di Pasir Mas pada dua bulan yang lalu?

Selain daripada itu, saya hendak lahu juga kebetulan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun ada pada hari ini, apakah bil ini atau pindaan Rang Undang-undang ini lelah dirujuk kepada mulli aiaupun Majlis Fatwa ataupun IKIM yang sentiasa menasihati kerajaan dalam berbagai-bagai kegiatan yang berhubungan dengan agama. Dan bil yang ada di hadapan kita ini saya merasakan ia adalah sebahagian daripada tuntutan

daripada agama kita yang berprinsipkan kepada untuk menegakkan keadilan dan untuk memberi tarbiyah ataupun pengajaran bagi mereka yang melakukan kesilapan ataupun jenayah supaya di masa-masa akan datang mereka tidak akan melakukan jenayah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih lanjut, sukalah saya menyebut scdikii masalah hakim. Saya harapkan supaya di dalam pelaksanaan undang-undang ini, walaupun kita tidak setuju, saya yakin sebab majoritinya ada pada tangan Barisan Nasional, mahu tidak mahu ia akan dituluskan.

Saya minta supaya di masa-masa akan datang, di dalam perlantikan atau pemilihan seseorang hakim atau Ketua Hakim dan sebagainya, janganlah ada perasaan 'memilih bulu' sebagaimana yang pernah berlaku. Ini bukan jadi rahsia lagi, sudah jadi rahsia umum di dalam memilih bulu, memilih kasih, orang yang dekat, orang yang boleh dipergunakan boleh diperkudakan. Itu biasanya yang kita lihat walaupun tidak semua hakim-hakim macam Tuan Yang di-Pertua — tidak, Kalau Tuan Yang di-Pertua, saya yakin Tuan Yang di-Periuu, akan melaksanakan keadilan, sebab sepanjang 4 tahun saya berada dalam Dewan ini saya lihat kerja-kerja Tuan Yang di-Pertua, memanglah cukup-cukup baik dan adil.

Tuan Yang di-Pertua: Tak sangkut tu! (*Ketawa*)

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ini contoh, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, kita minta sckiranya seseorang hakim dalam membuat sesuatu keputusan. sebab sekarang ini seolah-olah kita telah memberi kuasa yang lebih kepada hakim

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bercakap dalam satu Bil lagi berkenaan perkara itu. Sekarang kita bercakap berkenaan dengan kita hendak memansuhkan juri ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Bil lagi satu bersangkutan dengan hukuman-hukuman daripada hakim.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Dalam masalah juri, Tuan Yang di-Pertua, memang kalau kita lihat daripada semangat Islam itu sendiri, sebagaimana saya nyatakan tadi bahawa yang penting dalam Islam ini ialah untuk menegakkan keadilan dan memberi pengajaran kepada mereka yang melakulcan kesilapan, supaya di masa akan datang mereka tidak akan mengulangi lagi melakukan jenayah-jenayah.

Sebagaimana kita tahu bahawa apa yang sedang kita bincang sekarang iaitu Kanun Prosedur merupakan perkara pokok di mana undang-undang ini sebagaimana kita tahu yang telah diwarisi oleh British, yang telah diperkenalkan oleh British semenjak daripada tahun 1920 lagi. Kita juga tahu bahawa kanun ini juga mengalami banyak pindaan-pindaan.

Kita juga tahu setiap undang-undang yang kerajaan pinda lazimnya dipinda uniuik memberi kuasa yang lebih pada kerajaan atau sekarang kepada hakim.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah juri ini, kalau kita lihat dan kalau kita rujuk kepada apa yang telah dilakukan di Pakistan dan di beberapa negara Islam, memang sistem juri ini adalah merupakan satu sistem bukan sahaja up-to-date, tetapi kita rasa sistem juri ini adalah satu sistem yang tidak sesuai dengan ajaran Islam.

Itulah saya menyatakan tadi bahawasanya dari segi semangat pindaan itu kita bersetuju, tetapi isi daripada pindaan itu sebagaimana yang saya nyatakan tadi, adalah kita dapati ada beberapa kepincangan, antara itulah saya kemukakan tadi beberapa soalan.

Saya minta supaya pihak menteri akan memberi jawapan supaya keadaan yang berlaku di masa akan datang bukannya ia semakin baik, bukan semakin tidak baik, tetapi dengan pindaan yang kita lakukan ini supaya apa yang akan berlaku di masa-masa akan datang dalam persoalan kehakiman, dalam persoalan prosedur kehakiman, pengadilan dan sebagainya betul-betul akan menepati kepada prinsip-prinsip yang telah saya sebutkan tadi. Saya mengucapkan terima kasih.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bukit Bintang.

7.35 *min*.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahas suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur jenayah dan saya menyokong sepenuhnya apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Jelutong tadi bahawa sistem juri ini adalah satu sistem yang bersejarah dalam dunia dan juga satu sistem uniuik check and balance dalam kehakiman.

Jikalau kita menghapuskan sistem juri di dalam sistem kehakiman kita, maka kita akan mengadakan lebih banyak ketidakadilan di dalam mahkamah ataupun keputusan yang tidak adil, di mana seorang hakim boleh membual satu keputusan di atas nyawa seorang manusia. Padahal pada masa sekarang sistem juri kita ada 7 orang

ataupun 10 orang yang jadi juri dan mereka ini orang yang biasa. Mereka boleh nampak fakta yang dikemukakan dalam mahkamah, bahawa orang yang dituduh ini salah atau tidak — memang mereka tiada qualification ataupun kebolehan seperti seorang hakim. Itu bukannya menunjukkan bahawa mereka ini tidak jujur, walaupun seorang hakim ada kebolehan ataupun amat qualified Ph. D. dan sebagainya. Itu tidak semestinya mereka ini amat jujur dan kita boleh lihat dan contoh hakim-hakim boleh jumpa litigan dalam kamarnya.

Walaupun ini satu fundamental norms di dalam dunia, sudah ada satu prinsip, seorang Hakim tidak boleh jumpa seorang litigan di dalam kamarnya atau di luar. Jikalau beliau ada mendengar kes, di dalam negara kita sekarang, kalau kita menghapuskan jury system, keadaan sistem kehakiman kita lebih teruk. Lebih banyak ada kes sogokan, lebih banyak ada orang awam yang mengatakan atau ada rumours yang orang awam akan percaya, oleh kerana dalam keadaan sekarang jangan kaia orang awam, peguambela, peguam-cara pun tahu jikalau kita membuat satu tuduhan Hakim ini begini, ada kelakuan sedemikian. The answer is, he didn't know? dengan izin, this has been happened for many years. Inilah kalau kita meletakkan nyawa seorang warganegara kepada seorang hakim, mungkin ada satu hari kita akan menyesal oleh kerana seorang yang innocent mungkin digantung. Bila beliau digantung, kita tidak boleh bawa beliau balik lagi.

Saya rasa lebih baik, kita ada satu sistem yang melepaskan 10 orang yang salah dan menghukum mati seorang yang innocent. Sila ambil perhatian, kalau orang yang innocent itu digantung mati, kalau itu bukan kawan kita, bukan sepupu kita, bukan anak kita, bukan waris-waris kita,

mungkin kita tidak peduli. Jikalau keadaan itu sudah terjadi kepada kita, dan waris-waris kita yang digantung mati oleh seorang hakim, oleh kerana bukannya ada kes, tetapi kerana mereka ada kepentingan, hakim-hakim ada kepentingan, melalui sumbangan. Bukankah itu satu kes aniaya. Dianiaya? Dan kita tidak boleh mengambil balik lagi.

Kita tidak boleh menghapuskan jury system di negara kita, sebab sistem kehakiman di negara kita sudah sampai lahap yang paling teruk sekali, boleh dikatakan dalam dunia; ini oleh kerana kalau kita pergi ke mahkamah sekarang, bila kita tahu hakim sekian-sekian akan memperdengarkan kes itu, kita boleh buat satu keputusan bahawa "Awak akan kalah". Saya juga ada pengalaman bahawa ada pelanggan saya memberitahu saya "Oh! Besok tidak apa, memang kita menang. No problem, thing has been shorten-up", dengan izin.

Saya tidak percaya, saya sediakan kes, membuai research dan sebagainya bila saya pergi, dengan sewenang-wenangnya kita menang kes ini. Inilah keadilan dalam negara kita sekarang. Mungkin inilah keadilan dalam Barisan Nasional, yang dia mahu.

Walau bagaimanapun, di dalam apa-apa sistem pun kita mesti ada check and balance. Baru-baru ini Menteri Undang-undang juga ada mengatakan atau mengakui dalam Dewan yang mulia ini bahawa Tiap-tiap cabang kerajaan ataupun jabatan kerajaan mesti ada akauntabiliti, ada check and balance. Kalau kita mahu keadaan check and balance sedemikian, kenapakah kita hendak menghapuskan jury system ini? Kenapakah kita tidak rahu ada check and balance untuk memastikan bila seseorang yang dihukum mati sudah melalui dua check — satu juri dan satu

lagi hakim — kenapa kita hendak 'short-circuit' keadaan itu? Kenapa kita hendak gantung seseorang dengan senang-senang.

Kita mesti mendorong satu sistem yang boleh check abuse of power. Kalau kita tidak buat ini, saya rasa kita akan menyaksikan lebih banyak ketidakadilan dalam mahkamah. Yang baru-baru ini kita boleh nampak dalam surat khabar, yang ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang tadi, seorang hakim tugasnya untuk mendengar kes daripada pembela dan sebelah defendant. Tetapi ada satu kes yang kita boleh lihat dalam surat khabar seorang hakim sudah menurun gelanggang mahkamah. Itukah standard kehakiman kita? Itukah hakim kita yang kita boleh serah nyawa rakyat kepada orang untuk memastikan bahawa warganegara kita yang kena tuduh ini salah atau tidak? Kita tidak boleh memberikan peluang kepada sesiapa pun untuk memainkan nyawa rakyat kita.

Seperti saya katakan tadi, kalau tidak kena adik kita, waris kita memang kita tidak peduli. Inilah sifal-sifat orang kita. Kalau di Amerika, di United Kingdom satu nyawa sangat penting. Mereka akan mengambil tindakan dengan sehabis-habisnya untuk mempertahankan hak-hak warganegara mereka. Tetapi di negara kita, kita tidak peduli. Seseorang kena hukum, memang tidak adil, tiada precedent pun tidak apalah, bukan hal kita. Ini tak boleh. Kita kena berhati-hati di dalam perkara ini oleh kerana pada satu hari mungkin kita akan ada satu pengalaman yang sedemikian. Mungkin Ahli Parlimen yang lain boleh mendapat pengalaman ini, mendapat tidak keadilan di dalam mahkamah.

Sekarang mahkamah kita memang kita ada precedent baik dalam Law Reporis dan sebagainya, jikalau seorang yang ada pengaruh ataupun korporat,

precedents yang sedia ada dalam buku undang-undang itu, mereka boleh tidak mempedulikan, boleh dikecualikan dan boleh bawa satu precedeni yang baru untuk mcmuaskan hati pihak tertentu. Oleh kerana apa. Oleh kerana mereka boleh berjumpa litigan di dalam kamar hakim, mereka boleh membuat perniagaan antara mereka dan litigannya. Semasa hakim boleh duduk di atas pentas, yang kiii panggil "Yang Ariff, dan membuat keputusan memihak 'litigan' yang dituduh. Oleh kerana apa? Oleh kerana mereka boleh beli jeep. Dan hari ini saya bawa satu laporan — boleh beli sebuah kondominium secara cash di Badminton Academy. 4hb. September, 1993 di mana ada satu kes berjalan dan beliau menjadi seorang hakim pada 28hb. April, 1993. Inilah keadaan di negara kita.

Baru-baru ini ada kes di United Kingdom di mana seorang hakim dituduh bahawa beliau ada berhubung atau menelefon antara beliau dan seorang litigan dan kes ini pergi ke Court of Appeal dan Hakim Court of Appeal mengatakan bahawa percakapan antara Hakim dan litigan itu tidak penting. Cuma kalau kita boleh membuktikan bahawa ada percakapan antara Hakim dan litigan itu sudah cukup untuk kes itu dibuangkan. Kalau inilah prinsip di United Kingdom, bukankah kes-kes yang timbul di Dewan ini yang diketahui secara umum bahawa seorang Hakim boleh berjumpa dengan litigan di dalam bilik selama 45 minit dan boleh mengadakan business transection di antara mereka sebelum mendengar kes dan juga selepas mendengar kes dan juga telah membuat keputusan yang tiada precedent, tiada berasas (no basis) di segi undang dan memihak kepada litigan tertentu.

Kalau kita tiada juri sistem, kita tidak ada check and balances dan berani saya mcngatakan secara terang bahawa keadaan di mahkamah mesti

huru-hara. Hakim membuat perhakiman dengan sewenang-wenangnya dan beberapa bulan yang lepas ini, mereka membuat judgement di atas surat untuk dihantar kepada solicitor atau peguambela bagi plaintif dan C.C kepada dua orang hakim lagi. Kenapa tidak berani membuat satu judgement, tulis judgement yang baik-baik dan dihantar kepada *Malayan Law Journal*, *Current Law Journal* untuk disiarkan, uniuik dicetak supaya semua orang awam boleh baca. Kenapa? Oleh kerana mereka tahu keputusan itu tidak adil, keputusan itu bukan menurut undang-undang. Seperti kes saya sendiri, dihukum dua tahun, sehingga hari ini judgement itu pun tidak dihantar kepada *Malayan Law Journal*, *Current Law Journal* dan sebagainya. Kenapa? Oleh kerana tiada berasas di atas undang-undang.

Walau bagaimanapun, dua, tiga minggu yang lepas saya sudah haniar sendiri dan *Malayan Law Journal* pun terkejut, "why we didn't receive?" Inilah keadaan undang-undang di negarakita dan juga baru-baru ini saya ada membaca dalam surat khabar *The New Straits Times* bertarikh Disember, 1994 dan saya petikkan di sini:

"Commenting on the call by a lawyer Karpal Singh for review of the system of appointment and promotion of senior judges to avoid favouratism, Eusoff pointed out that judges were appointed on merit. In the judicial and legal service like all other services promotion are based on merit alone, It does not mean that judges who have served very long in the service should be promoted. Those who are able to deliver goods by lorry will be promoted rather than those who deliver by wheel barrow irrespective of the length of service".

Saya bacakan kenyataan ini kerana hakim-hakim sekarang sudah jadi seperti driver membawa lori, he can deliver by lorry, okay. Kalau deliver dengan wheelbarrow, tak okay. Kiia deliver dengan wheelbarrow, deliver apa? Cow dung, dengan izin. Saya rasa ini sudah teruk. Dan juga saya hendak memetik sedikit lagi di sini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Wee Choo Keong: Nanti, sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Those who criticise the judiciary should remember that the nature of our office is that we cannot reply to that criticism and cannot enter into public controversy. Wah! paling handal, fantastic, dengan izin. Tetapi yang saya petik tadi dia kata wheelbarrow atas merit ini. Bukankah ini jawapan, bukankah ini cakap kata merit. Saya rasa pegawai-pegawai pun lahu sekarang perlantikan hakim-hakim bukan based on merit, but based on what he has done, what nonsense you have done for me. That's what is all about. Look at cases of Jeffrey Tan, J.C., look at Tee Ah Seng, oleh kerana membebaskan adik seorang hakim, sudah jadi J.C. di Sabah. Ada banyak kalau hendak disebutkan lebih banyak.

Juga saya hendak memetikkan last sekali, Tuan Yang di-Pertua.

"Eusoff also said that public should not interfere in decision made by the Attorney-General on criminal cases since it was his responsibility to determine and decide whether there was a case based on full fact of things following the investigation carried out by the officer concerned. The Attorney-General as a Public Prosecutor responsible for criminal prosecution required proof of beyond reasonable doubt before instituting legal

action. Although investigation papers forwarded to him may review that a person has committed offence under various sections, the Attorney-General himself must decide based on fact he has gathered under which section the offender should be charged".

Ini bidang kuasa Peguam Negara, bukan Ketua Hakim Negara. Kenapakah beliau mempertahankan tindakan Peguam Negara sama ada Peguam Negara perlu seorang peguam daripada Ketua Hakim Negara. Ini sudah membuktikan oleh kerana beliau guilty conscience adiknya dilepas, didischarge di Ipoh pada 6hb. Jun, 1994. Kenapa? Ada apa hubung kait antara beliau dengan keputusan Peguam Negara. Peguam Negara bukan dalam kehakiman. Beliau menjaga mahkamah, hakim-hakim semua. Bukan Peguam Negara, tetapi beliau campur tangan di Pejabat Peguam Negara. Sebab itulah saya kata sekarang sistem kehakiman kita ataupun kehakiman kita dalam keadaan songsang, keadaan yang paling teruk sekali, akan memalukan negara kita dan memalukan semua rakyat negara. Baru-baru ini kita mengatakan juga ada Code of Ethics.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan.

Tuan Wee Choo Keong: Satu minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Code of Ethics ini merangkumi seperti Code of Judicial Conduct, seperti begini:

"Judges should performed the duty of his office in partially and diligently. The following standard should be followed." Ini code daripada Amerika. "A judge should be faithful to the law and maintain professional competence. A judge should not make any unnecessary appointment. He should exercise his power of appointment on

the basic of merit, avoiding nepotism and favouritism. A judge should disqualify himself in a proceeding in which he is impartially might reasonably be questioned. A judge should upholding integrity and independent of the judiciary, i.e. judges should observed high standard of conduct so that the integrity and independent of the judiciary may be preserved. A judge should avoid impropriety and appearance of impropriety in all his activities, i.e. his conduct should promote public confidence in the integrity and impartiality of the judiciary; should not lend prestige of his office to advance a private interest of others; should not convey or permit others convey the impression that they are in special position to influence them."

Saya difahamkan bahawa kod etika kita ini tidak ada merangkumi perkara yang begini. Merangkumi seperti hakim kena clock-in pukul 8.00, clock-out pukul 4.00 — ini teruk

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Bagan, lepas itu Yang Berhormat Menteri diminta jawab.

7.56 m/m.

Tuan Lim Hock Seng (Bagan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh berkenaan dengan siasatan berkaitan dengan Akta Kanun Prosedur Jenayah secara dasar am.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kini lebih maju dan lebih kompleks, maka berbagai-bagai peristiwa khasnya berkenaan dengan kelakuan jenayah pun

turut meningkat. Kelakuan jenayah bukan sahaja dilakukan oleh ramai, bahkan segelintir anggota penguatkuasa undang-undang dan kuasa-kuasa juga turut terlibat. Bagi membanteraskan kelakuan jenayah, pihak Polis Diraja adalah berdiri di barisan hadapan. Orang ramai berharap-harapkan pihak Polis Diraja boleh menjaga nyawa dan harta benda orang ramai. Tidak boleh dinafikan bahawa di dalam bidang ini prestasi Polis Diraja pernah dapat kepujian orang ramai. Terdapat juga ada orang ramai mempertikaikan cara penyiasatan jenayah oleh pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada mengemukakan satu soalan untuk jawapan bertulis berkenaan dengan tiga kes yang kononnya terlibat oleh anggota polis. Tiga hari yang lepas saya baru terima jawapan berkenaan, tetapi jawapannya amat menyedihkan.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya pelik soalan saya itu, iaitu kes pertama pada 23hb. Mei, tahun ini, semasa penganut-penganut tokong Hindu di sebuah kuil, iaitu Kuil Sri Mahamariamman di Butterworth sedang menjalankan perayaan tokong tersebut, ada seorang anggota polis Butterworth telah menyebabkan ketidakpuasan hati dan kemarahan penganut-penganut tokong Hindu itu. Sebenarnya pada bulan 7hb. Julai, tahun ini, iaitu dalam Dewan yang mulia ini, saya telah membentangkan Ucapan Penangguhan berkenaan hal ini. Pada masa itu, saya merayu supaya satu siasatan yang adil dapat dijalankan demi memberi keadilan kepada penganut-penganut tokong Hindu di Butterworth ini. Tetapi jawapan yang saya dapat ialah, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kertas siasatan mengenai kes ini telah pun dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya Pulau Pinang. Beliau berpendapat kes berkenaan ini bukanlah merupakan satu kesalahan jenayah, dan kes ini telah pun ditutup.

Seorang anggota polis yang menyebabkan satu rusuhan, satu ketidakpuasan hati dalam satu perayaan tokong dan menyebabkan lebih kurang 2,000 penganut-penganut tokong Hindu pergi ke balai polis untuk menuntut keadilan. Tetapi anggotapolis ini tidak sabit dengan jenayah dan kes ini telah ditutup.

Saya tidak tahu apa macam cara penyiasatan ini. Bukan satu laporan polis dibuat oleh seorang sahaja, bahkan 10 laporan polis dibuat oleh 10 orang berasingan terhadap anggota polis ini. Tetapi kes ini ditutup macam ini sahaja. Lebih tepat lagi — Menteri sudah sampai, saya ingin merujuk kepada beliau bahawa — Butlerworth, Report No. 3305/94 hingga 3314/94 dan juga 3318/94. Sepuluh laporan telah dibuat terhadap anggota polis ini, kes ini telah ditutup begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, iaitu kes nombor dua, Nibong Tebal Police Report Number 792/94 iaitu mengikut laporan polis seorang wanita bernama Teoh Cheng Choo, izinkan saya baca dengan ringkasnya laporan polis ini. "Pada 19hb. Ogos, 1994 awal pagi pukul 1.00 pagi hari Jumaat saya Teoh Cheng Choo KP. 3789251 menunggang basikal pergi untuk mengutip hutang dengan pelanggan saya di Jalan Besar, Voudow Estate, Sungai Bakap. Tiba-tiba sebuah kereta polis peronda berhenti dan dua orang Pegawai Polis turun menahan saya sambil meminta kad pengenalan saya dan menanya saya: "Mengapa seorang perempuan keluar tengah malam"? Lalu seorang Pegawai Polis pun dukung dan peluk saya. Saya pun berteriak kuat: "Tolong! tolong". Pegawai Polis itu lepaskan saya. Saya pun lari pergi menelefon kepada kawan saya dan kawan saya pun pergi ke tempat kejadian. Dua orang Pegawai Polis masih berada di sana, lepas itu saya suruh kawan saya bawa saya pergi ke Balai Polis untuk membuat laporan. Separuh jalan saya ke

Balai Polis, tiba-tiba kereta polis ronda itu memotong kereta saya dan berhentikan kereta kami. Dua Pegawai Polis tersebut turun dan suruh saya selesaikan hal ini: "Jangan buat laporan", Saya tidak mahu selesai hal ini kerana saya berasa saya tidak bersalah langsung. Jadi, kami pun terus pergi ke Balai untuk membuat laporan polis. Dan dalam Balai Polis itu masih ada Pegawai Polis minta mereka selesaikan hal ini dan jangan buat laporan polis."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa apa Yang Berhormat bangkitkan ini adalah bersabit dengan polis dan polis ini adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri, Yang Berhormat, jadi apa hubungan kaitnya dengan Rang Undang-undang yang kila sedang bincangkan sekarang ini?

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua. Akla ini Kanun Prosedur Jenayah, dia ini bersabit dengan penyiasatan permulaan juga. Dan bila ini sebelum mula menyiasat sudah di tolak. Saya ambil kesempatan ini untuk membangkitkan hal ini. Ini berkenaan dengan siasatan prosedur jenayah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Saya rasa ini jauh sangat Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di sini, pada pukul 10 pagi seorang perempuan yang sedang menunggang basikal, makna ada saksi boleh nampak dia? Dan bila dia membuat laporan polis, kereta polis ada, anggota polis pun ada panggil dia selesai. Dan bila tidak dapat diselesaikan anggota polis itu membuat satu laporan balik tentang perempuan ini, kata perempuan ini maki atau marah pegawai polis ini.

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Seremban bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Saya tidak ada masa, saya masih ada satu kes lagi, nanti saya habiskan, kalau ada masa.

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Speaker, pada hemat saya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Hock Seng: Kalau ada masa, saya akan beri, Seremban sabar! Saya akan beri kalau ada masa, sebab saya dihadkan 15 minit sahaja dan saya ada lagi satu kes yang lebih kurang serupa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa kes-kes.....

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sabar, saya tengah cakap Yang Berhormat Seremban.

Yang Berhormat Bagan, saya rasa kes-kes yang dibangkitkan itu walaupun Yang Berhormat berbuat demikian dengan niat yang baik demi keadilan dan sebagainya, tetapi saya rasa ini jauh sangat, tak kena mengena dengan Rang Undang-undang.

Tuan Lim Hock Seng: Baik. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma singkatkan dan tadi saya kata kereta polis dan anggota polis ini buat satu laporan terhadap gadis ini kononnya gadis ini marah pegawai polis, ini semua apa yang saya dapat dia punya jawapan berkenaan dengan kes ini ialah kes ini ditutup kerana tiada saksi dan pengadu juga tidak dapat cam atau mengenalpasti anggota polis yang melakukannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak boleh diterima, jawapan yang semacam ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cerita polis lagi Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: Ya, ini tidak boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, kes yang ketiga yang juga melibatkan seorang anggota polis yang menumbuk seorang penduduk di sebuah kampung. Ini.....

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Seremban.

Tuan Yim Chee Chong: 36 (1). Ucapan beliau itu adalah tidak kena-mengena dengan apa yang kiiia bincang pada hari ini iaitu berkenaan dengan pindaan CPC.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, saya akan buat keputusan. Saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Seremban itu tepat Yang Berhormat. Dan jika sekiranya Yang Berhormat masih melanjutkan apa yang saya menegah tadi, saya kena memberhentikan Yang Berhormat daripada berucap.

Tuan Lim Hock Seng: Baiklah, pada pengetahuan saya, Tuan Yang di-Pertua, ini satu Kanun Prosedur Jenayah, jadi berkenaan dengan penyiasatan seperti yang telah dihuraikan oleh Menteri tadi, penyiasatan permulaan dijalankan berkenaan dengan jenayah dan saya mengambil kesempatan ini

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat. sebenarnya yang ini Kanun Prosedur Jenayah Yang Berhormat, bukan cerita jenayah.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, sebab tiga hari yang lalu, saya baru terima jawapan ini dan tidak ada peluang lagi untuk saya membangkitkan perkara yang tidak adil ini, maka saya mengambil peluang ini untuk meminta Menteri untuk menjalankan satu keadilan terhadap kes ini.

Dan jikalau tidak boleh dibenarkan saya membaca lagi satu kes yang lebih kurang sama ini iaitu seorang budak yang ditumbuk oleh seorang Pegawai Polis dan jawabannya juga tidak dapat bukti yang kukuh. Kejadian ini dilakukan di hadapan orang ramai dan beliau kata tiada bukti yang kukuh, saya tidak tahulah sama ada penyiasatan ini ada memanggil orang ramai ini supaya membuat satu statement di hadapan Pegawai Polis atau tidak, Dan scwenang-wenangnyanya berkata, kurang bukti yang kukuh dan kes ini ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu bcrlynya kepada Menteri bolehkah kes-kes yang saya sebutkan tadi disiasat semula dan jikalau boleh disiasat semula bagaimana ia boleh dijalankan? Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Arau hendak bercakap?

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, selepas itu Yang Berhormat Menteri diminta menjawab.

5.07 *mlm*.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan lawyer tetapi saya hendak bertanya sebagai orang biasa yang ingin memahami keadaan yang sebenarnya perundangan di Malaysia. Sistem juri saya bersetuju dan menyokong supaya ianya dihapuskan, mungkin Wakil dari Jelutong mengatakan perkara ini sudah pun menjadi budaya dan dalam pemikiran rakyat Malaysia demi untuk kita menegakkan keadilan, juri penting untuk assis Hakim dalam apa-apa kes. Tetapi kita juga melihat seperti Seremban sebutkan tadi, sistem juri ini banyak perkara-perkara sampingan. Dia ada menyebut perkataan 'bribery' tadi.

Saya bersetuju ataupun tidak tetapi ada ke arah bersetuju berdasarkan buku-buku yang saya baca. Saya banyak baca buku-buku kes mafia. Saya seronok baca buku God Pather, buku-buku tentang masalah jenayah di Amerika saya berminat membaca dan dia ada hubung kait sampai ke peringkat hakim pun kadang-kadang dilibat dengan kes-kes yang telah disebutkan oleh Seremban tadi. Tetapi dalam banyak hal, jurilah yang merupakan orang yang menjadi tumpuan bagi mereka yang terlibat dengan kes-kes yang berkenaan. Kes yang terakhir ialah kes yang kita sedia maklum, kawan-kawan saya pun ada menyebutkan sebentar tadi di mana O.J. Simpson di mana juri terpaksa dikurung sampai sekarang — dikurung. Sebab apa dikurung? Juri dikurung sebab juri ditakuti pertamanya mungkin dipengaruhi oleh anasir-anasir luar ataupun mungkin juri diugut dan sebagainya, sampai sekarang juri dikurung. Kes ini ditangguh sampai tahun hadapan, tetapi juri dikurung, sekarang seolah-olah juri pula yang jadi penjenayah pula. Dia dikurung tak boleh jumpa anak isteri sampai sekarang.

Jadi, saya hendak tanya Wakil dari Jelutong, kalau macam itu punya sistem juri, mungkin kita akan sampai ke tahap itu. Sekiranya kita menang pilihan raya 1995, kita akan menghadapi pilihan raya sekali lagi mungkin tahun 2000, kita akan menjadi Wakil Rakyat tahun 2000, selepas itu mungkin kita sampai ke peringkat oleh kerana masyarakat yang telah pun membesar dan kemungkinan besar ada terlibat kes-kes jenayah yang mungkin berbentuk apa yang berlaku di Amerika. Maka juri yang akan menghadapi masalah dan kes yang sepatutnya diselesaikan dengan cepat akhirnya terpaksa berpanjang-panjang.

Saya setuju sangat dalam menegakkan keadilan. Kita kena pastikan bahawa semua aspek mesti dilihat tetapi sistem juri ini bukan satu sistem yang mengatakan ini yang terbaik dalam dunia, pada pandangan saya.

Jadi, saya menyokong supaya sistem juri ini dihapuskan. Cuma yang menimbulkan tanda tanya saya sekarang, mengapa? Bukan saya kata tidak sokong. Lepas hendak mengundi ini mungkin saya sokong tetapi sekarang saya hendak bertanya kepada Menteri Undang-undang, dalam bentuk yang tidak puas hati sebab tidak faham, kenapa siasatan awal ini harus dihapuskan? Sebab ianya melibatkan satu mahkamah — Mahkamah Majistret untuk membuat siasatan awal sebelum kes ini dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Jadi, apa yang hendak digantikan? Hendak digantikan, saya rasa mestilah satu badan yang sama berat dengan Mahkamah Majistret. Ini pandangan orang yang tidak pergi ke mahkamah untuk berlawan dengan kes ini.

Jadi, apa badan yang kita hendak gantikan? Sekurang-kurangnya orang yang terlibat itu melalui satu proses yang membolehkan ia ditentukan sama ada

dia masuk ke Mahkamah Tinggi ataupun tidak sebelum dia dibicarakan. Sekarang ini kita sudah hapuskan juri, kita juga hapuskan siasatan awal, bagaimana kita hendak maklumkan kepada umum bahawa sebenarnya keadilan boleh lebih ditegakkan ataupun kita kata kes ini harus dipercepatkan? Sebab pada pandangan saya, kes jenayah bunuh dan lain-lain yang berkaitan ini, dia tidak semua orang hendak buat kerja itu.

Saya tidak setuju dengan Jelutong tadi yang mengatakan ini menyebabkan pelabur-pelabur tidak berminat datang ke sini sebab pelabur datang ke sini bukan hendak melabur dalam jenayah dan dia lebih suka kalau sistem yang mempercepatkan supaya penjenayah-penjenayah dihukum. Dia lagi seronok. Saya rasa pelabur akan masuk ke Malaysia lebih banyak dari ke negara-negara lain. Dia kata; sebab jenayah di Malaysia bagus sebab mereka ini dihukum dengan cepat. Jadi, tidak ada jenayah, dia lagi seronok melabur. Yang masalahnya sebab penjenayah masih berleluasa, masih berkeliaran oleh kerana dia terpaksa melalui satu proses yang begitu panjang. Proses panjang dipercepatkan, saya setuju tetapi biar keadilan dipertegakkan.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah satu badan yang sama berat dengan Mahkamah Majistret ini untuk menggantikan proses siasatan awal sebelum ianya dibawa ke Mahkamah Tinggi?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan yang itu. Hak yang pertama tadi, saya sokong. Saya menyokong yang periaman, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Dato' Menteri diminta jawab.

8.15 mlm.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Jelutong, Kota Setar, Bukit Bintang, Tumpat dan Arau yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Pindaan Kanun Acara.....

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, Batang Lupar bangun.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dulu. Saya akan jawabkan satu-satu nanti. Nanti sampailah kepada Batang Lupar. Termasuk Batang Lupar. Saya tidak sebut tadi, saya ingat saya hendak sebut dia akhir fasal ucapan dia hari ini bagus betul.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa sedikit.....

Tuan Shahidan bin Kassim: kami tidak baguskah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, jangan mencelah.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Semua ucapan, itu yang saya cakap "berbanyak-banyak terima kasih" kerana baguslah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa sedikit olch kerana persoalan yang ditimbulkan adalah persoalan yang serius oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya fikir berkenaan dengan soal jury system ini, ia dua-dua belah — hujah uniuik menghapuskan kukuh, hujah

untuk tidak menghapuskan pun ada. Ini menjadi satu perkara yang dibincangkan dengan mendalam oleh dua-dua pihak — yang menyokong dan yang tidak menyokong. Kita tidak dapat berhenti dari perbincangan ini sama ada bila kerajaan membuat keputusan untuk menghapuskan ataupun tidak menghapuskan.

Oleh itu, saya faham segala pandangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat. Tetapi saya suka menjelaskan, adalah tidak munasabah untuk kita mengatakan bahawa seseorang yang tidak pergi ke mahkamah, ia tidak mengetahui berkesan kedudukan sistem juri. Itu adalah satu cara yang paling mudah tetapi tidak mempunyai hujah ataupun alasan yang kukuh. Apakah kita lupa orang yang menjadi mangsa kepada kejadian jenayah itu? Kita hanya melihat kepada orang yang melakukan jenayah. Orang yang menjadi mangsa kepada jenayah itu juga adalah mereka yang menderita, sengsara kerana perkara jenayah telah dilakukan.

Jadi, walaupun tidak ada perkara-perkara seseorang yang tidak pernah menghadapi mahkamah, tidak bermakna ia tidak memahami dan menghayati sistem ini.

Jadi, saya harap Yang Berhormat dari Jelutong, in the process of arguing, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, jangan cuba untuk ketepikan pandangan orang lain di dalam hal ini. Saya menghormati pandangan Yang Berhormat selaku seorang peguam Mahkamah Jenayah yang sering pergi ke Mahkamah Jenayah tetapi biar kita kaji dari segi kalau kita tengok sistem perbicaraan juri.

Kita perkenalkan sistem perbicaraan juri di Malaysia ini semasa pemerintahan Inggeris melalui Charter of Justice pada tahun 1807. Pulau Pinang adalah negeri

yang pertama di Malaysia yang memperkenalkan perbicaraan oleh juri dan diikuti oleh Negeri-negeri Selat. Kanun Acara Jenayah yang dipakai sekarang ini mula berkuatkuasa pada 1 hb. Januari, 1927 apabila Kanun Acara Jenayah tahun 1903 dan 1920 dibatalkan.

Di dalam Kanun Acara Jenayah, penggunaan juri di Mahkamah Tinggi dibincangkan dalam semua kes yang membawa hukuman mati tetapi mengikut amalan sekarang, perbicaraan oleh juri hanya terpakai untuk kes bunuh di bawah Seksyen 300 Kanun Keseksaan.

Kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati di bawah Seksyen 39 B Akta Dadah Berbahaya 1953 dan Seksyen 57 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dibincang oleh seorang hakim. Bagi kesalahan di bawah Seksyen 3 Akta Penculikan 1961, perbicaraan adalah seorang hakim dengan pengapit (assessor).

Di Negeri-negeri Sabah dan Sarawak, sistem juri tidak dipakai tetapi yang dipakai ialah sistem assessor sebagaimana Yang Berhormat dari Batang Lupar mengatakan tadi yang mana dua orang assessors, seorang daripada seberapa yang boleh sebangsa dengan orang yang kena tuduh dikehendaki membantu hakim di dalam perbicaraan mengenai kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman mati. Juri hendaklah terdiri dari 7 orang dan verdict diberi hendaklah sebulat suara alau dengan majoriti tidak kurang dari 5 lawan 2.

Soalnya ialah keputusan juri apabila juri membuat sesuatu keputusan, dia tidak membuat keputusan sebagai check and balance. Kalau ini kita mengatakan sebagai sistem check and balance, kita mengabaikan keadaan sebenarnya. Juri terdorong daripada summary, dengan izin, yang dibuat oleh hakim dan kita

mengetahui bahawa kalau hakim mengarahkan juri berasaskan kepada fakta dan keterangan yang ada bahawa ia patut didapati bersalah, juri akan mengikut. Cara dia memberikan summing-up adalah satu perkara yang penting. Jadi, soal untuk menentukan.....

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Nanti dulu. Biar saya habiskan ayat ini. Lepas itu saya akan beri Yang Berhormat.

Jadi, soalnya ialah sama ada sebenarnya ia adalah check and balance. Check and balance yang pada satu masa dahulu digunakan sistem ini kerana dalam sistem irial by jury tidak mempunyai kes untuk diulang bicarakan tetapi itu sejarah.

Sekarang kita mempunyai sistem, kalau kita tidak berpuas hati dengan keputusan di mana-mana peringkat, sehinggalah ke peringkat terakhir, kita mempunyai sistem mahkamah tinggi, selepas itu kepada mahkamah rayuan dan kemungkinannya kepada mahkamah Persekutuan. Jadi, dengan 3 sistem bukan yang dianjurkan oleh DAP kerana kita dari dahulu memikirkan bila masa yang sesuai. Jadi, I do not want to politicise, dengan izin, kita menganggap bahawa sistem 3 struktur itu adalah satu sistem yang baik, bukan kerana dicadangkan. Semasa saya membuat perkara ini saya pun tidak terfikir bahawa DAP mencadangkan perkara ini kerana kita melihatnya sebagai satu perkara, masalah dan persoalan perundangan. Sebab itu, kita bawa dan kita memikirkan ini cara untuk mencapai keadilan dengan sebaik-baiknya.

Tuan R. Karpal Singh: Yang Berhormat Menteri ada mengatakan tadi jikalau dalam satu summing-up, seseorang hakim mengarahkan kepada para juri

untuk memutuskan, beliau diwajibkan untuk memutuskan mengikut pandangan hakim. Itu bukan apa yang sebenar, oleh kerana juri adalah 'ultimate judges of fact', dengan izin, bukan hakim. Hakim mengenai undang-undang juga, adakah Yang Berhormat sedar iaitu apa yang terkandung di dalam undang-undang?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Saya kata, pihak juri akan terdorong dengan cara hakim memberikan 'summing-up' dan dia tidak asing lagi, kalau di dalam Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Agung pada satu ketika, kalau summing-up itu tidak betul, Yang Berhormat selaku peguambela boleh membawa di atas summing-up yang salah dan boleh mendapat — untuk membebaskan seseorang pesalah di atas sebab teknikal — kalau hakim membuat 'summing-up' yang salah. Tetapi apa yang saya katakan ialah kerana kedudukan hakim dan juri itu selalunya hakim mendorong juri kepada perkara ini, fakta ini — begini, begini, mengikut fakta begini, begini. Itu perkara, yang walaupun saya sendiri tidak pernah buat, tetapi saya pernah masuk mahkamah dan duduk mendengar macam mana hakim memberikan summing-up yang mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh juri.

Walau bagaimanapun, ini adalah perkara-perkara yang boleh kita bincangkan dan ia mempunyai perbahasan di kedua-dua belah pihak. Satu pihak yang menyokong dan satu pihak yang tidak menyokong — ia akan memberikan hujah di sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan perkara ini bukan datang daripada langit dengan tiba-tiba. Kita memikirkan bahawa kita perlu pinda, kita tidak mengkaji, kita tidak mendalami, maka terus kerajaan buat keputusan. Sebenarnya, ini adalah hasil daripada syor

dan cadangan yang datang daripada badan kehakiman sendiri. Setelah disemak oleh pihak penasihat undang-undang negara yang tertinggi oleh Kamar Peguam Negara maka kerajaan berpuas hati, hujah dan alasan yang diberikan uniuik menghapuskan sistem ini adalah satu hujah yang boleh kita terima dan kita membentangkan — iaitu setelah kita berpuas hati bahawa segala alasan dan asas-asas yang diberikan adalah asas-asas yang munasabah.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah pernah mendengar pandangan jemaah hakim yang ada diperolehi, adakah pandangan Bar Council (Majlis Peguam) diperolehi, olch kerana ia menjadi satu badan peguam-peguam yang sentiasa ada dalam mahkamah dan pandangan satu badan seperti itu yang harus dipertimbangkan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat pun faham, bahawa perkara ini kita sudah bincangkan di akhbar, kita sudah mengatakan bahawa kalau Majlis Peguam tidak bersetuju di dalam apa-apa perkara mereka boleh membuat memorandum, mreka boleh mengemukakan pendapatnya. Tetapi tidak ada sesuatu yang wajib. Kalau saya tanya dengan Yang Berhormat yang mengamalkan sistem dan terdidik dengan sistem yang digunakan di negara Inggeris dan di sini, Yang Berhormat sebagai seorang orator dan advocates yang baik, memang Yang Berhormat suka sistem juri kerana sislem juri itu mudah dipengaruhi dengan seorang peguam yang mempunyai kemampuan untuk berhujah dengan baik, dengan kemas, macam Yang Berhormat boleh lakukan di mahkamah.

Jadi, soal sama ada kita boleh dapat, itu tidak menjadi perkara yang penting. Saya fikir Majlis Peguam kena mengambil satu fahaman bahawa tindakan mereka

mesti proaktif, itu memberikan ruang yang seluas-luasnya di dalam segala undang-undang sebelum saya membentangkan apa-apa rang undang-undang, saya selalu membentangkannya untuk pendapat umum dahulu. Apabila kita sudah mendapat pendapat umum, selepas itu kita membuat keputusan, setelah mengambil kira semua pandangan. Di antara peguam pun ada dua pandangan, ada peguam yang mengatakan sistem juri tidak patut dihapuskan, ada peguam yang mengatakan mereka bersetuju dengan sistcm juri dihapuskan.

Jadi, akhirnya kerajaan kena membuat satu keputusan dasar dan kita membuat satu keputusan dasar di atas asas-asas — saya beritahu dasar Yang Berhormat asas-asas yang kita pertimbangkan perkara ini. Sebab itu saya kata, saya akan mengambil masa sedikit kerana ini adalah satu perkara yang mustahak dari segi sistem keadilan jenayah dalam negara kita.

Di sini saya ambil, bila Rang Undang-undang ini, apabila Kanun Acara Jenayah (Criminal Procedure Amendment Ordinance, 1957), saya duduk ambil daripada sorotan imbasan sejarah dahulu yang dikuatkuasakan pada 1.1.1958 — ini boleh dikatakan kesemua Hakim Mahkamah Tinggi dan Rayuan terdiri daripada orang Inggeris. Almarhum Tunku Abdul Rahman apabila hendak membawa sistem juri ke dalam sistcm kita, menggunakan pengalaman daripada Melaka dan Pulau Pinang, sebelum itu kita menggunakan sistem assessors, Tunku Abdul Rahman berhujah pada masa itu, mengatakan bahawa kita perlu kepada sislem juri olch kerana hakim-hakim terdiri daripada orang-orang Inggeris yang tidak faham adat dan budaya orang tempatan, maka juri akan dapat membantu mereka untuk mcmahami keadaan setempat. Ini adalah satu hakikat.

Hakikatnya pada masa itu kita mempunyai masalah untuk mendapatkan orang yang memberikan keterangan, selepas itu untuk diterangkan kepada pihak juri. Ini dari segi sejarahnya, kita menimbangkan ini semua dan selepas itu perkara ini, sebagai biasa kita terus melaksanakan seolah-olah ia satu perkara yang menjadi sebahagian daripada sistem kita. Adalah tidak benar bahawa ia adalah sebahagian kita— begitu juga apabila kita mengatakan sistem ini adalah untuk dihakimi oleh sekumpulan orang biasa (peers). Itu tidak betul, oleh kerana kalau seseorang penjenayah, seorang yang datang daripada kawasan yang paling teruk, orang yang akan menjadi juri adalah terdiri daripada orang yang datang daripada kedudukan hidup yang berlainan.

Jadi, tidak betul juga. Adakah orang Melayu akan mempunyai juri-juri daripada orang Melayu juga, atau orang Cina, atau orang India, orang India yang menjadi juri. Jadi, orang yang menjadi juri juga bukan berasaskan kepada sistem 'peers', this is more, dengan izin, a theoretical concept, Saya suka mengambil satu quotation daripada seorang pakar dan penulis di dalam Constitutional Law iaitu Weight and Philips — ini Yang Berhormat pun faham, di bawah seksyen, Citizen and the State, dengan izin, "It will be found that juries played an insignificant part. When the jury was used, the jury either answered question so put that the jury could not have known in whose favour they were tinding or followed the judges opinion". Ini bermakna bahawa perkara ini adalah memang satu perkara yang diperdebatkan secara ilmiah, yang dipertikaikan secara ilmiah. Jadi, kita bukan membuat untuk pihak eksekutif mengambil kuasa kehakiman — tidak. Ini bukan soal pihak eksekutif. Soal sistem mana yang terbaik mengikut budaya dan persekitaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memual keputusan begini. Sistem ini, satu — melambatkan perbicaraan. Orang-

orang yang dipanggil untuk menjalani tugas-tugas juri tidak berminat untuk mengambil peranan dengan memberi bermacam-macam alasan. Ini bukan kita buat-buat, untuk mencari juri adalah susah termasuk tidak mahu melibatkan diri yang boleh menyebabkan seseorang pesalah itu dihukum mati.

Pengalaman hakim-hakim menunjukkan jika seseorang yang tidak berminat dilantik menjalankan tugas-tugas juri, dia tidak akan menumpukan ketekunannya ke atas perbicaraan yang sedang dijalankan dan akhirnya tidak akan dapat memberi apa-apa pendapat melainkan jadi 'Pak Turut' sahaja.

Keduanya, dalam urusan untuk memilih ahli panel juri banyak masa diperlukan kerana tertuduh dan Timbalan Pendakwaraya diberi peluang oleh undang-undang untuk menyoal dan memeriksa setiap bakal juri. Jika tertuduh dan Timbalan Pendakwaraya tidak puas hati dengan seseorang bakal ahli juri, proses ini perlu dilanjutkan hingga kedua-dua belah pihak bersetuju dengan ahli-ahli juri yang dipilih.

Kalau Yang Berhormat dari Jelutong suruh kita mengikut sistem di USA, saya amat khuatir sekali oleh kerana sistem di USA adalah satu sistem yang mempunyai banyak kelemahan dan lelah dimasuki oleh pelbagai pengaruh-pengaruh yang berbentuk rasuah dan berbentuk tidak adil. Ini diakui di Amerika sendiri dan apabila kita melihat kes O. J. Simpson, salah satu perkara yang melambatkan bukan di atas asas keadilan. Berapa kali juri ditukar. Hanya interview juri, kes tidak boleh lagi ditetapkan. Untuk interview juri sahaja. Kalau ini terjadi, akhirnya kita akan menafikan keadilan.

Jadi, saya beranggapan bahawa kita mesti jangan bawa masuk (import), di England pun yang ada suai masa, penuh dengan kes-kes sivilnya yang berasaskan kepada

jury system, tidak ada sekarang. Hanya tinggal kes-kes tertentu sahaja. Sebab itu, di negara kita bila Inggeris memperkenalkan sistem juri di negara kita, ia terhad kepada kes-kes jenayah kerana dalam kes-kes sivil semua telah dihapuskan. Begitu juga semasa perbicaraan di dalam sesuatu isu undang-undang perlu dibahaskan, panel juri terpaksa keluar sebentar daripada mahkamah terbuka. Ini Yang Berhormat tahu. Kerana juri tidak dibenarkan melibatkan diri dalam isu undang-undang. Setiap langkah yang diambil seperti yang tersebut mesii dijelaskan semula kepada panel juri dan selepas segala keterangan telah diambil, hakim perlu menjelaskan aspek-aspek keterangan untuk dipertimbangkan oleh panel juri sebelum mereka memilih juri untuk membuat keputusan.

Jika tertuduh jatuh sakit atau ahli-ahli juri sakit atau tidak dapat hadir atas sebab-sebab lain, panel juri terpaksa dibubarkan walaupun perbicaraan sudah hampir habis. Dalam keadaan ini, pemilihan juri baru perlu diuruskan dan perbicaraan terpaksa dimulakan semula. It is the most inefficient system, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jika dengan suara majoriti ahli juri mendapati tertuduh bersalah dan hakim tidak bersetuju, perbicaraan hendaklah dimulakan semula dengan memperkenalkan juri yang baru. Ini undang-undang, Yang Berhormat tahu sistem ini dan apa yang lebih baik daripada Yang Berhormat menghadapi seorang Yang Berhormat faham bahasanya dan Yang Berhormat juga lahu bagaimana keputusannya, tidak bcrpuas hati bolch dirayu kepada pihak yang lain. Sistem juri kadangkala menyebabkan tertuduh terlepas daripada lali gantung kerana orang awam yang menjadi juri tidak diberi latihan bagaimana untuk mengasing dan menganalisa

fakta-fakta penting. Jangan kita ingat bahawa mudah untuk mengasingkan fakta dengan undang-undang. Di antara peguam pun, di antara hakim daripada Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi pun untuk membezakan di antara undang-undang dan fakta adalah perkara yang amat sulit dan payah sekali kalau ia bercampur aduk di dalam sesuatu keadaan.

Jadi, ini semua memberikan pertimbangan unik kila mcngctahui sama ada perkara itu relevan atau tidak relevan juga menjadi satu masalah. Terdapat juga ahli-ahli yang membuat rumusan dan pendapat yang tidak tepat olch kerana tekanan atau dipengaruhi oleh emosi. Misalnya perasaan kasihan kepada tertuduh ataupun perasaan takut keselamatan mereka akan terancam. Keputusan juri yang mengatakan tertuduh tidak bersalah mesti diterima oleh hakim dan tertuduh hendaklah dibebaskan. Ini Yang Berhormat cakap tadi, ya. Sistem juri berasal daripada sebagaimana kita tahu, English Common Law dan konsep perkhidmaian rakyat dalam pentadbiran kehakiman adalah lebih conceptual daripada segi praktikalitinya.

Tuan Yang di-Pertua, perbicaraan oleh juri tidak dapat memastikan konsistensi dari segi pentadbiran kehakiman. Dalam perbicaraan dengan juri, sesuatu verdict sedikit sebanyak bergantung kepada komposisi sebenar para juri. Latar belakang sosial, kepercayaan, seks dan umur juri akan mempengaruhi pandangan mereka. Ini kita lahu di dalam kes di Los Angeles di mana para juri yang terdiri daripada orang-orang kulit putih telah menghukum tanpa keadilan telah mendapati bahawa polis yang mclibalkan kezaliman kepada seorang yang berkulit hitam dilepaskan. Kes itu berulang bicara. Bcrmaknajuri mempunyai banyak pengaruh kemanusiaan apatah lagi apabila mercka tidak terlatih di dalam bidang hukum. Pentadbiran bidang kehakiman

sepatutnya diletak dalam tangan tujuh orang biasa tetapi patut dikendalikan oleh seorang hakim yang berkelayakan.

Tuan Yang di-Pertua, nasib seseorang yang dituduh terletak kepada kebijaksanaan orang-orang yang menghakimi kes beliau. Oleh itu, kita hanya memikirkan bahawa yang pentingnya ialah hakim-hakim yang kita lantik, mereka yang menjalankan sistem keadilan dapat memberikan keadilan yang sebaik-baiknya dan kita kena pasti dan tentukan mereka yang menjadi hakim mempunyai kedudukan akhlak yang tinggi, nilai-nilai yang baik dan beretika yang sempurna supaya ia dapat memberikan keadilan kepada semua pihak.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin); Ya Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Yang Berhormat Menteri ada menyatakan tadi lebih baik nasib seseorang yang dituduh dilelakkan dalam tangan seorang hakim. Adakah benar hakim wanita, khususnya dalam Islam tidak boleh menjatuhkan hukuman mati ke atas seseorang yang tertuduh dan oleh itu sampai hari ini ada dua orang hakim wanita yang dilantik; jikalau keadaan ini benar, ini bermakna ada diskriminasi di antara hakim lelaki dan perempuan yang dilantik. Adakah itu benar? Ya, dalam Islam hakim perempuan tidak boleh menjatuhkan hukuman mati.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak tahu sama ada soalan Yang Berhormat ini benar-benar jujur atau tidak. Kalau Yang Berhormat hendak, kita tukar sistemnya kepada sistem syariah.

Tuan R. Karpal Singh: Adakah benar?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti. Dalam sistem syariah. Bila kita bercakap dalam sistem sivil, sistem common law, jangan Yang Berhormat heret sistem syariah,

Tuan R. Karpal Singh: No. No. Bukan Syariah. Dalam sistem yang wujud dalam negara kita sekarang.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dalam negara kita hakim

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada satu kes di mana hakim wanita ada menjalankan tugas sebagai hakim dengan juri, sampai hari ini. Adakah benar itu? Itu oleh kerana dalam Islam, seseorang hakim wanita tidak boleh menjatuhkan hukuman mati.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat, biar saya cakap dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat suruh saya buat andaian, yang pergi ke mahkamah Yang Berhormat. Saya tidak mengikuti tiap-tiap kes yang ada tetapi hakim itu layak mengikut undang-undang negara. Dia layak untuk duduk dalam kes juri. Soal Islam jangan heretkan oleh kerana bila kita melantik hakim itu bukan dalam sistem yang bcrasaskan kepada sistem Islam. Dia adalah dirangkumi dan bidang kuasanya sebagaimana terkandung di dalam Akta. *(Disampuk)* Tidak ada, There are two different systems. I am sorry, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan R. Karpal Singh: Penjelasan. Adakah benar ramai hakim wanita tidak dilantik sebagai hakim oleh kerana Majlis Raja-Raja tidak bersetuju oleh kerana dalam Islam seorang hakim wanita tidak boleh menjalankan hukuman mati? Adakah itu benar? Saya mahu dapat lahu itu juga!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan R. Karpal Singh: Bukan syariah. The common law.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dulu. Yang Berhormat bercakap di atas arena yang berbeza. Soalnya kalau seseorang sudah tiba kelayakannya, mungkin itu adalah male chauvinisme kadang-kadang berlaku. Dalam jawatan biasa pun orang perempuan mengatakan dia susah hendak naik kerana lelaki yang menguasai jawalan itu. Tidak bermakna dia tidak mempunyai hak. Soalnya soal hak. Parti DAP tidak ada seorang pun perempuan. Ha, macam mana? I mean benda-benda macam ini saya tidak suka bawa ke arah itu tetapi kalau Yang Berhormat bertanya, kalau Yang Berhormat hendak bercakap dengan saya berkenaan dengan syariah saya boleh bercakap berkenaan syariah. Tetapi sistem kita berlainan. Jadi, saya minta maaf pasal ia tidak bersangkutan dalam hal ini. Jadi, kita jangan heret itu.

Tuan Yang di-Pertua, keadilan para juri membuat keputusan tidak dapat dilihat kerana mereka tidak perlu memberi alasan kepada keputusan mereka. Dalam sistem juri ia tidak perlu memberi alasan kepada keputusan mereka berbanding dengan hakim yang akan memberi alasan bagi setiap keputusan yang dibuat olehnya, sama ada untuk memuaskan kedua-dua pihak atau hanya untuk justifikasi keputusannya. Oleh itu, jika para juri silap mengenai apa-apa prosedur undang-undang atau fakta, maka tiada cara bagi mana-mana pihak untuk mengetahui bahawa keputusan yang dibuat itu salah.

Kajian tidak pernah dijalankan di negara ini mengenai keberkesanan sistem juri dan oleh yang demikian, tidak ada data yang boleh membuktikan sama ada sistem juri telah berjalan dengan berkesan ataupun sebaliknya. Di Singapura pada satu masa apabila mereka hendak

memperkenalkan sistem juri, pihak Majlis Peguam membantah, tetapi setelah dirujuk kepada Select Committee di Singapura. setelah didapati keputusan dan rumusan-rumusannya, Majlis Peguam terpaksa bersetuju kerana ada kelemahan-kelemahan di dalam sistem juri dan bersetuju sistem itu digunakan di Singapura. Jadi, kita boleh menggunakan pendekatan mereka untuk pengubahsuaian bagi tujuan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir dari segi juri itulah perkara-perkara yang telah menyebabkan kerajaan mengambil keputusan untuk membentangkan Rang Undang-undang ini, meminda dan memansuhkan sistem juri.

Tadi, Yang Berhormat dari Arau, walaupun dia sudah tidak ada di sini, tetapi saya tidak tahu sama ada dia bersetuju ataupun tidak, dia bertanya berkenaan siasatan awal (preliminary hearing). Preliminary hearing ini adalah satu sistem yang mempunyai pertindihan dengan keterangan-keterangan yang akan diberikan di Mahkamah Tinggi kerana apabila seseorang dituduh membunuh, maka kesnya akan didengar oleh majistret untuk mendapati sama ada mencukupi bukan 'beyond reasonable doubt' — mencukupi untuk dibawa bagi didengar, bicarakan di Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Tinggi segala keterangan yang telah didengar di Mahkamah Majistret akan diulang balik. Jadi, pada pendapat kerajaan ini adalah satu sistem yang tidak efisien, yang tidak memberikan kesan dan ia tidak menjejaskan keadilan dengan menghapuskan sistem preliminary hearing ini, kerana ia adalah satu duplikasi yang tidak semestinya kita pertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, segala perkara berkenaan perkara yang dibawa oleh Bagan berkenaan ketidakpuasan hati mereka tentang poliskah, apa-apa perkara

ataupun yang dibawa oleh Bukit Bintang sebagai cerita-cerita biasa berkenaan orang ini rasuah, orang itu rasuah — semua cerita-ceritanya amat menyakinkan, tetapi tidak ada keterangan. Ini adalah tuduhan biasa yang kita sering dengar. Jadi, apa boleh buat saya terpaksa mendengar tiap-tiap sesi. Walau bagaimanapun itu menunjukkan bahawa kerajaan kita adalah pengamal demokrasi yang tulen sekali.

Kalau mengikut kita punya 'vicious', saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional memang hendak letak kapas dekat telinga, sebab selalu sangat, tetapi tidak apalah kita dengar. Tetapi kalau ada bukti-bukti sama ada polis kalau kita tidak bersetuju dengan tindakan polis, kita mengangap bahawa ada ketidakadilan, bawa dengan hujah-hujah yang boleh kita siasat. Tetapi saya minta di atas satu perkara sahaja, janganlah apabila membuat laporan selepas itu dedahkan dalam surat khabar seolah-olah orang itu telah bersalah. Bila polis mendapati dia tidak boleh mengambil tindakan kerana kurang keterangan atau perkara-perkara kabur banyak sangat, macam mana kita hendak memaksa oteh kerana datangnya daripada DAP semestinya dia punya report itu betul. That one, I think that is something wrong in the thinking process, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi, Yang Berhormat Menteri Undang-undang mengalakan bahawa kita cumanya sebut di sini dan tiada bukti-buktinya.

Saya sudah bercakap dan berhujah di sini, pada 12hb. dan 13hb. Disember, di mana saya telah diberi satu kes jenayah yang bernombor 61-2-90, di mana seorang adik hakim dibebaskan lidak menurul undang-undang dan juga kes itu tidak ditetapkan untuk 'mention' ataupun 'bicara' pada 30bb. Jun, 1994, tetapi kes

itu dipanggilkan khas dan dibebaskan dengan senyap-senyap. Bukanlah ini satu bukti yang boleh kerajaan atau kementerian ini boleh membuat satu siasatan. Kalau kita sudah berikan bukti yang sedemikian dan tidak boleh disiasat kerana di katakan tidak ada bukti lagi apa ertinya 'demokrasi'? Terima kasih.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Saya fikir demokrasi kerana kita mengizinkan Yang Berhormat main 'tape' yang sama. Itu demokrasi. Saya hendak beriihu berkenaan perkara ini, macam mana Yang Berhormat dapat tahu berkenaan kes adik hakim ini? Dia tidak umumkan pada siapa, macam mana Yang Berhormat tahu?

Tuan Wee Choo Keong: Kita ada special branch.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Bermakna Yang Berhormat korck cerita-cerita macam ini untuk membuat tuduhan.

Tuan Wee Choo Keong: (*Menyampuk*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar

Albar: Tuan Yang di-Periua, macam ini, saya hendak begini. Ada perkara, saya di dalam keadaan sebagai seorang yang memahami undang-undang, ada masanya kita tidak bersetuju dengan keputusan Peguam Negara, di dalam mengambil sesuatu keputusan, tetapi dia membuat keputusan berasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan yang diberikan oleh undang-undang kepadanya untuk membuat budi bicara, bukan menjadi kuasa Yang Berhormat untuk memaksa kalau Peguam Negara mendapati, walau bagaimanapun presepsi kita, mendapati bahawa tidak ada kes untuknya, dia boleh di dalam undang-undang mengatakan supaya kes ini ditarik balik dan mahkamah boleh membebaskan. Ini adalah perkara yang biasa.

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi sama ada Menteri Undang-undang sedar atau tidak bahawa sebelum 'Omar Chin' ini diluduh di Ipoh pada tahun 1990, IPnya sudah dihanlar kepada Peguam Negara, pada masa itu Peguam Negara sudah meneliti kes ini dan mengarahkan BPR supaya menuduh 'Omar Chin' ini, oleh kerana beliau menerima wang bertanda 'mark notes'. Tidak pernah lagi saya dengarkan kes BPR yang ditarik balik ataupun dibebaskan. Selepas Peguam Negara pada masa itu sudah membuat satu keputusan untuk menuduh beliau, kenapakah Peguam Negara yang baru ini, yang amat rapat dengan orang yang tertentu dan boleh membuat satu keputusan unluk menarik balik, itu yang saya hairan. Bolehkah beri penjelasan mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat sentiasa hairan fasal ini Yang Berhormat andaikan bahawa saya percaya yang 'Omar Chin' ini nama Yang Berhormat hubungkan dengan orang lain, maka dengan itu ada salah laku. It is very simple logic, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia heret macam itu, saya tidak boleh menjawab mengapa seorang Peguam Negara menjalankan budi bicaranya. Tetapi yang saya faham sebagai seorang yang menjalankan amalan undang-undang pada satu masa, Peguam Negara mempunyai hak, kebijaksanaan dia sendiri.

Kalau ada salah laku yang kila jelas dan nyata di atas mana-mana pegawai awam yang menjalankan tugas kila boleh membuat laporan, sama ada kita berjaya atau tidak itu soal lain, Yang Berhormat. Jangan saya fikir ulang-ulangan kes ini, oleh kerana saya tidak mempunyai maklumat dan bukti unluk menunjukkan, laporan memang ada Yang Berhormat buat tuduhan yang sedemikian, tetapi itu tidak bermakna adalah saiu perkara yang conclusive.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini dan banyak perkara yang lelah dibangkitkan memberikan syor dan cadangan. Kita akan mengkaji dalam setiap perkara yang diketengahkan oleh Yang Berhormat, yang boleh kita gunakan sebagai asas untuk membuat reformasi undang-undang jenayah di dalam negara kila, insya -Allah bagi menentukan bahawa pentadbiran keadilan jenayah di dalam negara kita dapat mencapai matlamat sebenar untuk memberi keadilan kepada rakyat jelata. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PENCULIKAN (PINDAAN) 1994**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.57 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akia Penculikan (Pindaan) 1994 dibacakan kali yang kedua.

Pindaan kepada Akta Penculikan 1961 adalah bertujuan untuk menamatkan sistem pembicaraan menggunakan bantuan pengapit dalam kes-kes penculikan. Ini adalah selaras dengan cadangan kerajaan untuk menamatkan perbicaraan menggunakan sistem juri dan perbicaraan dengan bantuan pengapit bagi kesalahankesalahan yang boleh membawa hukuman mati. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, suatu Rang Undang-undang meminda Kanun Prosedur Jenayah bagi tujuan ini telah pun diluluskan oleh Dewan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala cadangan untuk pindaan sebagaimana terkandung dalam Kertas Rang Undang-undang yang diedarkan di bawah DR. 43/1994.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akia Penculikan 1961 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Kepong.

8.53 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tiada orang yang hendak membincangkan mengenai.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You bukan orangkah? (*Ketawa*)

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Nang-bu-tinang.

Dr. Tan Seng Giaw: Ah! Jerai, ya! Ini masalah Jerai sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila, Yang Berhormat. Masa sudah pukul 8.53 sekarang.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, saya tahu, saya tahu. Kalau tidak bcrwaspada, Ahli Yang Berhormat Jerai akan diculik! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua,.....

Seorang Ahli: Dia tiada point.

Dr. Tan Seng Giaw: Mcmang ada point. Kerana pihak DAP tidak bersetuju dengan pembatalan. (*Disampuk*) Macam mana Ahli Yang Berhormat Jerai pula.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Kepong kena culik!

Dr. Tan Seng Giaw: Ini, Ahli Yang Berhormat Parit Sulong pula! (*Keiawa*) Kila tidak bersetuju sistem juri dibatalkan dan begitu juga dengan pindaan ini, seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri iailu kita hendak memotongkan sebutan mengenai 'perbicaraan oleh hakim Mahkamah Tinggi dengan bantuan pengapit'. Kerana sekarang kita sudah tidak mahu pengapit langsung. Saya bcrharap pihak

kementerian dapat mempertimbangkan semula memandangkan penjelasan dan bukti-bukti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Jelutong dan Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang tadi terhadap juri, begitu juga dengan bantuan pengapitnya (the assessors). Walaupun Yang Berhormat Menteri tadi dengan panjang lebar mengatakan tidak perlu, kerana pihak juri ini tidak layak dan penuh dengan emosi dan sentimen dan boleh diperdaya oleh pihak peguam. Begitulah lebih kurang. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, bil berkenaan juri sudah selesai.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, sudah selesai. Saya tahu, saya tahu. Dia akan gunakan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minla Ahli Yang Berhormat bercakap berkaitan dengan ini dan perkataan juri itu tidak berkaitan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, iaitu mengenai bantuan pengapit. Ianya serupa juga dengan pihak juri, dia akan gunakan alasan yang serupa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, pindaan ini ada kaitan dengan pindaan yang awal. Jadi, jangan diulang perkara yang serupa.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak ulang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Part-parl, sudahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak komen sedikit ke atas apa yang dibuat oleh Yang Berhormat..... pihak peguam

di barisan situ, tiada orang! Apa hendak dibincangkan? Batang yang terlupar pun tidak mahu! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau tiada point.....

Dr. Tan Seng Giaw: Memang ada point, memang ada point.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya suka mengingatkan kepada semua yang ingin mengambil bahagian bahawa bil ini ada berkaitan dengan bil yang pertama. Jadi, jangan diulang apa yang telah dibincangkan tadi.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Memang saya hendak membincangkan mengenai bantuan pengapit. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, dalam pengataman beliau — saya pun tidak tahu sama ada dia ada pengalaman di dalam mahkamah? (*Disampuk*) Tiada? Teruklah sekarang. Tiada pengalaman di dalam mahkamah dan sekarang datang ke Dewan yang mulia ini untuk membentangkan satu perkara yang kena mengena dengan mahkamah. (*Disampuk*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Awak ini layak mengenai undang-undangkah ataupun berkenaan kulit? (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan layak dalam undang-undang tetapi sebagai pembuat undang-undang, (*Disampuk*) sebagai pembuat undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini — ini Dewan Udangan!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Ini Parlimen.

Dr. Tan Seng Giaw: Parlimen!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw: Ahli Yang Berhormat Rompin tidak lahu bahawa ini adalah satu Dewan Undangan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya mintalah Yang Berhormat, kalau tiada point, sudahlah. Kita ada Rang Undang-undang lain yang perlu dibincangkan dengan teliti.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of order.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana point of order pula?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, pertama point of order 36 (1) — dia bercakap tidak berkaitan. Kedua, saya hendak beritahu kepadanya anak dengan bininya menunggu di luar. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Kota Setar mengajar orang berbising-bising;

Orang pendek teringin panjang,
(Disampuk)

Hendaknya berhenti fajar menyinsing,

Suara nyaring lidahnya panjang,

Malang orangnya begitu pendek.
(Keiawa)

Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak mengendahkan peraturan berkenaan, saya kena gunakan kuasa dalam Peraturan Mesyuarat untuk memberhentikan Yang Berhormat dari berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cari Yang Berhormat Menteri. Kalau saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, janganlah kacau saya!

Tuan Haji Badruddin bin Amirul-din: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Pertama, saya ingin menjawab balik, sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan pantun ini yang berkenaan dengan Yang Berhormat:

Itik jantan sedang terapung,

Terapung dalam lautan biru,

Wakil Kepong terapung-apung,

Seluarnya nak terlondoh, naik haru-biru. *(Ketawa)*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,

Seorang pegawai naik turun mcnamam pokok jerai,

Datang ke Parlimen pergi balik di Jalan Pudu,

Bercita-cita naik pangkat belum tercapai,

Pi mai pi mai dok tang lu!
(Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat berhenti bercakap kalau yang ada boleh dijawab, minta Menteri jawab sekarang. *(Ketawa)* Saya tak boleh benarkan lagi. Yang Berhormat, saya telah

memperingatkan bahawa Rang Undang-undang ini ada kaitan dengan Rang-Undang-undang sebelum ini, dan berkaitan juri. Saya tak boleh benarkan lagi berucap tentang juri. Kalau tak ada point, saya minta Menteri kalau boleh jawab apa yang perlu dijawab. Kalau tidak, kita meluluskan Rang Undang-undang ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menanya Yang Berhormat Menteri, dengan kita memberhentikan sistem bantuan pengapit, bagaimana kita boleh adakan perbicaraan yang lebih adil di dalam mahkamah kita? Setahu saya setakat ini misalnya di Sabah ada sistem untuk penculikan, dua bantuan pengapit — Tuan Yang di-Pertua pun boleh beri saya tahu sistem ada di sana. Saya pun tak begitu biasa dengan apa sistem yang digunakan di Sabah. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri pernah mengatakan itulah sistem yang digunakan di Sabah. Kalau ini dihapuskan sama sekali, bagaimanakah kita dapat menjalankan proceeding dengan baik untuk memastikan kes perbicaraan penculikan boleh dijalankan dengan baik? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ramai lagi hendak ambil bahagian? Ya, Batang Lupar.

9.03 mim.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi memang nak berdiri beritahu Kepong, lak payah bercakaplah kalau tak ada modal. Jadi, saya banyak modal dari tadi, modal tak keluar hari ini, modal yang tertunggak — pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, ini pemindaan Akta Penculikan 1991, walaupun selaras dengan ataupun sealiran dengan pindaan

Akta Prosedur Jenayah, adalah satu review undang-undang untuk mengubah-suaikan undang-undang yang ada kepada keadaan yang lebih baik untuk keadaan semasa. Jadi, undang-undang kita sebagaimana yang kita sedari, iaitu orang yang dituduh adalah dipresume innocent sampai proven guilty. Tetapi kalau DAP yang buat report, dia reverse — guilty until proven innocent. Jadi, dia reverse macam itu.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Menyampuk*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tiap-tiap kali sengaja dia buat macam itu. Kepong, janganlah kacau, dengar orang cakap! Mereka ini memang macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia buat macam itu, apa dia buat kerajaan mesti ikut.....

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Setar bangun.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar; Bahkan Attorney-General, minta maaf — mesti beri peluang.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan, sebab nak beri satu contoh yang latest sekali. Semalam Yang Berhormat dari Bukit Bintang, semasa cabut nombor bertuah, bila orang lain dapat hadiah dia mengata 'all fixed', tiba-tiba dia dapat hadiah, dia kata ini baru tak 'fixed', inilah cerita dia, (*Ketawa*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Betul, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan secara berseloroh ataupun joking, tetapi secara serius. Ini memang keadaan yang berlaku pada DAP. Kalau mereka buat aduan, mesti perkara itu diselidik dengan

teliti, dan sudah diselidik dengan teliti sama ada keluar bukti nyata ataupun tidak, mesti dituduh di mahkamah. Bahkan kuasa menggunakan diskresi oleh pihak AG Chambers tidak lagi diberi, mesti dituduh. Jadi, saya sebagai pegawai polis, banyak perkara ini apa yang dikatakan Investigation Paper (IP) dia kata tadi, dimajukan daripada satu peringkat ke satu peringkat sampai ke peringkat atasan sekali. Sudah sampai ke peringkat atasan, iaitu DPP yang mempunyai kuasa dibawah Kanun Jenayah membuat keputusan sama ada bukti nyata ataupun tidak. Dari peringkat itu, baru keputusan dibuat sama ada dituduh ataupun tidak dituduh. Tetapi kalau satu-satu perkara berbangkit, menunjukkan perkara itu tidak beriak, AG boleh berkuasa menarik balik mana-mana kes.

Jadi, bukannya makna kalau kes itu sudah dilapor, mesti dituduh. Ini betul, baik, peguam banyak kerja, discretion tak buat. Siapa kena tuduh mesti kena bawa ke mahkamah tunggu peguam, kalau tidak masuk jel. Orang nak lawan macam mana, tak tahu undang-undang.

Jadi, keadaan yang sebegini lak tahu-lah saya. Betul-betul macam dua tiga hari lepas saya ada baca surat khabar, iaitu seorang profesor dari Amerika yang mengkritik keputusan mahkamah di Singapura dan senior minister mengambil tindakan kepada suratkhabar dan Kerajaan Amerika pula mengkritik mengatakan konon tidak ada kebebasan. Tetapi ini lindakan undang-undang oleh Kerajaan Singapura dan Menteri Singapura, kenapa tak boleh? Tak bolehkah kehakiman menentukan kebetulan atau kesalahan apa yang telah berlaku. Macam inilah mereka ini! Kalau untuk mereka, bebas itu, bebas. Tetapi kalau kita bebas untuk mengambil tindakan undang-undang, dia kata salah pula — inilah dia!

Tuan Yang di-Pertua, mereka ini tak tahulah saya. Jadi, soalan penculikan perkara yang serius, kes-kes yang ganas. Sebagaimana Menteri sudah beritahu tadi, kes-kes yang ganas memang ada. Dalam keadaan sedemikian yang mana orang menculik lebih ganas—dahulu pengganas ini kurang sedikit ganasnya. Orang ganas sekarang, dia punya degree of ganas itu lebih tinggi daripada dahulu, kerana dia lengok cerita mafia dalam movie, the violence dalam TV, wayang gambar dan sebagainya. Daripada itu, diambil tindakan. Jadi, kadangkala orang yang jadi assessor ini terdedah dalam keadaan yang demikian. Secara fizikal, imagination ataupun real perkara ini, dia sentiasa berfikiran macam itu. Jadi, kita alihkan supaya mereka ini bukan sahaja tidak terdedah dengan keadaan demikian

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Yang Berhormat, penjelasan sedikit. Yang Berhormat kata orang sekarang ini lebih ganas daripada orang dahulu. Ini bermakna Yang Berhormat bersetuju dengan Yang Berhormat dari Jelutong, Kepong, Bukit Bintang bahawa DAP sekarang lebih ganas daripada DAP 10 tahun dahulu. (*Ketawa*)

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, itulah saya mengatakan undang-undang macam ISA — tadi saya sebutkan. Direview Kanun Prosedur Jenayah ini supaya mengetatkan lagi dan jangan dibuat too vague — a provision supaya orang yang ganas macam mereka ini diambil tindakan. Kerana negara kita ini — ada perkataan 'good ridden badrubbish'. Kalau benda yang tak baik itu, we can do away with them, dengan izin.

Jadi, saya setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri, betul-betul seiuju, kerana kalau di sini diberi kebebasan, yoyo pun dia buat di sini.

Tetapi kalau kebebasan yang sama tidak ada kebebasan macam di Parlimen ini diberi keluar, macam itulah perangai mereka. Tetapi dalam ini alhamdulillah, kebebasan diberi sebeb-bebasnya, tetapi dengan kebebasan yang demikian, kita tengoklah tindakan, tuduh melulu, sebut apa dia suka, tindakan yang tidak ada.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, perbincangan ini biarlah berkaitan dengan Rang Undang-undang, mintalah,

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sebab soalan jenayah dan ganas ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya akan balik kepada itu. Jadi, saya memang very grippy, kerana ada kawan-kawan beri moral boosting — kata bagus.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya rasa kita bincang ini ialah berhubung dengan polisi, saya ingat pada pandangan saya Batang Lupa memberi contoh-contoh yang kita seronok mendengar untuk memberi panduan kepada kita untuk menyokong Bill ini. Kita minta dia memberi contoh tambahan kalau boleh.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, banyak! Soalan undang-undang saya minta kerajaan, Menteri Undang-undang membuat satu rumusan dan buat cadangan kepada kerajaan untuk buat review undang-undang kita semua, daripada segi hukumannya, daripada segi keberkesanannya dan daripada segi untuk menyesuaikan undang-undang itu dengan society kita. Umpamanya yang saya sebut, yang pertama, saya tidak terlibat dengan membincangkan Rang Undang-undang Domestic Violence kerana ditable pada pukul 12.00 malam. Masa itu penerbangan saya pergi pada pukul 9.00 malam.

Jadi, apabila undang-undang itu dilulus dengan hukuman maksimum lima tahun untuk kesalahan yang dilakukan dibawah undang-undang itu, walaupun kalau orang menggunakan pedang, menggunakan parang, menggunakan racun, menggunakan apa benda hukumannya lima tahun penjara walaupun begitu violence begitu ganas begitu jahat sekali tetapi kata orang ini dituduh di bawah undang-undang jenayah biasa Penal Code, dia akan dihukum 15 tahun 20 tahun, sampai 20 tahun hukum pun ada. Jadi, kenapa perbezaannya, kalau mengganas kerana budak-budak kecil-kecil ini yang tak boleh mempertahankan diri lima tahun tetapi ganas kepada orang tua kerana hukum 15 tahun 20 tahun. Jadi, saya fikir ini patut diselaraskan. Oh! ada jawapan daripada Menteri ini belum saya dapat terimalah, dia kata, kalau begitu kita tuduh di bawah Kanun Jenayah. Tetapi evidential rule, dengan izin, di bawah Kanun Jenayah dengan Kanun Domestic Violence berlainan — burden of proof semua sekali dia berlainan sedikit, jadi yang mana memudahkan sedikit penyelenggaraan kes di mahkamah daripada segi domestic violence daripada Kanun Jenayah biasa. Jadi, itulah sebabnya, itu satu misal sahaja yang saya sebutkan itu.

Jadi, satu undang-undang lagi, undang-undang anjing itu. Anjing berkeliaran makan orang di sana sini. Jadi, ini ganas juga macam penculikan. Anjing yang mengganas di sana sini bila dihukum mati.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Bill ini limited Yang Berhormat. Ini berkaitan dengan penghapusan pengapit, Yang Berhormat, tak usahlah bercerita misal yang berkaitan dengan Bill ini tetapi yang direct, saya mintalah Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Insya-Allah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau boleh, kita boleh mulakan Bill yang baru esok, saya tidak mahu buang masa.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Saya minta penjelasan hendak bawa balik sahabat saya ke relnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada sahabat saya seorang lawyer, saya layman; saya Part 1, dia Part 2. (*Ketawa*) Saya mendengar lawyer daripada Bukit Bintang daripada Jelutong — these two lawyers — dalam profesion Yang Berhormat sebagai peguam adakah Yang Berhormat biasa melalui pengalaman bila seseorang, katau Yang Berhormat tidak melalui saya rasa yang berdua itu barangkali ada mempunyai pengalaman, bila client kita, bila yang dituduh telah mengaku tentang kesalahan dia, dia minta Yang Berhormat membela, adakah Yang Berhormat akan cuba membohong court supaya dapat mempengaruhi pengapit-pengapit yang kita mansuhkan. Saya ingin tahu sebagai tugas sebagai seorang lawyer kadang-kadang terpaksa untuk hendak membela pelanggan dia atau client dia, dia terpaksa mencari jalan apa jalan sekalipun sehingga professionally bluff untuk mempengaruhi pengapit-pengapit yang kita hendak mansuhkan pada hari ini.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang benar! Perkara ini kecurigaan pihak kerajaan sebagaimana Dato' Menteri tadi memberitahu, kadang-kadang oleh sebab peguam yang begitu bijak berbahas, begitu bijak membuat hujah-hujah mereka, jadi bahkan kalau kita pandang kadang-kadang juri ini pakaian orang yang daiang di mahkamah pun jadi satu nilai karektornya. Apatah lagi cara dia bercincang dan cara dia bercakap. Jadi, bagi saya kalau orang itu sudah saya lahu memang melakukan kesalahan, bukan

sahaja saya akan tepuk dada tanya selera, saya memang tak hendaklah bela orang yang macam itu. Oleh kerana keganasan itu tetap keganasan — kalau orang salah. Walaupun dikatakan sebagai seorang peguam kalau kes itu datang di hadapan you dan you dikehendaki membuat satu defence, you mesti kena buat. Tetapi kita juga sebagai seorang peguam kalau kita tanya diri sendiri keikhlasan kita tidak ada dan kita berfikir tidak berpendirian sedemikian kita boleh menarik diri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, gulung. Insya-Allah, saya akan gulung. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya kata masa sudah cukup bukan menggulung.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Oh! Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbaian Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seremban, selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

9.75 mlm.

Tuan Yim Chee Chong (Seremban): Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin berpantun untuk menyahut Kepong. (*Ketawa*)

AnakCinajual lebu,

Ada juga yang jadi lawyer;
(*Ketawa*)

Anak India jaga lembu,

Adajugayangjadi Doktorpunada
juga orang India. (*Ketawa*)

Ahli Kepong selalu melahu,

Mcmang patut kena ganggu.
(*Keiawa*)

Ada pantun yang lain, saya ingin bacakan sebelum saya berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat! Yang Berhormat hendak berucap atau hendak berpantun? Kalau hendak berpantun kena beri notis dahulu. *(Ketawa)*

Tuan Yim Chee Chong: Beri notis? Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin hendak memben notis. *(Keiawa)* Saya ada satu pantun lagi yang lbih baik. *(Ketawa)* *(Tepuk)*

Perlahan-lahan melepas kentut;
(Ketawa)

Kentut di lepas di tengah malam;
Sekarang belum sampai tengah malam lagi!

Muka macam Kepong sikit aku lak takut;

Aku picit-picit aku buat ulam;
(Ketawa)

Setuju atau tidak Kepong?
Hendak sahut?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta Yang Berhormat Menteri jawab!

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Speaker, berkenaan dengan cadangan meminda Akta Penculikan 1961 saya menyokong Yang Berhormat Menteri Undang-undang yang mengemukakan cadangan untuk Yang Arif dalam Mahkamah tetapi dalam Dewan yang mulia ini pun boleh disebut Yang Arif dan Yang Berhormat, *(Tepuk)*

Seorang Ahli: Itu sahaja, terimakasih.

Tuan Yim Chee Chong: Belum lagi! *(Ketawa)* Hujah-hujah Menteri Undang-undang adalah 'fantastic' Orang Putih katakan. *(Tepuk)* Saya sokong dengan

penuh hati. Orang pulih kata 'from the bottom of my heart'. Saya beri sokongan yang penuh kepada beliau, *(Tepuk)* oleh kerana pindaan undang-undang ini adalah untuk menegakkan keadilan di mahkamah dan untuk mengakkan keadilan masyarakat. Maka saya memohon menyokong dengan sepenuh hati. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Periua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, diminta menjawab. Kalau ada yang perlu dijawab, pantunkah?

9.79 mlm.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ya! Saya tidak boleh berpantun, Tuan Yang di-Pertua. Pantun ini kita tinggalkan Seremban dengan Parit Sulong. Kepong sedikit-sedikitlah tetapi banyak terbabas. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi maklumat, kalau tidak dia termaktub di dalam *Hansard* yang Kepong ini untuk dapat dia punya sokongan dalam Rang Undang-Undang dia tanya orang yang tak tahu iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong sama ada saya sudah pergi mahkamah, sudah tengok mahkamah, Yang Berhormat ini pun saya sudah pernah tengok. Saya pernah duduk di dalam mahkamah menghakimkan kes-kes, jadi tidak hairanlah uniuik saya Yang Berhormat, dalam hal-hal ini.

Jadi, dua-dua belah saya pernah tengok, walau bagaimanapun tidak semestinya saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Dia tidak ada soalan, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat daripada Kepong, daripada Batang Lepar pun bercakap banyak dan daripada Seremban.

Rang Undang-undang ini hanya 'consequential' urutan daripada Rang Undang-undang yang telah kita pinda; segala hujah yang telah saya gunakan tadi adalah terpakai.

Jadi, saya hanya berharap Yang Berhormat dari Batang Lumar faham bahawa DAP memang dia macam itu juga. Tadi saya lupa bercakap berkenaan Tumpat (PAS) ini. Bila dia bercakap, dia kata dia mengalu-alukan tetapi dia tidak sokong. Ini kalau orang Islam macam ini, dia tidak jujur jalankan lugas dia. Kalau betul mengikut sistem Islam, kita perlu menyokong segala yang dibawa oleh kerajaan. Jangan cuba mengambil kepentingan politik. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Boleh penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah habiskah, Yang Berhormat?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia hendak minia penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak bcri?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okay.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tadi sebab Batang Lumar tidak dibcnarkan menyambung tetapi dia sudah sebut disini pasal keganasan anjing. Saya berminat

tentang tajuk ini. Adakah Yang Berhormat ada hubungkait ataupun hendak buat satu undang-undang baru yang membolehkan kita membincangkan tajuk ini?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir dalam soal anjing ini, Yang Berhormat dari Batang Lumar kena buat kertas kerja. Ini kalau dia bercakap soal anjing sebab saya tidak faham tadi.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: (*Menyampuk*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dia bercakap berkenaan Le Roc. Le Roc ialah anjing, itu hari saya sudah bercakap, saya membcrikan jawapan berkenaan Le Roc. Kalau Yang Berhormat hendak undang-undang yang khusus untuk kita bincangkan, the next sessionlah kita tengok, ya Yang Berhormat? (*Disampuk*) Itu saya pun tidak tahu. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, hanya satu perkara mungkin tadi saya terlupa yang dibawa oleh Batang Lumar, saya faham berkenaan perbezaan di antara Domestic Violence Act dengan Kanun Prosedur Jenayah. Dia punya burden of proof adalah berbeza dan hukuman-hukumannya pun bcrbeza kerana kesalahan itu adalah dua kesalahan yang berlainan.

Walau bagaimanapun, apabila Yang Berhormat mengemukakan pendapat, kila akan memberikan jawapan dalam sudut-sudut tertentu untuk meneniukan persoalan yang dikemukakan dapat diberikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan tcrima kasih kepada Yahg Berhormat dari Arau, Batang Lumar, Kcpong dan Seremban yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan

ini, di dalam membincangkan Rang Undang-undang Penculikan (Pindaan) 1994 ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawaiankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAHKAMAH KEHAKIMAN
(PINDAAN) (NO. 2) 1994**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.25 mlm.

Dato Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akla Mahkamah Kehakiman (Pindaan) (No. 2) 1994 dibacakan bagi kali kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengubahsuai dan memaniapkan lagi bidang kuasa serta kuasa-kuasa mahkamah berikutan daripada kepulusan kerajaan menubuhkan Mahkamah Rayuan dan wujudnya sistem kehakiman satu perbicaraan dan dua peringkat rayuan.

Di bawah struktur baru ini, Mahkamah Persekutuan akan mendengar rayuan-rayuan yang dimajukan kepadanya daripada sesuatu keputusan oleh Mahkamah Rayuan. Oleh yang demikian, beberapa pindaan berbangkit perlulah dibuat bagi menyelaras dan memantapkan lagi kuasa dan bidang kuasa Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan dalam konteks struktur baru badan kehakiman.

Pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 adalah perlu juga dibuat bagi mengubahsuai tatacara perbicaraan selaras dengan cadangan untuk menghapuskan perbicaraan dengan menggunakan sistem juri dan pengapil. Mahkamah Rayuan pada ketika ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar sebarang rayuan jenayah terhadap sebarang keputusan Mahkamah Tinggi dalam menjalankan bidang kuasa asalnya aiau dalam menjalankan bidang kuasa rayuannya terhadap sesuatu keputusan Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret.

Pindaan adalah dicadangkan bagi memperuntukkan supaya apa-apa rayuan berhubung dengan persoalan undang-undang pada mahkamah atau sesuatu persoalan undang-undang kepada Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Majistret mestilah merupakan suatu persoalan undang-undang yang telah berbangkit dalam perjalanan rayuan, penyemakan oleh Mahkamah Tinggi itu dan pencntuan soalan itu oleh Mahkamah Tinggi telah mempengaruhi kesudahan rayuan atau penyemakan itu. Ia adalah bertujuan menetapkan atau menjelaskan

kuasa rayuan Mahkamah Rayuan dalam konteks bidang kuasa penyemakan mahkamah tersebut.

Selaras dengan penjelasan dan penetapan kuasa rayuan Mahkamah Rayuan sebagaimana yang dinyatakan tadi, maka adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat pada Seksyen 51 (2) menerusi Fasal 3 Rang Undang-undang ini bagi memperjelaskan perjalanan had masa yang ditetapkan untuk membual permohonan kepada Mahkamah Rayuan, Ini adalah semata-mata berujuan untuk memperjelaskan perkiraan tempoh masa,

Tuan Yang di-Pertua, Mahkamah Persekutuan secara umumnya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar sebarang rayuan sivil yang dirujukkan kepadanya daripada sebarang keputusan Mahkamah Rayuan tertakluk kepada Seksyen 96 (a) (1) iaitu nilai pentikaian terlibat di dalam rayuan tersebut. Pasal 16 Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengenyahkan keperluan mengambil kira nilai wang ringgit sesuatu tuntutan itu. Ini adalah kerana peruntukan yang sedia ada menghalang rayuan daripada keputusan beberapa perkara sivil khususnya berhubung dengan kajian semula kehakiman, tindakan pentadbiran dan periniah prografif yang pada kebiasaannya tidak boleh dinilai dengan wang daripada dibawa ke Mahkamah Persekutuan.

Melalui *Pasal 12* Rang Undang-undang ini pula, adalah untuk meminda Seksyen 67 (1) bagi menyelaras bidang kuasa rayuan Mahkamah Persekutuan supaya merangkumi semua tindakan sivil selaras dengan kuasa dan bidang kuasa dan peruntukan kepada mahkamah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya telah membentangkan Rang Undang-

undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 1994 dan Rang Undang-undang Akta Penculikan (Pindaan) 1994 bagi tujuan menghapuskan amalan perbicaraan sistem juri dan pengapit. Selaras dengan penghapusan sistem juri dan pengapit ini, beberapa pindaan consequemial kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1994 perlu dibuat untuk menyelaraskan latacara perbicaraan dan rayuan kes-kes jenayah. Selain daripada pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, beberapa pindaan berbangkii juga dicadangkan untuk memperjelaskan lagi peranan dan bidang kuasa setiap peringkat mahkamah di dalam struktur dan badan kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, segala pindaan-pindaan dengan terperinci terkandung di dalam kertas Rang Undang-undang DR. 42/94. Saya mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1994 dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Ya, Jclutong.

Ya, saya ingat Yang Berhormat kena berbahas esok. Masa hari ini sudah cukup.

Tuan R. Karpal Singh: Esok pagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukan esok pagi, esok petang. (*Ketawa*) Ya, Yang Berhormat datang esok petang.

Seorang Ahli: Pukul 7.00 pagi pun boleh. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 2.30 petang esok. Kalau Yang Berhormat tidak ada, kita boleh beri orang lain.

Tuan R, Karpal Singh: Ya, baik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, esok.

Seorang Ahli: Pagi, pukul 9.00.
(*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa hari ini sudah cukup. Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan padapukul 9.30 malam.